

"PERISTIWA Adha telah mendidik umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan amat bekasan. Ia telah menjadikan umat ini teguh dan berani. Kerana itu, sejarah dapat menyaksikan betapa umat Islam dalam berperanan dengan cemerlang dalam mencorakkan kehidupan berakhlak dan berundang-undang, selaras dengan ajaran berkorban itu." - Titah Sempena Hari Raya Aidiladha pada 20 Januari 2005.

"DARI Anas bin Malik ia berkata sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, barangsiapa yang berselawat kepadaku dengan satu selawat, maka Allah berselawat kepadanya dengan sepuluh selawat dan dengan selawatnya itu juga Allah memberikan sepuluh kebaikan kepadanya dan menghapuskan sepuluh keburukan." (Riwayat Al Imam An-Nasaie).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan menerima mengadap Setiausaha Agung Pertubuhan Pelancongan Sedunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (UNWTO), Tuan Yang Terutama Francesco Frangialli. Majlis Mengadap berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan. - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Menerima mengadap Setiausaha Agung UNWTO

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan menerima mengadap Setiausaha Agung Pertubuhan Pelancongan Sedunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) - (UNWTO), Tuan Yang Terutama Francesco Frangialli di Balai Penghadapan, Bukit

Kayangan, di sini.

DYTM dan Setiausaha Agung UNWTO mengadakan perbincangan mengenai usaha-usaha Pertubuhan Pelancongan Sedunia PBB dan kerjasama di antara kedua-dua belah pihak dalam meningkatkan industri pelancongan di Negara Brunei Darussalam.

Setiausaha Agung UNWTO berada di negara ini bagi lawatan selama dua hari.

PERATURAN SMS DIRANCANG BERKUAT KUASA 1 JANUARI 2009

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Disember. - Dengan kerjasama Pejabat Peguam Negara (Attorney General Chambers), Kementerian Perhubungan dan Jabatan Penerbangan Awam (JPA) kini mengusahakan Peraturan Mengenai Sistem Pengurusan Keselamatan (SMS) bagi memastikan keperluan tersebut berkuat kuasa menjelang 1 Januari 2009.

Perkara itu dinyatakan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar ketika merasmikan Majlis Pembukaan Minggu Keselamatan Penerbangan berlangsung di Rizqun International Hotel, Gadong, di sini.

Dalam hubungan itu, Yang Berhormat menjelaskan, mana-mana pertubuhan penerbangan dikehendaki mengurus keselamatan sebagai salah satu proses perniagaannya.

"Sama seperti fungsi teras perniagaan lainnya, sistem pengurusan keselamatan perlulah jelas dan setentunya mapan. Oleh itu pengurusan keselamatan adalah prasyarat bagi satu perniagaan penerbangan yang mapan," jelasnya lagi.

Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membelanjakan kira-kira \$115 juta dalam 21 projek yang berkaitan dengan keselamatan sejak 15 tahun lalu di bawah tiga Rancangan Kemajuan Negara (RKN).

Bahkan, kata Yang Berhormat lagi, di bawah RKN yang baru sejumlah besar belanjawan dijangka akan diperuntukkan bagi memastikan keselamatan melalui pelaksanaan pelbagai projek.

Yang Berhormat berkata, Negara Brunei Darussalam

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

sangat berbangga dengan rekod keselamatan penerbangan-nya di mana tiada kemalangan besar ke atas pesawat awam dilaporkan sejak lebih dua dekad.

Rekod keselamatan itu, jelas Yang Berhormat, hanya boleh dicapai melalui kerjasama rapat di kalangan masyarakat penerbangan.

Majlis juga diselenggarakan dengan penandatanganan memorandum persefahaman (MOU) mengenai Kerjasama Penyiasatan Kejadian dan Kemalangan Pesawat antara JPA Negara Brunei Darussalam dan Biro Siasatan Kemalangan Udara Republik Singapura.

Menandatangani bagi pihak JPA, Pengarahnya, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail, sementara Biro Siasatan Kemalangan Udara Singapura juga diwakili oleh Pengarahnya, Chan Wing Keong dan disaksikan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Pengarah JPA berkata, melalui MOU itu, Republik Singapura akan memberikan bantuan teknikal kepada negara ini dalam membuat siasatan kemalangan udara.

Yang Berhormat seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Mewarna Keselamatan Penerbangan anjuran Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) yang diadakan sempena Minggu Keselamatan Penerbangan.

Lihat muka 24

Beri peluang saksama kepada masyarakat berkeperluan khas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Disember. - Mesyuarat Keenam ASEAN 'Ministerial Meeting for Social Welfare Development 2007' mengambil kira kebimbangan dan pengalaman orang-orang berkeperluan khas sebagai dimensi dasar dan peraturan di dalam semua masyarakat ASEAN untuk memastikan mereka yang berkeperluan khas diberikan peluang yang saksama dalam bidang pekerjaan.

Mesyuarat juga antara lain menghendaki satu masyarakat yang menyeluruh, bebas sekat dan halangan serta berdasarkan hak untuk orang berkeperluan

an khas selain mengambil perhatian kepada isu-isu yang berkaitan dengan perubahan sosial dan ekonomi yang timbul dari kederasan globalisasi, yang menyumbang kepada cabaran-cabaran rumit yang menjejaskan keselamatan manusia dan seterusnya menyisihkan orang-orang berkeperluan khas.

Mesyuarat Keenam ASEAN 'Ministerial Meeting for Social Welfare Development' dan '2nd ASEAN Plus 3 Ministerial Meeting for Social Welfare and Development' berlangsung di Hanoi, Viet Nam pada 6 hingga 7 Disember 2007.

Delegasi Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud, yang juga dilantik sebagai Timbalan Pengerusi mesyuarat berkenaan.

Tema mesyuarat pada tahun ini ialah 'Mainstreaming Persons with Disabilities in Development: Lessons and Actions for the Future' iaitu menyebarkan orang-orang yang berkeperluan khas di dalam pembangunan dan pengajaran serta tindakan yang perlu diambil di masa ha-

dapan.

Dalam Komuniti ASEAN (ASEAN Community) 2015, mesyuarat telah bertekad untuk mempromosikan kerjasama terhadap masyarakat yang menyeluruh, bebas sekat dan halangan dan berdasarkan hak untuk keperluan khas, serta membuka peluang yang sama rata untuk semua ahli masyarakat kepada perkhidmatan sosial, terutama kepada orang-orang yang berkeperluan khas, warga emas, kanak-kanak istimewa, mangsa perdagangan haram dan bencana alam.

Mesyuarat juga mengahgai penyerahan pertu-

buhan bukan kerajaan (NGOs) dalam Forum Pertama dan Kedua Pertubuhan Kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan ASEAN (G-NGOs) dalam membantu kerajaan untuk mengenalpasti tatacara untuk bergerak maju dalam menangani keutamaan-keutamaan dalam pemberian kebajikan dan pembangunan sosial.

Di forum tersebut Negara Brunei Darussalam diwakili oleh seorang peserta dari Pertubuhan Kebajikan Masyarakat.

Mesyuarat Kedua ASEAN Plus Three 'Ministerial Meeting for Social Welfare and Development'

dengan Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea pula antara lain menekankan betapa mustahaknya penghapusan semua sekat dan halangan bagi membolehkan orang-orang yang berkeperluan khas menyumbang kepada masyarakat.

Menurut giliran abjad, Negara Brunei Darussalam dijangka akan menjadi tuan rumah bagi 7th ASEAN Ministerial 'Meeting for Social Welfare and Development' dan '3rd ASEAN Plus Three Ministerial Meeting on Social Welfare and Development' pada tahun 2010.

TAHUKAH AWDA

JABATAN Kastam dan Eksais Diraja (JKED) telah berjaya membuat penangkapan seramai 373 orang sehingga 17 November 2007 ke atas kes kesalahan kastam. Jumlah tangkapan ini meningkat berbanding dengan tahun 2005 dan 2006 di mana pada tahun lepas 264 orang berjaya ditangkap dan 177 orang pada tahun sebelumnya. Menurut JKED adalah dicatatkan kes kesalahan yang banyak ialah penyeludupan minyak.

Inilah salah satu usaha JKED bagi meningkatkan kepupayaan pencegahan dan profesion dalam mengawal barang-barang larangan dan tegahan di Negara Brunei Darussalam. - Sumber Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.



19 DISEMBER 2007 BERSAMAAN 1428 9 ذوالحجة

PAKAILAH TALI KELEDAR KESELAMATAN

KEGAGALAN memakai tali keledar keselamatan ketika memandu di jalan raya akan mengundang risiko kepada pemandu-pemandu dan penumpang kereta dikenakan tindakan undang-undang dan denda. Pemakaian tali keledar sudah diwajibkan sejak 18 tahun yang lalu, namun masih lagi ada pemandu yang tidak mengendahkan peraturan itu. Tetapi sekarang, tidak ada lagi tolak ansur. Mereka yang didapati oleh pihak berkuasa, gagal dan tidak memakai tali keledar semasa memandu akan berdepan dengan undang-undang dan denda.

Pada 18 Februari 1989, di bawah Peraturan Lalulintas Jalanraya Tali Keledar Keselamatan (Safety Belt) Penggal 68 Seksyen 8 (1) telah pun menguatkuasakan penggunaan tali pinggang semasa memandu di jalan raya. Di bawah peraturan itu, kesalahan tidak memakai tali pinggang boleh diadapakan ke mahkamah dengan denda B\$2,000.00 dan / atau penjara enam bulan.

Begitu juga, mulai 28 Januari 2004, kanak-kanak yang belum mencapai umur 12 tahun adalah dikehendaki memakainya apabila berada dalam kenderaan yang dipandu. Sementara kanak-kanak di bawah umur enam tahun pula hendaklah menggunakan tali pinggang keselamatan yang diluluskan. Mereka yang melakukan kesalahan ini juga boleh didenda tidak melebihi B\$2,000.00 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Melihat peruntukan tersebut adalah perlu bagi pemandu jalan raya sendiri sentiasa mengamalkan pemakaiannya. Kalau 'kedapatan' tidak memakai tali keledar memang denda sudah menunggu. Namun bukan wang yang diperkiran tetapi nyawa yang lebih penting diutamakan. Denda seberapa banyak sekalipun memang mudah dibayar tetapi nyawa tidak ada gantinya.

Persoalannya mengapakah orang kitani degil atau endah tak endah tentang pemakaian tali keledar walaupun sudah diperketatkan? Adakah mereka sengaja atau tidak ada maklumat mengenai penguatkuasaannya? Tetapi kita percaya setelah bertahun-tahun dikuatkuasakan, sepatutnya para pengguna jalan raya sudah akur dan tidak ingkar memakainya malah sudah terbiasa menggunakannya.

Cuma apa yang penting ialah kesedaran sivik terutama tentang risiko bahaya yang akan 'diterima' dan ditempoih oleh pengguna itu sendiri. Jika maklumat tersebut luas serta kepekaan pengguna dan penumpang meningkatkan tidak ada sebab ianya boleh dipatuhi. Asalkan kita komited dan bersungguh-sungguh melakukannya. Bukan ada kempen baru sibuk memakai tali pinggang keledar, tetapi setelah habis kempen 'perangai' degil tidak menggunakan tali keledar berulang balik.

Majlis Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam (MKJR) dengan kerjasama Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Pengangkutan Darat akan meneruskan usaha ke arah memastikan para pengguna jalan raya mematuhi peraturan itu. Pada 14 November lalu, majlis berkenaan telah mengagih-agihkan risalah bagi memberi peringatan kepada pemandu dan penumpang agar sentiasa memakai tali keledar keselamatan ketika berada di jalan raya.

Cuba renungkan bahawa dengan memakai tali pinggang keledar, boleh menyelamatkan nyawa kita jika berlaku kemalangan jalan raya. Tetapi tidak mengendahkan pasti mengundang kecederaan atau parah atau kemalangan jiwa.

Menurut fakta, kebarangkalian untuk mendapat kecederaan parah adalah 25 kali lebih tinggi jika kita tercampak keluar dari kereta daripada terikat di kerusi roda. Pemandu atau penumpang kereta yang memakainya mempunyai 50 peratus daripada mengalami sebarang kecederaan parah di dalam satu-satu kemalangan jalan raya.

Dari fakta berkenaan, sudah cukup memberikan kita keinsafan. Betapa malang itu tidak berbau. Jawapannya, kita perlu waspada dan berhati-hati selalu sambil jangan lupa mengenakan tali keledar. Memakainya tidak sampai lima saat, tetapi kedegilan tidak menggunakan pasti berdepan dengan kekecewaan atau kehilangan jiwa. Insafilah, pakailah tali keledar keselamatan.

Mungkin sesetengah kita beranggapan bahawa memakai tali keledar merimaskan dan mengganggu keselesaan semasa berada di dalam kereta. Tetapi apakah itu alasan rasional. Mengapa kita tidak memikirkan nyawa yang akan melayang atau kecederaan parah yang akan menimpa? Ingatlah, nyawa adalah segala-galanya ianya tidak boleh ditukar ganti walau dengan wang ringgit dan tangisan air mata sekali pun.

Pemakaian tali keledar adalah satu undang-undang jalan raya di negara ini yang perlu dipatuhi. Seperti kata pepatah 'sediakan payung sebelum hujan', tali pinggang keledar adalah 'tools' berguna yang dapat menyelamatkan nyawa dan meminimumkan kecederaan kita semua. Begitu juga mangsa yang terkorb dalam jalan raya mungkin dapat diselamatkan jika semua pihak pengguna memakai tali keledar keselamatan.

HASRAT NEGARA

MASYARAKAT PERLU DIBERIKAN PENGETAHUAN MENGENAI PERUBAHAN IKLIM

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Musmariani Haji Mohammad



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan di Acara Peringkat Tinggi Mengenai Perubahan Iklim di Ibu Pejabat Bangsa-Bangsa Bersatu, di New York pada 24 September 2007.

Dengan itu, bagaimana dan kesedaran di kalangan masyarakat kita.

Itu tentunya tidak meranjanakan. Perubahan

TERIMA kasih Pengerusi Bersama,

ADALAH merupakan peluang yang baik untuk dapat bersama dan mengucapkan terimakasih kepada Setiausaha Agung kerana menganjurkan acara ini dan kepada anda berdua kerana memimpin perbincangan kita.

Saya hanya mempunyai satu perkara utama dan untuk itu saya akan meringkas-kannya.

Kita banyak mengadakan mesyuarat tahun ini mengenai perubahan iklim dan seperti negara-negara lain, kita merasa sangat bimbang mengenainya dan bagaimana ia boleh memberi kesan kepada masa depan kita.

Mesyuarat utama terakhir yang kita adakan terdahulu awal bulan ini pada Sidang Kemuncak APEC di Sydney dan kita mengakhiri dengan dua tanggapan jelas.

Yang pertama adalah yang terbaik.

Para pemimpin di sana amat prihatin masing-masing mengenai perubahan iklim itu sendiri dan tentang apa yang kita sedang bincangkan di sini - 'mengadaptasi' atau sebaliknya, apa yang akan kita lakukan tentang itu?

APEC mencapai satu deklarasi yang kukuh, amat jelas, sangat menyeluruh dan tidak terlalu teknikal.

Ia adalah sangat baik tetapi kesan yang kita dapat tidak begitu menggalakkan. Kita merasakan bahawa kita di sini kekurangan sumber, idea dan kefahaman asas.

Dengan itu, saya tidak bermaksud di Peringkat Kerajaan. Kita telah melakukan apa yang boleh melalui undang-undang. Kita mempunyai dasar penjagaan yang telah lama wujud dan kita telah melakukan banyak perkara untuk melindungi persekitaran kita.

UNTUK melihatnya secara mudah, masyarakat kita tidak cukup mengetahui tentang perkara itu dan mereka perlu belajar secepat yang boleh kerana ia memberi mereka pengetahuan dan dari sana mereka membina kefahaman dan kemudian akhirnya, semua orang akan terlibat.

Hubungan mesra antara Brunei Darussalam dan Bahrain sentiasa dipertingkatkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain dan Duli Yang Teramat Mulia Shaikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa, Perdana Menteri

Bahrain bersempena ulang tahun Hari Kebangsaan negara tersebut.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra yang sentiasa dipertingkatkan di antara Negara Brunei Darussalam dengan Bahrain.

Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua

buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, Kebawah DYMM mendoakan ke iadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah DYMM King Hamad bin Isa Al-Khalifa sentiasa dalam perlindungan Allah, sihat sejahtera dan semoga rakyat Bahrain akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam per-

utusan kepada DYTM Sheikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa, Perdana Menteri Bahrain, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada TYT dan kerajaan serta rakyat Bahrain sempena Hari Kebangsaan negara tersebut.

Seterusnya baginda mendoakan semoga DYTM Sheikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

iklim adalah amat kompleks dan kadang-kadang amat mengelirukan tetapi, walaupun begitu, kita sangat memerlukan masyarakat kita terlibat dalam mencari penyelesaian dan itu adalah sangat mudah diperkatakan dari melakukannya.

Untuk melihatnya secara mudah, masyarakat kita tidak cukup mengetahui tentang perkara itu dan mereka perlu belajar secepat yang boleh kerana ia memberi mereka pengetahuan dan dari sana mereka membina kefahaman dan kemudian akhirnya, semua orang akan terlibat.

Dengan cara itu, kita mendapatkan idea-idea dan pendekatan terbaik.

Jadi itulah yang kita sedang lakukan pada masa ini, Pengerusi Bersama, tidak hanya di sekolah-sekolah malah juga dalam usaha untuk membina keyakinan di setiap sektor: awam, swasta dan yang paling utama, generasi muda.

Itulah apa yang saya fikir benar-benar bermakna melalui 'adaptasi' dan di situlah kita memerlukan bantuan.

Jadi kami sangat-sangat mengalu-alukan apa-apa jua yang boleh kita terima dari di pakar-pakar luar, terutama sekali jika mereka boleh mengajar kemahiran-kemahiran baru dan ber-

kongsi teknologi moden mereka.

Jadi untuk kesimpulan, kami tentunya ingin mengadaptasi tetapi ia semestinya memerlukan usaha bersama dan keperluan utama kita ialah mengajak masyarakat di negara kita menyokong kita.

Itu bermakna bantuan luar.

Jadinya, tidak ada negara-negara besar dan negara-negara kecil dalam perkara ini.

Kita semua bersama-sama di dalamnya.

Itulah perkara utama yang saya ingin nyatakan. Pengerusi Bersama, ia mungkin tidak kedengaran sebagai sesuatu yang besar tetapi negara saya mempunyai kurang daripada 400 ribu orang dan saya memberikan jaminan kepada anda bahawa kita memerlukan setiap orang dari mereka sedar sepenuhnya dan mampu mengambil bahagian dalam usaha-usaha kita untuk menangani perubahan iklim.

Jadi saya merasa sangat gembira mendapat peluang ini untuk bercakap mengenainya di mesyuarat terbesar yang kita adakan mengenai perubahan iklim.

Terima kasih dan saya mendoakan rakan-rakan kita semua dalam usaha mereka menangani masalah yang serius ini.

DYTM utus tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 16 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Sheikh Khalid bin Ahmed bin Mohamed Al-Khalifa, Menteri Hal Ehwal Luar Bahrain sempena dengan Hari Kebangsaan negara tersebut.

Dalam perutusan itu, Duli Yang Teramat Mulia melahirkan penghormat-

matan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad berserta ahli kerabat diraja dan mengucapkan tahniah kepada Kebawah DYMM dan kerajaan serta rakyat Bahrain sempena Hari Kebangsaan negara itu.

DYTM juga melahirkan penghargaan dan gembira di atas hubungan cemerlang kedua-dua buah negara dan berharap akan terus bekerjasama dalam meningkatkan persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua buah negara.

Sambutan Ulang Tahun Ke-80 Raja Thailand

BANDAR SERI BEGAWAN. - Rabu, 5 Disember. - Ulang tahun Hari Keputeraan Ke-80 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej, Raja Thailand hari ini disambut meriah dengan penuh adat istiadat diraja Thailand.

Di negara ini, Kedutaan Diraja Thailand meraikannya dengan Majlis Resepsi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat mewakili kerajaan ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Datin Paduka Dayang Hajah Jahrah.

Majlis bermula dengan lagu kebangsaan kedua-dua buah negara dimainkan, diikuti dengan upacara memotong kek oleh tetamu kehormat sempena hari keputeraan Kebawah DYMM Raja Thailand.

Pemangku Duta Diraja Thailand ke negara ini Tuan Yang Terutama Phithak Prombubpha dan

Oleh : Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar memotong kek sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-80 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej, Raja Thailand bersama Pemangku Duta Diraja Thailand ke negara ini. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ail.

isteri, Puan Prapassorn Prombubpha sebelum itu mengalu-alukan para tetamu yang hadir.

Selepas memotong kek tetamu kehormat menerima cenderahati dari Pemangku Duta Diraja Thailand dan kemudiannya menyaksikan pameran statistik mengenai Kebawah DYMM Raja Thailand dari awal usia baginda hingga sekarang.

Majlis Resepsi itu juga diserikan dengan tayangan video mengenai Raja Thailand sambil para jemputan disajikan dengan pelbagai masakan dan makanan tradisional Thailand termasuk buah-buah segar dari negara tersebut.

Majlis dihadiri pegawai-pegawai kanan kerajaan, wakil beberapa buah syarikat swasta dan sebahagian masyarakat Thailand di negara ini.

Brunei Darussalam - Singapura kukuhkan kerjasama ekonomi

Oleh :
Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

BERAKAS, Selasa, 4 Disember. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura terus berusaha mengukuhkan hubungan dua hala termasuk bidang industri dan ekonomi terutama meneroka perindustrian baru yang boleh dimajukan bersama.

Untuk mencapai hasrat itu Menteri Pembangunan Nasional Republik Singapura, Yang Berhormat Tuan Mah Bow Tan dan rombongan mengadakan lawatan kerja tiga hari ke negara ini sambil membuat kunjungan muhibah kepada Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat.

Majlis tersebut berlangsung di Sumbang Seran aras lima kementerian berkenaan yang dihadiri sama oleh Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Haji Awang Hamdillah bin Haji Abdul Wahab.

Selepas mengadakan kunjungan, rombongan Menteri Pembangunan Nasional Republik Singapura dibawa ke Bilik Wawasan di aras satu untuk mendengarkan taklimat mengenai 'Jantung Borneo dan Pusat



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia, Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat ketika mengalu-alukan kunjungan muhibah Menteri Pembangunan Nasional Republik Singapura, Yang Berhormat Tuan Mah Bow Tan. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Biodiversiti Tropika' oleh Timbalan Pengarah Perhutanan, Awang Mahmud bin Haji Yusoff.

Awang Mahmud, dalam taklimatnya antara lain menjelaskan mengenai perkembangan Projek Jantung Borneo di mana negara ini menawarkan diri menjadi pusat yang mendapat pengiktirafan antarabangsa dan dunia itu.

Mengenai Pusat Biodiversiti Tropika pula Awang Mahmud antara lain berkata, pusat tersebut yang sekarang dalam pelaksanaan di kawasan Hutan Simpan Andulau di Daerah Belait jika siap nanti akan menjadi pusat kajian dan kaji selidik hutan tropika terbesar di negara ini.

Lawatan kerja Yang Berhormat dan isteri serta rombongan juga diteruskan ke Close House

System di Birau diikuti ke Makmal Veterinary di Kilanas.

Pada sebelah petang, Yang Berhormat mengadakan Perlawanan Golf Persahabatan di Jerudong bersama Menteri Perindustrian dan Sumber-

Sumber Utama, Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama serta beberapa orang pegawai kanan dari kedua-dua pihak.

SEKILAS INFO

Penutupan kaunter

pembayaran dan

pembacaan kupon meter

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Perkhidmatan Elektrik memaklumkan kepada semua pelanggan bahawa semua kaunter-kaunter pembayaran bil elektrik dan kaunter-kaunter pembelian kupon-kupon meter pra-bayar akan ditutup pada tarikh-tarikh berikut:-

Hari Khamis, 20 Disember 2007 - Cuti Awam bagi Hari Raya Aidiladha.

Hari Selasa, 25 Disember 2007 - Cuti Awam bagi Hari Krismas.

Hari Selasa, 1 Januari 2008 - Cuti Awal bagi Awal Tahun Masihi 2008.

Para pelanggan yang berhasrat untuk berurusan dengan kaunter pembayaran atau kaunter pembelian kupon-kupon meter prabayar dinasihatkan supaya dapat berurusan sebelum tarikh berkenaan. Jabatan memohon maaf di atas sebarang ketidakelesaan.

Jalan lencongan

kekal dibuka

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Kerja Raya (JKR) melalui Jabatan Jalan Raya (JJR) sukacita memaklumkan kepada orang ramai terutama pengguna-pengguna jalan raya bahawa lencongan kekal dari Jalan Rimba Selatan, Jalan Tungku menuju ke Jalan Gadong dan sekitarnya akan mulai digunakan untuk lalu lintas pada hari Selasa, 18 Disember 2007, jam 9.00 pagi.

Oleh yang demikian, JKR melalui JJR menyeru pengguna-pengguna jalan raya agar mematuhi tanda-tanda keselamatan dan mengamalkan sikap bertolak ansur demi keselamatan dan kesejahteraan semua pengguna jalan raya.

JENESYS program unik tajaan Jepun

Oleh : Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Disember. - Program Pertukaran Network Jepun dan Asia Timur Bagi Penuntut dan Belia (JENESYS) merupakan sebuah program yang unik dan pertama dilaksanakan oleh Kedutaan Besar Jepun di negara ini.

Program tersebut dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Perkara itu dijelaskan oleh Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman di Majlis Penyampaian Bendera Kebangsaan kepada ketua delegasi yang mengikuti Program JENESYS yang berlangsung di Rizqun International Hotel, Gadong di sini.

Yang Mulia menambah,

program selama sepuluh hari itu melibatkan seramai 30 orang peserta terdiri daripada 27 orang pelajar dan tiga guru pengawas.

Menurutnya, program tersebut memberi peluang keemasan kepada golongan muda di negara ini untuk belajar dan menghargai pelbagai sejarah, kebudayaan dan identiti masyarakat Jepun.

Para pelajar yang mengikuti program tersebut adalah mereka yang sedang menduduki tingkatan empat hingga enam dari beberapa buah maktab dan sekolah menengah di seluruh negara.

Tujuan program untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala antara

belia Jepun dan Negara Brunei Darussalam.

Semasa berada di Jepun nanti, mereka akan ditempatkan di Pulau Hokkaido dan di sana mereka akan dibawa melawat beberapa destinasi yang menarik di sana.

Pada majlis itu, Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad menyerahkan bendera kebangsaan kepada ketua delegasi Dayang Hajah Noor Ehsan binti Haji Noor Kaseh.

Para peserta program juga menyaksikan persembahan 'powerpoint' mengenai kebudayaan yang terdapat di negara ini.



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad menyampaikan bendera kebangsaan kepada ketua delegasi negara yang mengikuti JENESYS, Dayang Hajah Noor Ehsan binti Haji Noor Kaseh. - Foto: Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

Amalkan sikap bijaksana, toleransi dan sabar

GADONG, Jumaat, 7 Disember. - Seorang ketua kampung itu mestilah sentiasa bijaksana, progresif, berpengetahuan dan berkemahiran dalam perhubungan awam dan komunikasi, di samping sering mengamalkan sikap toleransi dan bersabar.

Malah seorang penghulu dan ketua kampung itu mestilah dinamik dan mempunyai perancangan untuk menjadikan mukim dan kampungnya tidak ketinggalan dengan arus kemajuan dan pembangunan zaman.

Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Adnan bin Haji Hanafiah menyatakan demikian semasa berucap di Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Rimba di rumah ketua kampung yang baru dilantik, Awang Abdul Wahab bin Timbang / Rosli.

Menurut beliau, pelaksanaan perancangan yang teratur dan bersestematik seharusnya dilaksanakan dengan efisien dan efektif dalam apa jua perkara untuk kepentingan bersama.

"Oleh sebab itu, adalah penting bagi penghulu dan ketua kampung bukan saja setakat memastikan yang Majlis Perundingan Kampung (MPK) di peringkat mukim dan kampung itu ditubuhkan tetapi juga perlu memastikan ahli-ahli

Oleh : Abdullah Asgar

abdullah.asgar@information.gov.bn

MPK yang dibentuk dipilih dari penduduk kampung yang bersesuaian dan komited," tegas beliau.

Jelasnya, perancangan kemajuan dan pembangunan mukim dan kampung bukanlah wujud atas pemikiran seorang pemimpin sahaja tetapi yang terbaik ialah melalui permuafakatan, kerjasama, kesepaduan dan persetujuan.

"Oleh yang demikian, penghulu mukim dan ketua

kampung haruslah menggunakan kebijaksanaan masing-masing dengan mengambil peluang melalui kewujudan MPK," jelasnya.

Di samping itu tambahnya, penghulu dan ketua kampung perlulah memberikan mutu kepimpinan yang tinggi yang dapat menyatupadukan kesemua ahli-ahli yang dilantik.

Dengan yang sedemikian tambahnya barulah MPK itu dapat berfungsi serta bergerak dengan ter-

atur sebagaimana yang diharapkan.

Ketua Kampung STKRJ Kampung Rimba, Awang Abdul Wahab merupakan calon tunggal bagi jawatan itu bermula pada November 2003.

Sebelum ini Awang Haji Sisa bin Haji Ahmad memegang jawatan Ketua Kampung tersebut sejak September 1993 hinggalah Ogos tahun ini.

Ketua Kampung STKRJ Kampung Rimba mempunyai lebih 4,756 orang penduduk dengan 2,676 buah rumah di bawah Mukim Gadong 'A'.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Adnan bin Haji Hanafiah menyampaikan Sijil Lantikan Ketua Kampung Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Kampung Rimba kepada Awang Abdul Wahab bin Timbang / Rosli. - Foto : Hatral Hazmi Abd. Hamid.

Pertukaran lawatan tingkatan PA

GADONG, Isnin, 10 Disember. - Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah kepada Program Pertukaran Pegawai Perkhidmatan Awam Kanan Brunei - Singapura Echelon Kedua Sesi Keenam yang bermanfaat ke arah mengukuhkan hubungan khususnya dalam meningkatkan Perkhidmatan Awam (PA) kedua-dua buah negara.

Isu-isu sumber tenaga manusia yang akan dibincangkan seperti penduduk warga emas, keselamatan kewangan, pendidikan dan latihan, pekerjaan, perumahan dan penjagaan kesihatan merupakan cabaran semakin rumit yang perlu dihadapi dan menjadi harapan orang ramai.

Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mahmud bin Haji Mohd. Daud menyatakan demikian ketika merasmikan Program Pertukaran Pegawai Perkhidmatan Awam Kanan Brunei - Singapura Echelon Kedua Sesi Keenam di sebuah hotel di sini.

Katanya, isu yang dibincangkan itu sememangnya penting kepada mana-mana negara di mana ia perlu ditangani dan diurus tanpa mengambil kira demografi mereka.

Oleh : Abdullah Asgar

abdullah.asgar@information.gov.bn

Tambahnya, di dekad yang lepas terdapat perkembangan yang tidak menentu seperti kemunculan penyakit-penyakit yang berisiko tinggi, masalah yang dijangkakan seperti epidemik, bencana alam, ekonomi dan isu-isu keselamatan.

Beliau berharap agar program ini akan dapat mengongsikan pengalaman di samping mengambil peluang mempelajari dari rakan sejawat dari Singapura.

Pegawai-pegawai Republik Singapura dalam program itu diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Undang-Undang Singapura, Brigedier Jeneral (NS) Yap Ong Heng berserta tujuh pegawai kanan yang lain.

Mereka termasuklah Pengarah Strategi Perancangan dan Pembangunan, Kementerian Kesihatan, James Wong; Pengarah Jabatan Pendapatan Keselamatan dan Dasar, Kementerian Tenaga Kerja, Ong Hui Guan; Pengarah Cawa-

ngan Warga Tua, Cacat dan Keselamatan Perjudian, Kementerian Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan, Charlotte Beck; Pengarah Dasar dan Operasi, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tai Wei Shyong; Timbalan Pengarah Lembaga Pembangunan Perumahan, Dr. Johnny Wong dan Timbalan Pengarah Lembaga Tabung 'Provident' Pusat, Linda Marie Chan serta Ketua Strategi Fiskal, Kementerian Kewangan, Sim Feng-Ji.

Program selama empat hari itu bertujuan ke arah meningkatkan rangkaian kerja di antara kedua-dua buah negara khususnya dalam PA dan bertukar-tukar idea dan pandangan di antara mereka, di samping melawat ke beberapa buah kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di negara ini.

Dalam program bertemakan 'Penyayang dan Kerajaan Yang Efisien' Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap JPM, Awang Haji Mahmud disertai oleh tujuh pegawai-pegawai kanan kerajaan dari beberapa kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mahmud bin Haji Mohd. Daud hadir bagi merasmikan Program Pertukaran Pegawai Perkhidmatan Awam Kanan Brunei - Singapura Echelon Kedua Sesi Keenam. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

Lawatan Pengarah Eksekutif ReCAAP ISC ke Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 November. - Pengarah Eksekutif, Tuan Toshiaki ITO, Kerjasama Serantau Bagi Pencegahan Lanun dan Rompakan Bersenjata Terhadap Kapal-kapal di Asia (ReCAAP) Pusat Perkongsian Maklumat (ISC), sebuah pertubuhan antarabangsa beribu pejabat di Republik Singapura mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam bermula 26 hingga 28 November 2007.

Semasa berada di Negara Brunei Darussalam, Tuan Toshiaki ITO telah mengadakan perjumpaan bersama Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman dan Pengarah Operasi, Pasukan Polis Diraja Brunei, Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Awang Haji Hasrin bin Haji Sabtu, meminta sokongan aktif Negara Brunei Darussalam dalam operasi ReCAAP dan rangkaian maklumat. Penerangan mengenai aktiviti ReCAAP

juga diadakan untuk anggota polis dan tentera.

ReCAAP merupakan perjanjian pertama kerajaan dengan kerajaan yang menangani kegiatan lanun dan rompakan bersenjata di Asia. Inisiatif ReCAAP bertujuan untuk meningkatkan kerjasama pelbagai hala di kalangan 16 negara di rantau ini.

Perjanjian telah dipersetujui pada 11 November 2004 di Tokyo dan dilaksanakan pada 4 September 2006.

Negara Brunei Darussalam menyertai ReCAAP pada 28 Oktober 2006, menjadikan negara kesembilan yang mengambil bahagian dalam perjanjian itu.

Ahli-ahli yang lain ialah Jepun, Republik Singapura, Republik Demokratik Rakyat Loa, Kamboja, Thailand, Myanmar, Viet Nam, Republik Filipina, Republik Korea, India, Sri Lanka, Republik Rakyat China dan Bangladesh.

Lawatan ke BSP berikan informasi

Oleh : Marzuki Haji Mohd. Seruddin

KUALA BELAIT, Khamis, 29 November. - Pengarah Urusan Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. (BSP), Dr. Graeme Henderson berharap Lawatan Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tertinggi serta Ketua-ketua Perbankan di Negara Brunei Darussalam ke BSP akan membolehkan mereka menghargai tentang betapa pentingnya pengeluaran industri minyak dan gas kepada ekonomi negara.

Menurutnya ia akan dapat memberikan informasi dan pendidikan seperti yang diharapkan sambil melahirkan rasa sukacita kerana dapat mengukuhkan program lawatan itu.

Beliau menyatakan demikian ketika menerima kunjungan pelawat-pelawat tersebut di kediamannya di Panaga, Seria.

Pelawat-pelawat tersebut terdiri dari duta-duta besar serta pesuruhjaya-pesuruhjaya tinggi negara-negara sahabat ke negara ini, Ketua Pegawai Eksekutif BIDB serta ketua-ketua perbankan di negara ini terdiri dari HSBC, Bank Baiduri, Maybank, TAIB, Bank RHB dan City Bus.

Program lawatan tersebut dimulakan dengan taklimat 'mandatori' keselamatan' sebelum pelawat diberikan maklumat terperinci mengenai penerokaan dan aktiviti pengeluaran minyak dan gas di samping taklimat khas mengenai strategi perbaikan dalam mengembangkan bisnis syarikat yang membawa kecemerlangan di dalam pelaksanaannya.

Pelawat kemudiannya dibawa meninjau ke Limbungan Konstruksi Perkapalan BSP (MCY) di Kuala Belait untuk menyaksikan secara lebih dekat lagi bagaimana pelantar laut dalam dibina, termasuk Pelantar Mampak yang baru dibina yang masa ini keseluruhannya dilaksanakan oleh orang-orang tempatan di MCY.

Dari MCY, rombongan kemudiannya melawat tapak aktiviti menara penggerudian pesisir, N503 yang digunakan untuk meng-

kerana dapat mengukuhkan program lawatan itu.

Beliau menyatakan demikian ketika menerima kunjungan pelawat-pelawat tersebut di kediamannya di Panaga, Seria.

Pelawat-pelawat tersebut terdiri dari duta-duta besar serta pesuruhjaya-pesuruhjaya tinggi negara-negara sahabat ke negara ini, Ketua Pegawai Eksekutif BIDB serta ketua-ketua perbankan di negara ini terdiri dari HSBC, Bank Baiduri, Maybank, TAIB, Bank RHB dan City Bus.

Program lawatan tersebut dimulakan dengan taklimat 'mandatori' keselamatan' sebelum pelawat diberikan maklumat terperinci mengenai penerokaan dan aktiviti pengeluaran minyak dan gas di samping taklimat khas mengenai strategi perbaikan dalam mengembangkan bisnis syarikat yang membawa kecemerlangan di dalam pelaksanaannya.

Pelawat kemudiannya dibawa meninjau ke Limbungan Konstruksi Perkapalan BSP (MCY) di Kuala Belait untuk menyaksikan secara lebih dekat lagi bagaimana pelantar laut dalam dibina, termasuk Pelantar Mampak yang baru dibina yang masa ini keseluruhannya dilaksanakan oleh orang-orang tempatan di MCY.

Dari MCY, rombongan kemudiannya melawat tapak aktiviti menara penggerudian pesisir, N503 yang digunakan untuk meng-

gerudi Perigi Gamma Seria selain contoh unggul bagaimana kekuatan BSP dalam menguasai teknologi canggih untuk mengerjakan bisnis di masa hadapan.

Menara tersebut berdiri hampir 60 meter tinggi, berukuran 180 kali 60 meter dengan 2500 kuasa kuda dan menggerudi hampir 7 kilometer ke dalam tanah mempunyai reka bentuk seperti 'remote control' berbentuk tiub yang menjamin keberkesanan dan keselamatan termasuk sistem keselamatan persekitaran yang canggih untuk menggerudi tanah.

Program lawatan diteruskan ke Terminal Minyak Mentah Seria (SCOT) di mana pelawat diberikan taklimat bagaimana minyak dan gas diproses dan di eksport sebelum dibawa melawat ke tapak kemudahan untuk mengasingkan minyak dan air.

Kemuncak lawatan ialah ke loji perawatan emulsi (cecair pekat) yang baru beroperasi sehari sebelumnya.

Lawatan diakhiri sesi suai kenal di Kilang Penapisan Brunei di mana tetamu diberikan taklimat mengenai penyulingan dan penyampuran minyak mentah daripada Kilang Kemampatan Gas Baru (New Gas Compression Plant) dan kemudian melawat kemudahan-kemudahan di kilang tersebut termasuk melihat bagaimana minyak mentah disimpan dan dimuatkan ke kapal tangki.



DUTA-DUTA Besar dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi serta Ketua-ketua Perbankan Negara Brunei Darussalam ketika mendengarkan taklimat mengenai minyak dan gas ketika membuat lawatan ke BSP. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

AGAMA

Mesyuarat Jawatankuasa Tinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Disember. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) hari ini mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi tahun 1429H berlangsung di Dewan Santap, Lapau di sini.

Antara agenda yang dibangkitkan dalam mesyuarat itu adalah Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1429H, Majlis Sambutan Maulud Nabi 1429H, Majlis Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi 1429H, Majlis Sambutan Israk Mikraj, Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an dan Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan.

Mesyuarat hari ini juga akan memfokuskan kepada format atur cara, tarikh dan tempat majlis-majlis itu akan diadakan serta acara-acara iringan yang akan diadakan bersempena dengan hari-hari kebesaran Islam di negara ini.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato

Oleh : Aliddin Haji Mokhtal
aliddin.mokhtal@information.gov.bn

Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Hadir sama di majlis itu ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman yang juga merupakan Timbalan Pengerusi Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam 1429H.

Turut hadir pada mesyuarat itu, Yang Amat Mulia Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Penolong Kanan, Dipertua Adat Istiadat Negara, Mufti Kerajaan selaku Penasihat, Ketua Hakim Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Setiausaha-setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan kementerian, Pengarah Urusan Syarikat Pemasaran Brunei Shell, Bank Islam Brunei Darussalam dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara dan Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi 1429 Hijrah sejurus mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa tersebut. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

Pegawai masjid menjadi 'role model' dan rujukan

Oleh : Aliddin Haji Mokhtal
aliddin.mokhtal@information.gov.bn

TEMBURONG, Rabu, 5 Disember. - Kehebatan dari segi kewarakan, keilmuan dan kesolehan seorang pegawai masjid sangat diperlukan kerana mereka bukan saja menjadi 'role model' kepada para jemaah tetapi menjadi tempat rujukan yang mudah bagi masyarakat menyelesaikan masalah-masalah agama dan kemasyarakatan di kawasan mereka.

"Jika ilmu dan sifat warak dan istiqamah tidak ada pada seorang pegawai masjid, sudah tentunya rasa kepercayaan masyarakat terhadap kewibawaan seorang pegawai masjid boleh saja akan pudar dan akan timbul pula komen-komen yang negatif yang boleh merendahkan martabat atau imej seorang pegawai masjid," tegas Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohammad Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Kursus Ke Arah Melahirkan Pegawai Masjid Yang Bersifat Warak dan Istiqamah Ke-8 dan Penyampaian Sijil Program 'Outward Bound' Brunei Darussalam' (OBBB) di Masjid Utama Mohd. Salleh di sini.

Beliau percaya dengan adanya kursus ini para pegawai masjid akan dapat meningkatkan keilmuan dan kewarakan mereka, dengan itu dapat memberikan mutu perkhidmatan yang cemerlang dan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap mereka.

Seorang pegawai masjid jelasnya, sudah tentunya lebih dekat dengan masyarakat atau jemaah, dari itu mereka harus pandai dan bijak berperanan dalam mengembangkan syiar Islam khusus di tempat mereka bertugas dan kepada masyarakat amnya dengan menyalurkan segala ilmu yang ada dan memberikan contoh yang terbaik untuk diikuti.

Beliau percaya, jika amalan ini dipraktikkan oleh pegawai masjid, insya-Allah ianya akan memberikan kesan yang sangat baik kepada masyarakat dan negara.

Seramai 27 orang pegawai masjid, imam dan bilal dari seluruh negara mengikuti program itu yang diadakan berlangsung hampir tiga bulan.

Pegawai Daerah Temburong kemudian menyampikan sijil kepada 27 peserta kursus.



PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Haji Mohammad Abdoh menyampaikan sijil kepada seorang peserta Kursus Ke Arah Melahirkan Pegawai Masjid Yang Bersifat Warak dan Istiqamah Ke-8. - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

Pusat Da'wah Islamiah terus sebarkan syiar Islam

TUTONG, Ahad, 25 November. - Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Jamain bin Momin berkata, Peraduan Membaca Al-Qur'an, Menghafaz Ayat-ayat Lazim dan Nasyid Bagi Saudara-saudara Baru Peringkat Negara adalah merupakan satu manifestasi serta komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh Pusat Da'wah Islamiah dan saudara-saudara baru kita dalam usaha bagi menegakkan serta menyebarkan lagi syiar Islam.

Menurut beliau, selain melalui majlis ini, ianya dapat mengukuhkan lagi kesatuan saudara-saudara baru dalam mengamalkan hidup bermasyarakat dan juga sudah tentunya akan mengukuhkan lagi tanggapan atau persepsi positif masyarakat terhadap saudara-saudara baru iaitu betapa Islam itu memertingkatkan amalan serta suasana kehidupan yang harmoni serta bersatu padu di antara satu dengan lain tanpa mengira warna kulit, keturunan ataupun bangsa seseorang itu.

"Kita penuh berharap majlis yang diadakan ini akan turut berperanan, iaitu sebagai landasan bagi kita untuk sama berakhlak dan turut sama-sama menyebarkan Islam itu atau tidak ada agama yang benar selain agama Islam," tegasnya ketika berucap di Majlis Peraduan Membaca Al-Qur'an, Menghafaz Ayat-ayat Lazim dan Nasyid Bagi Saudara-saudara Baru Peringkat Negara Ke-27 berlangsung di Dewan Seri Kenangan, Dewan Kemasyarakatan Tutong.

Beliau berkata, melalui usaha berterusan pihak Pusat Da'wah Islamiah, sebilangan besar masyarakat yang bukan beragama Islam kini sudah mulai sedar yang kebenaran Islam di mana bilangan mereka yang memeluk agama Islam di negara ini dari setahun ke setahun semakin bertambah ramai.

Awang Moksin bin Mohd. Karim dan Dayang

Oleh : Aliddin Haji Mokhtal
aliddin.mokhtal@information.gov.bn



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Jamain bin Momin ketika berucap di Majlis Peraduan Membaca Al-Qur'an, Menghafaz Ayat-ayat Lazim dan Nasyid Bagi Saudara-saudara Baru Peringkat Negara Ke-27. Majlis berlangsung di Dewan Seri Kenangan, Dewan Kemasyarakatan Tutong. - Foto : Ramli Tengah.

Nurul Ayuni binti Abdullah, kedua-duanya dari Daerah Temburong masing-masing muncul sebagai johan dalam Peraduan Membaca Al-Qur'an.

Sementara bagi Kategori Menghafaz Ayat-ayat Lazim Lelaki, johan Awang Firman Sucinda bin Mohd. Salleh Dicky juga dari Daerah Temburong, manakala bagi perempuan pula, johan Dayang Nurfasha Adrianna binti Abdullah Chua @ Chua Boon Chin dari Daerah Tutong.

Bagi bahagian nasyid pula, Kumpulan Nur Islam



ACHONG anak Juna berserta keluarga melafazkan ikrar pengislaman mereka.

(Pesatu) dari Daerah Tutong muncul sebagai juara.

Peraduan bertemakan 'Memperkasakan Ihtizam Kehidupan Beragama' bertujuan untuk melahirkan, menentengahkan lebih ramai pembaca Al-Qur'an dan penghafaz ayat lazim yang berpotensi dan cemerlang di kalangan saudara baru.

Peraduan diadakan bertujuan untuk menggalakkan mereka mengikuti aktiviti nasyid yang berunsur dakwah sekali gus berperanan menyebarkan syiar Islam, meningkatkan nilai-nilai Islam, mengukuhkan akhlak serta menghafaz ajaran Al-Qur'an agar lebih mantap.

Sebanyak lima kategori dipertandingkan dan setiap daerah masing-masing diwakili oleh lima peserta.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai diketuai oleh Imam Awang Haji Siadis bin Haji Damit diikuti ucapan alu-aluan Pengerusi bersama Ketua Pegawai Agama Daerah Tutong, Awang Mat Zain bin Haji Muntol.

Majlis kemudiannya dirasmikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Jamain yang juga menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang dalam peraduan tersebut.

Sebuah keluarga terima hidayah

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Jumaat, 7 Disember. - Agama Islam berada di jalan yang benar yang membawa kepada kebahagiaan hidup di dunia dan juga di akhirat, ungkap Pemangku Ketua Pegawai Agama Daerah Belait.

Awang Raduan Jamil menambah, menjadi kewajipan dan tuntutan bagi saudara-saudara baru menuntut ilmu seperti mana menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Qadi tahun 1984 (Bab 8 bil.167 (3) bahawa setiap orang yang memeluk agama Islam dikehendaki mengikuti bimbingan agama Islam bagi membolehkannya menguasai perkara yang bersangkutan dengan akidah, amal ibadah dan cara hidup Islam.

Beliau berucap demikian semasa di Majlis Pengislaman sebuah keluarga berbangsa Iban, Achong anak Juna dan isterinya, Alyani anak Sangai serta

anak mereka, Anjali Runden anak Achong, Andrew Moeja anak Achong dan saudara mereka Rajesh Mathu anak Sangai yang berlangsung di kediaman bapa saudara mereka, Awang Abd. Halim bin Abdullah Igol di Flat Pandan 8 Mumong.

Katanya, Islam agama syumul (menyeluruh) dan agama rasmi negara ini bagaimanapun agama atau kepercayaan lain tidaklah ditegah bagi mereka yang tidak beragama Islam mengamalkannya.

Selain itu tambahnya, agama Islam juga menganjurkan kesefahaman, hubungan baik dan silaturahim serta kasih sayang di antara sesama manusia dan menegah daripada berlakunya perpecahan di kalangan umat manusia.

"Islam mengajar kita mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, mengerjakan yang disuruh dan meninggalkan apa yang

dilarang-Nya terutama dalam melaksanakan ibadah seharian selaku orang Islam dengan mengerjakan perkara yang terkandung dalam Rukun Islam serta mengukuhkan keimanan kita dengan mentauhidkan Allah Subhanahu Wata'ala melalui Rukun Iman, di samping mempunyai sikap dan sifat ihsan sesama makhluk," jelas beliau.

Beliau menyeru saudara-saudara baru berkeinginan dan yang lain agar tidak melepaskan peluang mengikuti bimbingan agama yang telah disediakan oleh Pusat Da'wah Islamiah seperti mengikuti bimbingan pengenalan agama Islam selama sepuluh hari, skim bimbingan asas 14 hari dan skim lanjutan bahagian I dan II.

Selain itu katanya mereka juga boleh mengikuti Kelas Bimbingan Muallaf (KBM) yang diadakan di tempat-tempat berhampiran seperti di Sekolah Ugama

Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Sekolah Rendah Sungai Liang dan Masjid Al-Mashor, Kampong Sungai Mau serta kelas dikir dan tausiyah dengan mengubungi pegawai-pegawai Unit Bimbingan Muallaf Bahagian Dakwah Daerah Belait.

Achong, bertugas sebagai Pengawal Keselamatan di sebuah syarikat swasta kini dikenali nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Nur Taufiq Hidayat bin Abdullah Juna, isterinya, 27 tahun memilih nama Islamnya sebagai Dayang Nurharyanie binti Abdullah Sangai, anak-anak mereka masing-masing berusia tujuh dan dua tahun kini dikenali sebagai Dayang Nursyahirah Syahid dan Awang Muhammad Nisrazwan Arwadi serta saudara mereka berusia 17 tahun dikenali sebagai Awang Muhammad Shafiq Ardizan.

Menurut catatan keramaian mereka yang memeluk agama Islam di daerah ini dari bulan Januari hingga masa kini berjumlah 92 orang.

TINJAUAN

PROJEK MENJEJAK KAMPUNG: TONJOLKAN BUDAYA DAN KEUNIKAN KAMPUNG

Oleh : Norlia Md. Zain

Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali,
Hernie Suliana Haji Othman



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang berinteraksi bersama para peniaga.

DALAM usaha untuk meningkatkan masyarakat bermaklumat, banyak inisiatif dilaksanakan oleh pelbagai agensi sama ada dari pihak kerajaan mahupun swasta. Dalam agenda ini, Jabatan Radio dan Televisyen Brunei (RTB) dengan kerjasama Jabatan Daerah Tutong dan Majlis Perundingan Mukim Pekan Tutong telah mengadakan Program Menjejak Kampung (PMK) Keempat bertempat di Kompleks Pasarneka dan Tamu Serambangun Daerah Tutong. Projek ini bermula pada 26 November dan berakhir pada 2 Disember yang lalu.

Pengurus PMK, Pengiran Ahmad bin Pengiran Mahmud ketika ditemui oleh wakil PELITA BRUNEI berkata, projek tersebut merupakan hasrat jabatannya untuk mendekatkan diri kepada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Melalui projek ini pihaknya dapat berinteraksi dengan penduduk-penduduk mukim dan kampung sesuai dengan peranan RTB sebagai lidah kerajaan.

Antara aktiviti penerbitan yang dilaksanakan melalui projek ini ialah menyelenggarakan aspek-aspek ekonomi, sosial dan kebudayaan di mukim dan kampung tersebut. Ini kerana

setiap mukim dan kampung yang difokuskan itu mempunyai ciri khas masing-masing dari segi adat budayanya. Dengan itu kita boleh mengukuhkan lagi 'sustainability' falsafah Melayu Islam Beraja.

Untuk menyelenggarakan tempat-tempat di Mukim Pekan Tutong, RTB bekerjasama dengan Persatuan Fotografi Negara Brunei Darussalam mengadakan aktiviti 'Photo Hunt' di mana orang ramai diberikan soalan berbentuk gambar dan ia akan menjurus orang ramai untuk mengetahui tempat tersebut. Secara tidak langsung aktiviti ini juga menyeru inisiatif Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan iaitu 'Kenali Negara Kitani'.

'SATU MUKIM SATU PRODUK'

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan ketika menyampaikannya ucapan di Majlis Perasmian Menjejak Kampung pada 30 November yang lalu, menyatakan PMK berpotensi bagi memperkenalkan dan mempromosikan produk-produk mukim dan kampung serta

akan dapat menonjolkan keunikan dan identiti serta keistimewaan mukim atau kampung itu sendiri. Ini adalah selaras dengan usaha bagi menjayakan dan merealisasikan untuk mengeluarkan produk-produk tempatan yang 'viable' melalui konsep 'Satu Mukim Satu Produk' selaras dengan objektif dan perancangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam menggerakkan dan mempromosikan produk-produk tempatan.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking ketika ditemui berpendapat, gerai jualan yang dibuka semasa PMK itu boleh melahirkan langkah awal untuk mengenali produk-produk yang boleh ditonjolkan di mukim-mukim tersebut.

"Seperti apa yang kita nampak pada hari ini, penduduk dari Kampung Kupang menonjol dengan tanam-tanaman berupa semai sementara penduduk dari Mukim Ukong menonjol kepada produk anyam-anyaman," tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut menegaskan setiap mukim perlu mengeluarkan produk yang berbeza. Misalnya Mukim Ukong boleh mengeluarkan produk anyam-anyaman dan Mukim Pekan Tutong mengeluarkan produk berupa semai.

"Adalah lebih baik sekiranya di Daerah Tutong ini ditubuhkan satu pusat bagi penjualan kraf tangan dan harga jualan bagi setiap produk hendaklah murah dan berpatutan seperti takiding kecil dijual dengan harga dua ke lima ringgit," tambah Yang Berhormat.

Penubuhan pusat ini jelas Yang Berhormat adalah bagi memudahkan para pelancong mendapatkan produk tempatan, di samping memudahkan pihak pengeluar menjual produk mereka. Pelancong sememangnya gemar mendapatkan produk yang kecil buatan tempatan

untuk dibawa pulang ke negara asal kerana ia lebih memuaskan mereka.

Menyentuh mengenai penjualan buah-buahan tempatan di musim buah, Yang Berhormat menegaskan pembaziran dan pembuangan buah biasa dihadapi apabila semua penduduk kampung sudah masing-masing mempunyai. Ia sebenarnya boleh diolah untuk dijadikan produk lain dan lebih tahan lama.

Oleh itu, Yang Berhormat menyarankan agar satu kajian dibuat oleh pihak-pihak tertentu mengenai produk-produk yang boleh dihasilkan dari buah-buahan tempatan serta potensi pemasarannya. Misalnya kajian produk apakah yang boleh dihasilkan dari buah kembayau dan cempedak. Jika hasil produk-produk tersebut dapat dibuat dalam jumlah yang banyak menurut Yang Berhormat, rasanya ia boleh diimport ke luar negara seperti negara serantau, Timur Tengah dan Eropah.

Yang Berhormat menyokong penuh inisiatif 'Satu Mukim Satu Produk' ini turut melahirkan kebimbangan bagaimana keadaan apabila tanah di Daerah Tutong yang diusahakan oleh Kumpulan Peladang Luar Bandar sebesar 1,000 ekar nanti berbuah serentak.

"Contohnya dua tiga tahun lepas semua orang sudah mempunyai buah, malah dijual seringgintun pun orang tidak mahu membeli kerana masing-masing sudah ada. Oleh itu kajian perlu dilakukan segera," ujar Yang Berhormat.

Beliau seterusnya berkata negara lain sudah ada membuat inisiatif untuk menghasilkan produk daripada buah-buahan tempatan seperti durian dijadikan tempoyak, jem, aiskrim, keropok dan sebagainya. Negara kita punya bahan-bahan mentah tersebut cuma pengolahan perlu kepada kajian lanjut.

Yang Berhormat juga berpendapat bahawa inisiatif 'Satu Mukim Satu Produk' ini juga perlu kepada kerjasama pelbagai pihak kerana ia amat berpotensi untuk memberikan banyak sumber pekerjaan di samping boleh mengurangkan kadar pengangguran di negara kita.

GERAI JUALAN

Di sepanjang PMK ini diadakan di Kompleks Pasarneka dan Tamu Serambangun Tutong, terdapat 75 petak jualan telah disediakan bagi tujuan berniaga di samping menambah pendapatan kepada para peniaga. Antara produk yang dijual di gerai tersebut ialah makanan, semai, buah, pakaian dan kraf tangan tempatan. Melalui gerai inilah hasil produk bagi mukim-mukim di Daerah Tutong terserlah.

Wakil PELITA BRUNEI sempat menemui bual beberapa orang peniaga yang berniaga di gerai jualan tersebut. Walau bagaimanapun, rata-ratanya peniaga ini melahirkan rasa kecewa disebabkan gerai jualan ini kurang mendapat kunjungan dari orang ramai.



ANTARA produk kraf tangan yang dijual oleh salah seorang peniaga.

Awang Zulfadli bin Haji Kasah dari MYSHM Enterprise berkata neneknya telah membayar sewa gerai sebanyak \$160.00 untuk dua petak. Beliau yang bermalam di gerai itu memulakan waktu perniagaan dari 8.30 pagi hingga 10.30 malam. Ketika ditemui penulis, beliau belum mempunyai pembeli dan menurut beliau lagi hal yang sama berlaku kepada peniaga yang lain.

Sementara Awang Amir Abzarshah dari Syarikat Pakistan Muslim Textile yang juga bermalam di gerai tersebut turut melahirkan rasa kecewa kerana barang dagangannya belum ada dibeli oleh pelanggan. Beliau berpendapat gerai tersebut kurang mendapat sambutan disebabkan penduduk di Daerah Tutong tidak begitu ramai jika dibandingkan di Bandar Seri Begawan. Selain itu tidak banyak orang yang mengetahui terdapatnya gerai jualan bersempena dengan PMK tersebut. Disebabkan kekurangan pelanggan itulah beliau, sesetengah pedagang belum membuka gerai mereka walaupun jam pada waktu itu sudah menunjukkan jam 11.00 pagi.

Bagi seorang penduduk yang datang dari Kampung Benutan, Alau anak Pelima berkata produk kraf tangan yang dijual pada waktu itu ialah buatan beliau sendiri sementara segala bahan mentah diperolehi daripada kawasan sekeliling. Menjawab mengenai kurangnya mendapat sambutan gerai jualan tersebut, beliau berpendapat ia disebabkan kurang diketahui oleh penduduk setempat.



ANTARA produk kraf tangan yang dijual oleh seorang peniaga.

Sementara isteri beliau Kinoh anak Ginyam berkata harga kraf tangan yang dijualnya masih boleh dikurangkan. Barang jualan yang ada pada ketika itu bernilai lebih \$1,000.00 Menurutnya, mereka masih bernasib baik kerana segala barang kraf tangan yang tidak 'laku' masih boleh dijual di tempat yang lain asalkan ia masih berkeadaan baik.

mulanya mereka enggan untuk berniaga di situ memandangkan harga sewa yang mahal, di samping sambutan yang tidak memuaskan. Tetapi mereka kemudiannya berubah fikiran setelah dijemput oleh pihak-pihak tertentu untuk berniaga di situ dengan menawarkan sewa secara percuma.

PEMBAIKAN

Inisiatif RTB dengan kerjasama Jabatan Daerah Tutong dan MPM Pekan Tutong dalam meningkatkan masyarakat bermaklumat harus diberikan pujian. Ini kerana projek tersebut telah dapat menyelenggarakan segala keunikan dan keistimewaan yang terdapat di mukim tersebut. Walau bagaimanapun, beberapa aspek juga perlu kepada pembaikan agar projek ini terus mendapat sambutan di masa akan datang.

Dua orang peniaga yang enggan namanya disiarkan berkata, kebanyakan orang ramai tidak mengetahui adanya gerai jualan tersebut. Selain itu harga sewa juga dianggap mahal bagi sesetengah peniaga di mana satu petak jualan berharga \$80.00 untuk seminggu. Jika dibandingkan gerai yang lain ada sesetengahnya menawarkan harga \$80.00 untuk setahun. Menurut mereka lagi pada



KEADAAN gerai jualan pada 27 November 2007.



YANG Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking menegaskan kajian perlu dilakukan segera bagi potensi pemasaran produk-produk tempatan.



PENGIRAN Ahmad bin Pengiran Mahmud berkata Program Menjejak Kampung adalah hasrat jabatan untuk mendekati rakyat dan penduduk di Mukim Pekan Tutong.



AWANG Amir Abzarshah dari Syarikat Pakistan Muslim Textile ketika ditemui oleh wakil PELITA BRUNEI.



AWANG Zulfadli bin Haji Kasah memulakan waktu perniagaan dari jam 8.30 pagi hingga 10.30 malam.



KINOH anak Ginyam menyatakan harga produk kraf tangan yang dijualnya masih boleh dikurangkan.



SEORANG peniaga kraf tangan dari Kampung Benutan, Alau anak Pelima.

Persidangan Perdagangan Kebangsaan 2007 menghimpunkan 'stakeholders'

JERUDONG, Khamis, 29 November. - Isu-isu penjenamaan, alam sekitar, kesusahawanan dan menuju ke arah globalisasi, sumber-sumber manusia dan strategi-strategi bagi negara-negara kecil dibincangkan dalam Persidangan Perdagangan Kebangsaan 2007 atau 'The National Business Conference 2007' bertempat di Empire Hotel and Country Club di sini.

Sesi pertama 'How Small Can Be Beautiful - Smart Strategies for Small Countries' antara lain memfokuskan strategi-strategi penjenamaan dan faedah-faedah yang diperolehi dengan memiliki jenama kukuh bagi sesebuah negara, di samping membincangkan apa yang perlu dilakukan oleh sebuah negara dan perniagaan kecil dalam dunia globalisasi ini.

Sesi tersebut dipengerusi oleh Pemangku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, Dato Paduka Awang Timothy Ong, sementara ahli panel terdiri dari penulis dan pakar penjenamaan, Dr. Paul Temporal dan Ketua Strategi dan Perancangan, Kerajaan Abu Dhabi yang juga Senior Fellow, Institut Penyelidikan Asia Tenggara (ISEAS), Dr. Linda Low dan diulas oleh Yang Amat Mulia Pengiran Karna Raja Pengiran Karna Ruzaman bin PPSDSB Pengiran Haji Ali, Pengerusi Pihak Berkuasa Sungai Liang (Sungai Liang Authority) dan Rasha Al Saleh, Pengarah Urusan Forum Pemimpin Belia Arab.

Sesi kedua 'Sedikit Sedikit Jadi Bukit' pula membincangkan isu bagaimana sesebuah negara dan individu yang kecil boleh menjalankan perniagaan dan pada masa yang sama membantu melindungi alam sekitar, di samping menerokai bentuk alternatif bagi pembaharuan tenaga serta amalan-amalan terbaik bagi pemuliharaan tenaga dan melindungi alam sekitar.

Di sesi tersebut, Pengerusi Solar Power, TOTAL, Philippe Costerg dalam persentasinya antara lain me-

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

nyentuh tentang aktiviti tenaga suria dan cabaran-cabaran dalam menjalankan aktiviti tersebut yang diulas oleh Pengerusi Pusat Bagi Alam Sekitar, Teknologi dan Pembangunan Malaysia, Gurjat Singh K.S dan Pengerusi Universiti Brunei Darussalam, Gabriel Yong.

Pada sesi bertajuk, 'Developing Smart People for Smart Countries - How to Make the Most of Limited Resources?' pula memfokuskan bagaimana negara-negara kecil boleh menggunakan secara terbaik sumber-sumber manusia mereka yang agak terhad serta apa yang boleh dipelajari dari pengalaman-pengalaman negara lain.

Managing Partner IQ-Quest Company, Dayang Fauziah binti DSP Haji Talib mempengerusikan sesi tersebut, sementara ahli panel terdiri dari Group CEO of I Search Worldwide Inc. Ricard Hoon, Pengasas kon-

sultasi pembelajaran, Perkhidmatan Pendidikan LEAPS, Pengiran Dr. Hajah Rahmah binti Pengiran Haji Jadid dan Pengarah Strategi & Komunikasi Awam, Alcoa Global Primary Product, Amerika Syarikat Wade Hughes.

Persidangan bertemakan 'Can Small Be Beautiful?' menampilkan para penceramah dari dalam dan luar negara dan menghimpunkan lebih 300 tokoh dari sektor swasta dan awam.

Ia dianjurkan bersama oleh Asia Inc. Forum dengan kerjasama TOTAL, BLNG, ING Private Bank, ALCOA dan BAG Networks bertujuan untuk menghimpunkan pihak-pihak berkepentingan dalam mengembangkan negara bagi membincangkan bagaimana Negara Brunei Darussalam dan syarikat-syarikat di negara ini boleh maju, berkembang dan turut serta dalam dunia globalisasi.



PEMANGKU Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, Dato Paduka Awang Timothy Ong (kanan sekali) mempengerusikan Persidangan Perdagangan Kebangsaan 2007 yang berlangsung di Empire Hotel and Country Club. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

Berikan perhatian dalam mempromosi produk tempatan

Oleh : Ak. Haji Mohd. Zukarnaen Pg. Haji Abu Bakar

TEMBURONG, Khamis, 29 November. - Produk-produk tempatan yang dihasilkan oleh rakyat negara ini perlu diberikan ruang untuk dipromosikan bagi pasaran dalam negeri dan arena antarabangsa.

Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohd. Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam ketika berucap melancarkan Pesta Produk Tempatan 2007 di Kompleks Utama Bumi-putera Pekan Bangar berkata pujian perlu diberikan kepada anak-anak tempatan yang telah berusaha mengusahakan pelbagai produk untuk dipasarkan

dalam dan luar negeri.

Dalam masa yang sama tambahnya, Jabatan Daerah Temburong juga akan terus mengambil inisiatif dengan mengorak langkah bagi menggalakkan penglibatan penduduk-penduduk di daerah ini untuk bergiat aktif dalam perusahaannya kecil dan sederhana.

"Apa yang diharapkan adalah pesta produk tempatan ini tidak akan berakhir pada ketika ini sahaja dan diharapkan supaya ianya akan dapat diteruskan di masa-masa akan datang kerana usaha yang dibuat ini sudah tentunya sangat signifikan

dalam usaha ke arah memartabatkan Daerah Temburong ini sepanjang masa," jelasnya.

Sehubungan itu beliau menyeru kepada penduduk-penduduk daerah itu supaya akan mengorak langkah yang sama bagi membantu Daerah Temburong terus bersinar dan mampu memberikan sumbangan secara berterusan dalam mempromosi perniagaan negara.

Pesta yang disertai oleh 22 buah syarikat tem-

patan itu berlangsung selama empat hari yang dihasratkan untuk meningkatkan pemasaran produk tempatan di pasaran domestik dan mengukuhkan sektor swasta khususnya perusahaan kecil dan sederhana (SME), terutamanya dalam aliran kewangan agar SME di negara ini akan lebih berkembang.

Pesta ini juga merupakan satu langkah ke arah memasarkan produk-produk tempatan melalui gedung-gedung perniagaan, pasar raya-pasar raya di negara ini. Ianya boleh juga membantu meningkatkan perkembangan SME di negara ini dan juga hasil-hasil produk keluaran syarikat mereka.

Melalui pesta ini akan dapat membuka langkah ke arah kerjasama di antara sektor kerajaan dan swasta khususnya gedung-gedung perniagaan dan ejen pengedaran, di samping dapat meningkatkan penampilan dan kenalan produk.

Hadir sama ialah Pemangku Ketua Bahagian Promosi dan Perkhidmatan Kemudahan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Damit bin Haji Mohd. Arsad, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan penghulu-penghulu serta ketua-ketua kampung Daerah Temburong.

RBC sumbang Buku Masakan

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim ahmad.salim@information.gov.bn

JALAN MUARA, Khamis 29 November. - Dalam membantu perantis muda tempatan menceburi industri katering, terutamanya dalam meningkatkan kemahiran masakan, Royal Brunei Catering (RBC) telah menyumbangkan sebanyak 46 buah buku masakan yang dihasilkan oleh syarikat berkenaan kepada beberapa jabatan-jabatan kerajaan, maktab dan Pusat Pembangunan Belia.



PEMANGKU Pengurus Umum Syarikat Penyajian Diraja Brunei (RBC), Awang Haji Omar Ali menyampaikan siji penghargaan kepada Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yusof bin Haji Ladi iaitu jawatankuasa yang terlibat menerbitkan Buku Masakan RBC. - Foto : Halim Haji Sulaiman.

Kementerian Hal Luar Negeri sebanyak 35 buah buku, Arkib Negara dua buah buku, Universiti Brunei Darussalam juga dua buah buku, Dewan Bahasa dan Pustaka dua buah buku, Maktab Teknik Sultan Saiful Rizal dua buah buku, Pusat Pembangunan Belia juga dua buah buku dan Jabatan Penerbangan Awam sebuah buku.

Pemangku Pengurus Umum, Syarikat Penyajian Diraja Brunei, Awang Haji Omar Ali bin Haji Mohd. Daud menyampaikan buku-buku masakan itu di Majlis Penyampaian Buku Masakan RBC di Hua Ho Mall, Manggis di sini.

Menurut Awang Haji Omar Ali, hasrat untuk menerbitkan Buku Masakan ini lahir pada sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-60 tahun lalu.

Sejak itu katanya RBC telah mengumpul resipi-resipi terbaik yang mana usaha ini telah diusahakan dengan gigit oleh kakitangan RBC.

"Usaha ini mendapat sokongan dan bantuan dari Jabatan Penerangan yang bertanggungjawab, membuat penggambaran dan juga mengedit buku berkenaan," ujarnya.

Katanya lagi, penghormatan yang paling tinggi RBC terima ialah kesudian Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Raja Isteri bersemuka duli menyempurnakan Pelancaran Buku Masakan pada 26 Ogos 2007, yang mana Pelancaran Buku Masakan RBC dipilih sebagai acara kemuncak sempena Pameran Urusan Rumah Tangga.

Majlis seterusnya diikuti dengan penyampaian sijil-sijil kepada jawatankuasa yang terlibat dalam penerbitan Buku Masakan RBC oleh Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Yusof bin Haji Ladi dan kemudian para jemputan menyaksikan 'slide' mengenai pembuatan dan penerbitan buku masakan berkenaan.

Di majlis itu diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan derma kepada Persatuan PERTIWI Negara Brunei Darussalam sebanyak \$1,000.00 dan cek itu disampaikan oleh Awang Haji Omar Ali kepada Naib Yang Dipertua Persatuan PERTIWI. Sumbangan itu adalah hasil sebahagian daripada jualan Buku Masakan RBC.

IHP bulan Oktober meningkat 0.4 peratus

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Disember. - Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Oktober 2007 meningkat sebanyak 0.4 peratus berbanding bulan September 2007 pada kadar 103.2.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), kos makanan dan minuman ringan meningkat 0.1 peratus disebabkan oleh harga yang tinggi bagi tepung, biskut, daging ayam segar dan telur, minyak masak sayuran dan sawit, marjerin dan minuman berasaskan koko.

Beberapa jenis barangan makanan yang mencatatkan peningkatan dan penurunan harga yang bagi Oktober 2007 berbanding bulan sebelumnya.

Harga yang tinggi bagi pakaian sedia siap dan fabrik bagi lelaki dan

wanita menyebabkan kenaikan 2.3 peratus bagi kos pakaian dan kasut.

Sementara kos perumahan, air, elektrik dan pemeliharaan meningkat 0.1 peratus berikutan harga yang tinggi bagi penginapan (pemeliharaan dan pembaikan kecil).

Kos peralatan, perkhidmatan dan pengendalian rumah meningkat 1.3 peratus disebabkan oleh harga yang tinggi bagi alat perabot, alat hiasan rumah tangga, peralatan audio dan video, alat dan perkakas dapur, pinggan mangkuk dan kutleri dan pengendalian rumah tangga.

Kos pengangkutan meningkat 0.4 peratus disebabkan harga yang tinggi bagi kenderaan terpilih.

Manakala kos perhubungan menurun 0.1 peratus disebabkan harga

yang murah bagi peralatan termasuk aksesori.

Kos perubatan dan kesihatan meningkat 0.6 peratus disebabkan harga yang tinggi bagi ubat dan bekalan proprietari dan alat-alat terapeutik.

Harga bagi barangan dan perkhidmatan meningkat 0.6 peratus berikutan harga yang tinggi bagi barang-barang keperluan diri wanita (emas 916).

Kos pendidikan tidak berubah.

IHP bagi Oktober 2007 adalah 1.2 peratus lebih tinggi berbanding dengan bulan yang sama pada 2006. Bagi sepuluh bulan pertama tahun ini (Januari-Oktober 2007), IHP meningkat 0.1 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas.

KESIHATAN

7 dijangkiti HIV/AIDS, 2 meninggal dunia

Oleh : Norliah Md. Zain

BANDAR SERI BEGA-WAN, Khamis, 6 Disember. - Pada tahun ini sahaja seramai tujuh warga tempatan telah dilaporkan menghidapi jangkitan HIV/AIDS dan dua orang telah meninggal dunia disebabkan oleh jangkitan ini.

Ini bermakna sejak bermulanya 'surveillance' bagi jangkitan HIV pada tahun 1988 hingga kini seramai 37 orang warga tempatan terdiri daripada 26 orang lelaki dan 11 orang perempuan telah dilaporkan menghidapi jangkitan HIV/AIDS.

Pemangku Menteri Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair menyatakan perkara itu di Majlis Sambutan Hari AIDS Sedunia 2007 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas di sini.

"Dari jumlah tersebut 19 orang telah meninggal dunia akibat HIV/AIDS," jelas Yang Dimuliakan.

Sebanyak 76 peratus jangkitan jelas Yang Dimuliakan, berlaku di kalangan mereka yang

berumur di antara 20 hingga 49 tahun di mana sebahagian besarnya berlaku melalui hubungan seks.

Walaupun jumlah tujuh orang ini dianggarkan kecil jika dibandingkan dengan kadar jangkitan di negara-negara lain di seluruh dunia tegas Yang Dimuliakan, akan tetapi jumlah tersebut merupakan peningkatan jangkitan HIV/AIDS yang paling banyak dilaporkan di negara ini dalam masa setahun.

Selain dari itu, jelas Yang Dimuliakan, jangkitan-jangkitan penyakit seksual lain yang ada hubung kait dengan risiko jangkitan HIV seperti jangkitan seksual Gonorrhea dan Chlamydia juga semakin meningkat.

Mengikut perangkaan kesihatan jangkitan penyakit Gonorrhea kata Yang Dimuliakan, seramai 74 orang yang terbahit pada tahun 2003, 147 orang pada tahun 2004, 210 orang pada tahun 2005, 327 orang pada tahun 2006, sementara penyakit Chlamydia 15 orang

pada tahun 2002, 92 orang pada tahun 2003, 137 orang pada tahun 2004 dan 285 orang pada tahun 2005.

"Statistik yang diberikan ini, hanyalah merupakan sebagai permukaan bongkah air batu (tips of the iceberg) kerana ia tidak termasuk daftar statistik pesakit-pesakit yang dijangkiti penyakit seksual yang mendapatkan rawatan dari klinik-klinik 'private'," ujar Yang Dimuliakan.

Begitu juga gejala-gejala sosial jelas Yang Dimuliakan, boleh menyumbang kepada risiko jangkitan HIV/AIDS jika tidak dibendung di peringkat awal lagi seperti kehamilan remaja (teenage pregnancies) yang berpunca daripada pergaulan bebas di kalangan remaja juga semakin meningkat.

Dari rekod yang terdapat kata Yang Dimuliakan, umur remaja yang paling muda melahirkan ialah 14 tahun.

Ini bermakna tegas Yang Dimuliakan, kita harus sedar bahawa risiko

untuk jumlah dan kadar HIV/AIDS di Negara Brunei Darussalam untuk meningkat memang sedia ada.

Dari itu menurut Yang Dimuliakan, kita harus berusaha dan bertindak bersama sebelum kadar jangkitan HIV/AIDS terus meningkat di Negara Brunei Darussalam dan menjadikan keadaan jangkitan penyakit berkenaan menjadi kronik.

Yang Dimuliakan menegaskan, pencegahan adalah masih merupakan langkah yang sangat berkesan untuk menghindari jangkitan HIV/AIDS kerana HIV/AIDS adalah masih merupakan penyakit yang sangat berbahaya yang belum terdapat ubat untuk menyembuhkannya.

Terdahulu bersempena dengan Hari AIDS Sedunia, Yang Dimuliakan mengajak masyarakat menyual dan menanyakan kepada diri sendiri adakah saya, teman saya, keluarga dan anak-anak saya dan masyarakat sekeliling saya bebas dan terlindung dari HIV/AIDS.

Di samping itu, adakah saya, teman saya, keluarga dan anak-anak saya dan masyarakat sekeliling saya mengetahui bagaimana jangkitan HIV/AIDS berlaku dan bagaimana untuk menghindarkannya.

Dan terakhir apa seharusnya peranan saya, institusi saya, organisasi saya, masyarakat saya dan keluarga saya lakukan dan sumbangkan untuk membanteras HIV/AIDS.

Soalan-soalan tersebut jelas Yang Dimuliakan adalah berkaitan dan relevan kepada kita semua kerana mencegah HIV/AIDS adalah tanggungjawab dan urusan kita semua (HIV/AIDS prevention is everybody's business).

Sejauh ini jelas Yang Dimuliakan, AIDS telah membunuh lebih daripada

25 juta penduduk dunia dan mengikut Laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) setiap lapan saat terdapat seorang yang akan dijangkiti HIV.

Sambutan Hari AIDS Sedunia 2007 bertemakan 'Kepimpinan Bercakap dan Bertindak' itu turut diserikan dengan persembahan para belia seperti bacaan puisi dan nyanyian dari kumpulan kugiran tempatan.

Hari AIDS Sedunia diadakan pada setiap 1 Disember bertujuan bagi memperingati dan memperkukuhkan lagi usaha-usaha ke arah membanteras epidemik AIDS dan menumpukan perhatian terhadap cabaran-cabaran yang masih belum ditangani.

Ia juga bertujuan memberikan peringatan kepada warga dunia, masyarakat, keluarga dan individu akan bahaya ancaman jangkitan HIV/AIDS kepada manusia sejagat.



PEMANGKU Menteri Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair ketika berucap di Majlis Sambutan Hari AIDS Sedunia 2007 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Menteri Kesihatan dianugerahkan 'Fellowship' Kehormat Fakulti Pergigian

UNITED KINGDOM, Jumaat, 7 Disember. - Kolej Pakar Bedah Diraja Edinburgh, kolej pakar pembedahan tertua di dunia mengurniakan 'Fellowship' Kehormat Fakulti Pergigian kepada Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi.

Kolej tersebut mengurniakan 'Fellowship' sedemikian atas pencapaian-pencapaian cemerlang kepada individu-individu yang menduduki jawatan penting di dunia di mana keupayaan mereka menyumbang kepada kemajuan kesihatan.

Di Negara Brunei Darussalam, latihan pergigian di tahap pasca ijazah dimulakan pada tahun 2004 dan melalui seri perubahan perancangan, Kementerian Kesihatan mendapat akreditasi penuh dari Kolej Pakar Bedah Diraja, Edinburgh, memulakan program latihan ahli Fakulti Doktor Bedah Pergigian (MFDS).

Dalam masa tiga tahun kebelakangan ini, seramai 16 doktor gigi tempatan Brunei telah berjaya menamatkan latihan. Dalam latihan singkat melibatkan kepakaran itu, kementerian telah mengadakan perjanjian dengan King College, London.

Seramai lapan orang telah menjalani pengkhususan dalam pelbagai disiplin pergigian di King College, seorang di Amerika Syarikat dan tiga yang lain di Bahagian Pembedahan Gigi di Negara Brunei Darussalam.

Adalah diharapkan pada tahun 2012, Pusat Pergigian Kebangsaan akan mempunyai pakar-pakar pergigian sepenuhnya dalam semua bidang disiplin pergigian sehingga muncul sebagai pusat terbaik di Borneo sebanding dengan kebanyakan pusat utama di rantau ini.

Untuk membantu perkembangan itu, satu program latihan profesional rawatan pergigian seperti hygienists dan jururawat telah dimulakan tahun ini dengan kerjasama King College, Universiti London dengan profesor Naim Wilson sebagai Ketua Penasihat.

Anugerah 'Fellowship' kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan adalah merupakan satu pengiktirafan kepada visi dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan perlaksanaan yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan telah diiktiraf oleh Fakulti Pergigian, Kolej Pakar Bedah Diraja Edinburgh.



PEMANGKU Menteri Kesihatan dan para pegawai kanan dari Kementerian Kesihatan ketika hadir di Majlis Sambutan Hari AIDS Sedunia 2007. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



TIMBALAN Menteri Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair menyampaikan cenderamata kepada seorang pesakit sejurus selepas merasmikan pembukaan semula wad 19 dan wad 20 Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS). - Foto : Abdullah Haji Awang Damit.

Wad 19, 20 Hospital RIPAS dibuka semula

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

Semula Wad 19 dan 20 disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair berlangsung di ruang masuk antara wad 19 dan wad 20, di hospital berkenaan di sini.

Di majlis tersebut, Yang Dimuliakan juga menyampaikan buku maklumat dan buku himpunan doa-doa dan adab ziarah orang sakit berserta cenderahati kepada para pe-

sakit di wad-wad terbabit.

Wad 19 dan wad 20 merupakan wad kemasukan bagi pesakit perempuan di mana wad 19 adalah untuk pesakit Kardiologi, Onkologi, Hematologi dan Gastroenterologi manakala wad 20 adalah bagi pesakit Endokrinologi, Nephrologi dan Rheumatologi termasuk bilik kelas pertama.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Hospital RIPAS, Dayang Hajah Siti Mariam binti Haji Md.

Jaafar berkata pengubahsuaian prasarana hospital itu merupakan salah satu inisiatif Kementerian Kesihatan untuk memberi keselesaan kepada para pesakit dan keluarga mereka termasuk para jururawat dan doktor yang menjalankan tugas.

Katanya lagi, bukan sahaja wad 19 dan wad 20 yang selesai diubahsuai, tetapi juga wad 7 yang kini sudah pun siap digunakan dan ketika ini wad 4 dan klinik wanita mengandung dan sakit puan juga sedang dalam proses pengubahsuaian.

Tinjauan kritis kurikulum pendidikan Islam dan Bahasa Arab di Brunei Darussalam

PENDAHULUAN

KERTAS kerja ini bertujuan untuk melihat secara umum dan sedikit kritis sejauh mana kurikulum pendidikan Islam dan bahasa Arab itu di Negara Brunei Darussalam tumbuh dan berkembang dari semasa ke semasa sehingga turut menyumbang kepada kemandirian beragama, bermasyarakat dan bernegara.

KEMASUKAN ISLAM

Sepintas lalu penulis ingin mengimbas kembali bahawa agama Islam telah masuk dan bertapak di Negara Brunei Darussalam sejak pengislaman Awang Alak Betatar yang mengambil nama sebagai Sultan Muhammad Shah pada abad ke-14 Masihi. Baginda menjadi raja Brunei yang pertama memeluk Islam. Ajaran Islam itu bertambah mantap apabila seorang 'syarif' dari tanah Arab datang ke Brunei iaitu Sharif Ali yang dikatakan dari pancir keturunan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melalui cucunda Baginda sama ada Sayidina Hasan atau Sayidina Husain daripada Sayidatina Fatimah al-Zahra, puteri Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bersuamikan Sayidina Ali bin Abi Talib. Sharif Ali telah ditakdirkan Allah menjadi takhta kerajaan dan menjadi sultan Brunei yang ketiga.

Di samping berperanan sebagai raja, baginda juga berperanan sebagai pendakwah, guru dan imam sehingga agama Islam itu tersebar luas di Negara Brunei Darussalam.

Sebagaimana peranan Melaka di Alam Melayu dalam penyebaran Islam, Brunei juga pernah menjadi pusat penyebaran Islam ke seluruh pulau Borneo hingga membawa ke kepulauan Filipina dalam abad ke 16 Masihi. Brunei pernah mencapai zaman kegemilangannya sebagai sebuah kesultanan Melayu Islam di abad tersebut. Namun kegemilangan itu tidak dapat dipertahankan, apabila kuasa-kuasa Barat datang ke Brunei khususnya British dalam abad ke 19 Masihi yang mana menyebabkan terhakisnya perkembangan Islam tersebut dan akhirnya malap di pertengahan abad ke 20 Masihi.

Bilamana Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin menaiki takhta Kerajaan Brunei, keadaan mulai berubah. Di tangan baginda Islam mulai bersinar semula. Baginda adalah orang yang bertanggungjawab menciptakan Perlembagaan Negeri Brunei dan meletakkan Islam di awal perlembagaan tersebut sebagai agama rasmi negara mengikut aliran Ahlissunnah Waljamaah. Ini dapat dilihat dalam Bahagian II, di bawah tajuk "Agama", Bab 3:

3. (1) Agama rasmi bagi negeri ini ialah Agama Islam menurut Ahlissunnah Waljamaah, tetapi dengan agama yang lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya.

(2) Ketua agama negeri ialah Sultan.

Baginda juga yang bertanggungjawab menubuhkan persekolahan agama secara bersestam pada tahun 1956, yang dimulakan dengan pembukaan tujuh buah sekolah agama. Memandangkan rancangan ini hendak disegerakan, maka sekolah-sekolah agama tersebut terpaksa menggunakan bangunan sekolah Melayu dan Inggeris iaitu di sebelah petang. Ini dapat disuahkan dengan adanya bantuan dari Kerajaan Johor yang memberikan guru-guru agama dan buku-buku teks pelajaran agama mengikut sistem yang berjalan di Johor pada masa itu. Perkara ini berjalan dengan lancar dan teratur dan sekolah-sekolah agama pula berkembang dengan pesat di Brunei Darussalam sehingga memerlukan pembinaan beberapa buah sekolah agama bangunan sendiri pada awal tahun 1970-an bagi menampung keperluan tersebut.

Memandangkan keperluan kepada guru-guru agama semakin bertambah, Brunei Darussalam telah berusaha menubuhkan Maktab Perguruan Agama yang dikenali dengan nama gelaran Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin sendiri iaitu Maktab Perguruan Agama Seri Begawan pada tahun 1972. Di samping terus mendapatkan guru-guru agama dari Johor dan dari negeri-negeri lain dalam Semenanjung Tanah Melayu seperti Perak, Pahang, Negeri Sembilan dan lain-lain, Brunei mulai dapat mengeluarkan guru-guru agama tempatan sendiri dan mengurangkan pergantungan kepada bantuan dari luar.

Secara perlahan-lahan Brunei mulai berjaya mengeluarkan buku-buku teks pelajaran agama hasil tulisan anak-anak tempatan. Walau bagaimanapun buku-buku teks pelajaran agama dari Johor sebahagiannya masih juga digunakan hingga ke hari ini. Ini bermakna pengaruh sistem pelajaran agama Johor di Brunei berjalan hampir 50 tahun iaitu suatu tempoh yang agak panjang. Ini juga menunjukkan adanya keseragaman sistem pelajaran agama Johor itu di Brunei sehingga Brunei tidak merasakan perlunya mengubah dengan segera.

Keseragaman ini pada pengamatan penulis ialah kerana kurikulum sekolah-sekolah agama Johor itu menggunakan Bahasa Melayu iaitu bahasa yang sama digunakan di Brunei, kandungan pelajarannya adalah mengikut amalan Ahlissunnah Waljamaah, mazhab Shafi'i, sama seperti yang diamalkan dan menjadi pegangan orang-orang Islam di Brunei sejak kedatangan Islam ke Brunei. Dan lagi pembawaan guru-guru agama dari Johor itu sendiri khasnya dan dari Semenanjung Tanah Melayu atau Malaysia amnya yang dapat menyesuaikan diri mereka dengan suasana, adat resam dan kehidupan di Brunei serta dapat menunjukkan contoh teladan yang baik yang menyebabkan mereka dihormati dan disayangi.

OBJEKTIF

Objektif mengadarkan sekolah-sekolah agama ini sebagaimana yang digariskan ialah:

1. Mendidik kanak-kanak supaya dapat memahami dan mempercayai serta mengamalkan ajaran Islam dengan keimanan kepada Allah Yang Maha Esa.
2. Mengajar pelajaran agama supaya dapat menanamkan kesedaran di jiwa kanak-kanak.
3. Memimpin kanak-kanak supaya cenderung dan berminat kepada ajaran agama Islam sehingga boleh memikul tanggungjawab yang sepenuhnya bila mereka dewasa.
4. Membentuk budi pekerti kanak-kanak supaya mereka menjadi rakyat yang tinggi dan sempurna budi pekertinya berdasarkan ajaran agama Islam yang

(FAKTA)

SEBUAH kertas kerja bertajuk: 'Tinjauan Kritis Kurikulum Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di Brunei Darussalam' yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman dalam Seminar Serantau Islam Hadhari 2007, bertempat di Grand Ballroom, Grand Seasons Hotel, Jalan Pahang, Kuala Lumpur pada 10 hingga 12 Ogos, 2007. Seminar anjuran bersama Sekretariat Islam Hadhari (Projek Khas YAB Perdana Menteri) Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Kementerian Pelajaran Malaysia. Seminar ini bertemakan: Pendidikan Islam dan Pendidikan Bahasa Arab. Selain peserta dari tuan rumah Malaysia, turut diundang menyertai seminar ini ialah wakil-wakil dari Republik Indonesia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam.



sejati.

5. Melatih dan mengasuh kanak-kanak bagi mengerjakan suruhan-suruhan dan menaungi larangan-larangan Allah supaya mereka menjadi orang Islam yang taat dan patuh melaksanakan perintah dan hukum hakam Allah.

6. Mendidik kanak-kanak supaya menjadi anggota masyarakat yang bertanggungjawab dalam berkhidmat kepada negara dan bangsa berdasarkan ajaran Islam.

Pada hemat penulis objektif yang lebih jauh ialah: Pertama, untuk mendukung perlembagaan yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi negara. Ini kerana menerusi sekolah agama, anak-anak orang Islam mendapat peluang untuk memperolehi pengetahuan dan didikan agama yang baik sebelum mereka meneruskan pelajaran yang lebih tinggi dalam pelbagai bidang yang mana mereka akan bakal menjadi pendukung perlembagaan tersebut apabila suatu hari nanti menjadi pegawai-pegawai tinggi dan pemimpin negara. Kedua, untuk menyempurnakan fardu 'ain setiap orang Islam di Negara Brunei Darussalam. Ini bermakna kerajaan telah menunaikan tanggungjawabnya terhadap rakyat yang majoriti penduduknya beragama Islam. Ketiga, bagi mewujudkan hubungan yang rapat antara raja dengan rakyat menerusi pendidikan agama, seterusnya mewujudkan perpaduan bagi semua golongan masyarakat kerana antara ajaran Islam yang tinggi nilainya ialah menyeru supaya taat kepada raja (pemimpin), mengukuhkan ikatan silaturrahim dan perpaduan, tolong menolong, bergotong-royong serta berkerjasama dalam perkara-perkara yang berkebaikan. Keempat, menjadi satu mekanisme bagi penghayatan ajaran Islam secara keseluruhan, kerana dengan adanya sekolah-sekolah agama timbullah kesedaran untuk menghayati ajaran Islam dan menolak segala kemungkaran serta adanya inisiatif untuk mengagongkan hari-hari bersejarah atau hari-hari kebesaran dalam Islam.

Kesedaran seperti ini tentunya tidak dapat dipupuk dalam masa yang singkat, tetapi akan mengambil masa yang panjang menerusi persekolahan agama. Maka hasil dari persekolahan agama sejak 50 tahun dahulu itu ialah adanya komitmen seluruh masyarakat kepada ajaran Islam pada hari ini. Ajaran-ajaran Islam ini pula menjadi salah satu mekanisme atau menjadi teras bagi mendukung falsafah negara Brunei Darussalam iaitu MIB (Melayu Islam Beraja) yang mana Brunei sebagai sebuah kesultanan Melayu Islam perlu mempertahankan identitinya menerusi persekolahan agama tersebut.

PERANAN DUA INSTITUSI

Perlu diambil perhatian di sini iaitu di Brunei Darussalam, dua buah Kementerian terlibat dalam mengendalikan sistem pendidikan/pengajian Islam dalam bahasa

Melayu dan bahasa Arab ini iaitu Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan (sebelum merdeka, dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Pelajaran).

Memandangkan tidak semua pelajar Islam menghadiri persekolahan agama di sebelah petang (ramai juga yang tidak mengikutinya), maka dalam tahun 1965, usaha telah dimulakan untuk mengajarkan pelajaran agama di sekolah Melayu, Inggeris, Misi dan Pertukangan dalam kurikulum pendidikan umum. Pada tahun 1972, perundingan antara Jabatan Pelajaran dan Jabatan Hal Ehwal Ugama telah mencapai persetujuan supaya pelajaran agama sebagai satu mata pelajaran wajib diajarkan dari Darjah Satu hinggalah ke Tingkatan Menengah Tiga. Selepas itu tidak lagi menjadi wajib, tetapi sebagai pilihan dalam peringkat 'O' atau 'A' Level. Termasuk sebagai pilihan ialah mata pelajaran Bahasa Arab di sekolah-sekolah yang sambutanannya masih jauh dari memuaskan.

Dalam hal ini, pelajar yang belajar di sekolah agama dari Darjah Satu hingga Darjah Enam adalah pelajar yang sama yang belajar di Darjah Tiga hingga ke Tingkatan Dua di sekolah umum kerajaan dan swasta (pelajaran agama bermula apabila seorang kanak-kanak memasuki Darjah Tiga di sekolah umum). Ini juga bermakna mereka (pelajar di sekolah agama di sebelah petang itu) mendapat pelajaran agama yang lebih mantap lagi kerana mendapat pendidikan agama secara teori dan amali seperti sembahyang berjemaah, sembahyang jenazah, berwuduk, membaca Al-Qur'an dan sebagainya. Sementara di sekolah umum (sebelah pagi) pada lazimnya, mereka hanya mendapat pendidikan agama secara teori sahaja disebabkan masa yang terhad. Ini memandangkan kurikulum umum mempunyai banyak mata pelajaran dan banyak period yang diperlukan untuk menanganinya. Sungguhpun terhad tetapi semua pelajar (termasuk yang bukan Islam) berpeluang mengikutinya. Ini bermakna pendidikan agama telah diberikan oleh kerajaan secara menyeluruh. Mungkin ini merupakan suatu pencapaian yang dapat dibanggakan di Brunei Darussalam. Namun ia juga memerlukan pemikiran dan kajian lanjut bagi melihat titik-titik kekuatan dan kelemahan dalam sistem ini supaya lebih efektif dan berkesan serta mencapai objektif negara dan agama.

Di samping pendidikan agama secara formal, kelas Dewasa Agama turut menyumbang bakti di dalam pengukuhan hidup beragama di negara ini. Sejak penubuhan kelas Dewasa Agama pada tahun 1958, ianya telah berperanan memberikan bimbingan kepada orang ramai untuk memahami ajaran-ajaran Islam yang sebenar. Dan lebih penting lagi program ini telah memainkan peranan bagi membantu kerajaan untuk mengembalikan fahaman Islam yang betul di kalangan rakyat jelata khasnya penduduk yang beragama Islam, selepas belakunya peristiwa pemberontakan pada tahun 1962.

Islam yang betul di kalangan rakyat jelata khasnya penduduk yang beragama Islam, selepas belakunya peristiwa pemberontakan pada tahun 1962.

PENGAJIAN ISLAM DALAM BAHASA ARAB

Mengenai dengan pengajian/pendidikan Islam dalam bahasa Arab, sejarah awalnya ialah sebuah sekolah Arab telah ditubuhkan dalam zaman Perang Jepun di awal tahun 40-an. Sekolah Arab ini diduduki oleh sultan dan pembesar-pembesar negara pada masa itu. Namun takdir Allah tidak menyebelahi kewujudannya, kerana sekolah tersebut telah ditutup dalam zaman perang Jepun itu juga. Bagaimanapun pada tahun 1966 sebuah sekolah Arab baru telah ditubuhkan yang dikenali sebagai Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkiah dan pada tahun berikutnya tertubuh pula Sekolah Menengah Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit. Kedua-dua sekolah Arab ini berkembang dengan baik. Kesan dan perkembangan tersebut telah tertubuh pula Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam pada tahun 1989, Ma'had Islam Brunei pada tahun 1990, Fakulti Pengajian Islam di Universiti Brunei Darussalam pada tahun 1993, Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanah Bolkiah juga pada tahun 1993.

Elok juga disebutkan bahawa kedudukan kurikulum sekolah Arab adalah diiktiraf oleh Universiti Al-Azhar, Mesir dan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Malaysia yang membolehkan penuntut-penuntut yang lulus Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) memasuki Tahun Pertama bagi Ijazah Sarjana Muda di universiti-universiti tersebut, manakala lulusan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) diterima untuk memasuki matrikulasi UIA, Malaysia.

Pencapaian Institut Pengajian Islam Brunei Darussalam (IPI) agak membanggakan kerana kurikulumnya diiktiraf oleh Universiti Al-Azhar, Mesir sehingga membolehkan pemegang diploma keluaran Institut ini terus diterima tanpa melalui peperiksaan untuk belajar di Universiti Al-Azhar di Tahun Empat bagi Ijazah Sarjana Muda. Pencapaian ini jika diimbangi, adalah hampir sama dengan pencapaian Kolej Islam Malaysia dulu yang mengeluarkan Sijil Tertingginya sehingga diterima untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Al-Azhar sama ada di Tahun Empat Ijazah Sarjana Muda atau terus ke Ijazah Sarjana. Hasil dari produk Kolej Islam Malaysia inilah yang kita lihat pada hari ini menjadi di antara ulama-ulama yang sangat berperanan baik di Brunei Darussalam mahupun di Malaysia. Di Malaysia misalnya Tan Sri Dato Dr. Abdul Hamid Othman, (Penasihat Agama di Jabatan Perdana Menteri), Dato Dr. Ismail Ibrahim, Dato Brigedier Jeneral (B) Haji Abdul Hamid Zainal Abidin (bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri), Dato Dr. Harun Din, Dato Nakhai Haji Ahmad, Dato Seri Harussani Zakaria (Mufti Negeri Perak), Dato Haji Ismail Kamus, Dato Dr. Amran Kasimin, Dato Murtadza Haji Ahmad, dan Profesor Dato Dr. Abdul Munir Yaacob (sekarang bertugas di Brunei), dll. Di Brunei misalnya Pehin Dato Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin (Menteri Hal Ehwal Ugama), Pehin Dato Haji Abdul Aziz Juned (Mufti Kerajaan Brunei), Pehin Dato Haji Abdul Hamid bin Bakar (Ketua Hakim Syarie), Pehin Dato Haji Badaruddin bin Dato Haji Othman (Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama), Pehin Dato Haji Yahya bin Haji Ibrahim (bekas Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama), Allahyarham Profesor Dato Dr. Haji Mahmud Saedon bin Othman (Pakar Perundangan Islam), Di Singapura misalnya Pasuni Maulan, Haji Salim bin Jasman, Haji Abu Bakar Haji Hashim (Allah Yarhamu). Mereka ini ialah generasi lama, yang walau pun tidak ramai, tetapi ulama seperti mereka telah menyumbang kepada pembangunan Islam dan negara, soalnya ialah di mana tokoh-tokoh generasi baru di bawah sistem pendidikan sekarang? Sama-samalah kita berfikir dengan mendalam dan bagaimana untuk menjanjannya?

PENGAJIAN TINGGI ISLAM

Perkembangan berikutnya ialah percantuman Institut Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam dengan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Brunei Darussalam pada tahun 1999 yang dikenali dengan nama barunya Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddin (IPIHOAS). Dengan tarafnya sebagai sebuah fakulti di Universiti Brunei Darussalam, Institut ini telah berupaya mengeluarkan Ijazah Sarjana Muda. Apa yang agak mengembirakan ialah IPIHOAS ini telah menjadi asas kepada sebuah universiti baru bagi Brunei Darussalam iaitu Universiti Kedua yang dikenali sebagai Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang ditahankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada awal tahun 2007. Titah baginda:

"Maka untuk itu, bertepatan dengan tahun 2007, beta dengan amat sukacita mengumumkan penubuhan sebuah Universiti Islam sebagai universiti kedua di negara ini, universiti tersebut akan dikenali sebagai Universiti Islam Sultan Sharif Ali."

Titah baginda seterusnya:

"Universiti ini kita hasratkan akan menjadi mercu tanda kegemilangan Islam di negara kita, dan insya-Allah akan turut berperanan melahirkan para ulama dan cendekiawan yang berwibawa yang diperlukan oleh negara."

Dalam perancangannya, universiti Islam yang baru ini akan berkembang dari semata-mata menawarkan program-program pengajian Islam dalam bahasa Arab kepada menawarkan program-program lain seperti kewangan Islam, pengurusan Islam, sains dan teknologi yang melihat dari perspektif Islam. Universiti baru ini memulakan pengajiannya pada 6 Ogos 2007 yang baru lalu yang mana selain menawarkan program-program dalam bidang pengajian Islam seperti Usuluddin, Syariah, Bahasa Arab dan Tamadun Islam, sebagai permulaan ia juga telah menawarkan program Sarjana Muda Sains Pengurusan (Kewangan Islam) suatu program yang dikira menarik pada masa ini.

Tingkatkan kemahiran dalam penulisan jurnal

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 27 November. - Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal menyeru para penulis dan penyelidik tempatan supaya mempertingkatkan kemahiran masing-masing bagi menjamin kualiti esei yang diterbitkan, bersesuaian dengan standard Jurnal Institut Perkhidmatan Awam (IPA).

Menyatakan perkara itu semasa berucap di Majlis Penyerahan Hadiah Peraduan Menulis Esei anjuran IPA 2007 berkata, idea-idea yang diketengahkan itu juga perlu dan mampu menjana pemikiran kritis dan seterusnya menghasilkan strategi-strategi pembaharuan bagi melancarkan urusan-urusan yang berkaitan serta menaungi nilai-nilai luhur dalam menjalankan kerja se-

Oleh : Ak. Haji Mohd. Zukarnean
Pg. Haji Abu Bakar

harian.

Esei-esai yang dipilih katanya, akan dikompilasi dalam jurnal terbitan institut untuk menjadi wadah pengetahuan dan panduan kepada jabatan-jabatan kerajaan mahupun swasta.

Usaha yang dihasratkan itu tambahnya, akan menarik minat para penulis berbakat untuk menyumbang idea-idea bagi sama-sama menjana daya pemikiran untuk dikongsi bersama, di samping mengasah bakat penulisan yang sedia ada.

Peraduan Penulisan Esei ini adalah aktiviti tahunan IPA yang telah diungayahkan sejak tahun 1997 dan tahun ini seramai 23 orang penulis menyer-

tainya.

Isu-isu yang dibangkitkan oleh penulis telah diteliti oleh pihak pengurusan dalam Perkhidmatan Awam, lebih-lebih lagi tema penulisan yang meliputi aspek kepimpinan, kualiti dan produktiviti, nilai dan etika, teknologi maklumat, pengurusan dalam Islam, pengurusan kewangan dan semua aspek mengenai pengurusan.

Tema ini adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-14 yang antara lain menyentuh ke-

cemerlangan kepimpinan, kajian penilaian prestasi perkhidmatan, pelan strategi dan pelaksanaan hasil setiap perancangan.

Sheikh Mahmud bin Sheikh Haji Ibrahim mendapat tempat pertama dengan esainya yang bertajuk 'Analisis Keperluan Latihan Dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam - Pengertian, Pelaksanaan, Kritikan dan Pendekatan'.

Tempat kedua ialah Dayang Hajah Ilyasuriani binti Dato Paduka Haji Hamdani dan pemenang ketiga pula Dayang Siti Rozidah binti Jalani.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal menyampaikan hadiah Peraduan Menulis Esei anjuran Institut Perkhidmatan Awam 2007 kepada seorang penulis yang memenangi peraduan tersebut. - Foto : Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

Bahasa Melayu perlu diperluaskan dalam ICT

TUNGKU LINK, Rabu, 5 Disember. - Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan, peraduan dan jati diri masyarakat Brunei, namun tidak mustahil dengan usaha-usaha yang bersungguh-sungguh dari semua pihak akan menjadikan bahasa Melayu mempunyai peranan yang besar dalam penggunaannya di dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Namun perluasan dan penguasaan bahasa Inggeris di peringkat antarabangsa tidak dapat dielakkan di mana perluasan bahasa Inggeris ini didorong oleh keperluan memperoleh maklumat dan pembelajaran di peringkat maya melalui kemajuan ICT.

Ini dijelaskan oleh Pemangku Pengarah Pentadbiran Am dan Kewangan, Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan Ibu Pejabat Polis Gadong, Penguasa Kanan Awang Haji Abd. Majid bin Haji Awang Damit yang juga selaku tetamu kehormat di Majlis Penyerahan Sijil Bagi Peserta Kursus Bahasa Inggeris 2007 berlangsung di Dewan Penghayatan Institut Perkhidmatan Awam, Kampong Rimba Gadong.

Penguasa Kanan Awang Haji Abd. Majid seterusnya menyatakan, fenomena ini tidak bermaksud untuk meniadakan kepentingan bahasa Melayu tetapi meletakkan bahasa Inggeris sebagai bahasa alat berkomunikasi dalam teknologi maklumat, internet dan peringkat antara-

Oleh : Ak. Jeffery Pg. Durahman
jeffery.durahman@information.gov.bn

bangsa.

"Sehubungan dengan itu, penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris oleh masyarakat mempunyai peranan yang berbeza dan tidak seharusnya menimbulkan konflik jika masyarakat berpandangan jelas tentang peranan penguasaan dan penggunaan kedua-dua bahasa tersebut," tambah beliau.

Begitu juga dengan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) di negara ini di mana beliau menjelaskan, melihat dengan keadaan sekeliling pada masa ini, PDB mengambil inisiatif untuk melengkapkan anggota-anggotanya dengan pengetahuan melalui perancangan latihan dan perancangan strategi pasukan agar tugas-tugas harian yang mereka laksanakan dapat memberikan perkhidmatan yang profesional dan berkualiti.

"Dengan adanya kefasihan berbahasa Inggeris, tentunya akan dapat menambah keyakinan diri mereka apabila berkomunikasi atau berinteraksi," tambahnya.

Beliau juga difahamkan terdapat beberapa anggota dan pegawai yang sudah pun menduduki peperiksaan bahasa Inggeris peringkat 'O' dan 'A' pada bulan November yang lepas se-

bagai satu batu loncatan kepada mereka untuk memasuki ke pengajian yang lebih tinggi.

"Usaha-usaha sebegini amat dihargai dan disokong sepenuhnya oleh Jawatankuasa Perkembangan Tenaga Manusia, PDB dan peluang-peluang untuk meneruskan pengajian ke tahap yang lebih tinggi adalah sentiasa terbuka malahan sangat digalakkan khusus dalam mengikuti skim latihan dalam perkhidmatan sama ada dalam atau di luar negeri," jelas beliau.

Beliau juga berharap agar para peserta kursus dapat menerima ilmu dan mengambil manfaat daripada kursus-kursus yang sedang dan yang telah dikendalikan memandangkan pelaburan yang dibuat oleh pasukan amatlah tinggi.

"Ke arah itu usaha-usaha sedang giat dijalankan bagi mendapatkan peruntukan kewangan yang lebih seimbang dan bersesuaian selaras dengan kehendak perancangan latihan pasukan," tambah beliau.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Disember. - Penggunaan tulisan Jawi sudah digunakan sejak pemerintahan Sultan Ali Omar Shah, sebagai kaedah dakwah bagi menyampaikan ajaran Islam.

Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri menyatakan perkara itu semasa membentangkan kertas kerja ucpatama bertajuk 'Hubungan Brunei - Sambas Dari Perspektif Sejarah dan Tulisan Jawi' semasa Seminar Sejarah Borneo sempena Majlis Sambutan Jubli Perak Jabatan Pusat Sejarah di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, tulisan Jawi telah digunakan sejak Sultan Ali Omar Shah, di



PENGETUA Pusat Sejarah Brunei, Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri ketika membentangkan kertas kerja ucpatama di Seminar Sejarah Borneo sempena Sambutan Jubli Perak Pusat Sejarah. - Foto : Ramli Tengah.

mana masa berdakwah itu baginda banyak menggunakan tulisan Jawi sebagai alat penyampai pelajaran agama Islam dan kini terus berkembang

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

serta dipelajari di peringkat sekolah-sekolah.

Tulisan Jawi ini menurut Yang Berhormat, memang menjadi amalan kepada Sultan-sultan Brunei dan dianggap sebagai tulisan kebangsaan di Brunei dan menurut sejarah, tulisan yang sedemikian pernah dipakai oleh Sultan Jalilul Akbar dalam surat yang ditujukan kepada Gabenor Jeneral Don Francisco Tello pada Tahun Masihi 1371.

"Tulisan Jawi yang digunakan oleh Sultan Ali Omar Shah yang memang digunakan oleh Sultan Brunei zaman-berzaman untuk menyampaikan dalam perhubungan antara Brunei dengan bangsa lain seperti surat perjanjian Pengiran Muda Hashim dengan James Brooke

pada TM 1841 dan perjanjian dengan Inggeris untuk bernaung pada TM 1906 seperti yang telah disebutkan," ujarnya.

Sebanyak 60 kertas kerja dibentangkan oleh 60 pembentang dalam dan luar negeri yang pakar dalam sejarah sepanjang tiga hari itu.

Antara tajuk kertas kerja yang disampaikan ialah Kesultanan-kesultanan di Kalimantan Barat, Tantan dan Masa Depan: Kasus Kesultanan Qadriyah di Pontianak, Kampong Rantau Penghijrahan Kembali, Pengaruh China dalam Pembuatan Perak Brunei, Sultan-sultan Sambas dan Hubungannya Dengan Kesultanan Brunei dan Peradaban Melayu Islam Borneo dan Teori Alunan.

Membuat lawatan ke Kampong Ayer

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 4 Disember. - Isteri Menteri Pembangunan Nasional Republik Singapura, Dr. Sheryn Kaye Von Senden dan rombongan yang sedang berada di negara ini membuat lawatan menyusuri Kampong Ayer.

Rombongan seramai tujuh orang itu menyertai Program Lawatan Kerja Menteri Pembangunan Nasional Republik Singapura, Yang Berhormat Tuan Mah Bow Tan selama tiga hari ke negara ini bermula 3 hingga 5 Disember.

Mengiringi rombongan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Joseph K. H. Koh dan isteri; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pema-

ngunan, Pengiran Hajah Rosmah binti Pengiran Haji Abas; Pegawai Tanah Kanan, Dayang Balkis dan Pegawai Tugas-Tugas Khas, Pengiran Datin Norleha binti Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail.

Dalam lawatan itu, rombongan juga singgah ke Mini Muzium Kampong Saba, salah satu tarikan pelancong di kampung tersebut.

Kunjungan Dr. Sheryn Kaye Von Senden dan rombongan disambut oleh pemiliknya Awang Haji Mahmud bin Haji Muhammad dan dibawa menyaksikan koleksi peribadi terdiri dari artifak-artifak purba seperti wang siling lama, meriam, barangan tembaga dan bermacam-macam lagi.

Dr. Sheryn Kaye Von Senden sangat tertarik dengan koleksi wang siling lama kepunyaan Awang Haji Mahmud selain koleksi batu-batu lama yang menurut pemiliknya bersangkut-paut dengan alam mistik dan paranormal orang-orang zaman dahulu.

Semasa lawatan itu, Awang Haji Mahmud juga menyampaikan cenderahati kepada Yang Berhormat dan sempat bergambar ramai bersama ahli-ahli rombongan.

Rombongan melawat ke Taman Negara Belalong. 'Outward Bound' Brunei Darussalam di Kampong Batang Duri, Taman Negara Ulu Temburong dan 'Canopy Walkway', sebelum pulang pada sebelah petangnya.

Oleh : Marzuki Haji Mohd. Seruddin



ISTERI Menteri Pembangunan Nasional Republik Singapura, Dr. Sheryn Kaye Von Senden dan rombongan ketika melawat ke Mini Muzium Kampong Saba di Kampong Ayer. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



PEMANGKU Pengarah Pentadbiran Am dan Kewangan, Jabatan Pentadbiran Am dan Kewangan Ibu Pejabat Polis Gadong, Penguasa Kanan Awang Haji Abd. Majid bin Haji Awang Damit menyampaikan sijil kepada peserta Kursus Bahasa Inggeris 2007. - Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

MEMANG menjadi hasrat kepada kita semua untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini memperoleh nilai 'Negara Baik' seperti yang disebut oleh Allah Subhanahu Wata'ala majlis 'Baldatun Thayyibatun, Warabbun Ghafuur'.

Dalam erti kata, kita ingin membina negara yang sejahtera lagi makmur dan berdiri kukuh di bawah keredaan Allah. Betapa tidak, kita tentunya menginginkan 'kebahagiaan di dunia dan di akhirat nanti'.

Untuk mencapainya, tentu sahaja kita semua perlu berusaha mengamalkan atau melaksanakan perkara-perkara yang dapat membawa kita memperolehinya. Malah kerajaan dan rakyat negara ini sememangnya sentiasa berazam untuk mencapai niat dan cita-cita luhur itu.

Sejak dahulu lagi pucuk pimpinan dan rakyat negara ini tidak kendur-kendur berusaha untuk mencapainya. Ini dapat kita lihat dan rasakan melalui amalan-amalan, perancangan-perancangan dan kegiatan-kegiatan yang menjurus ke arah itu.

Banyak perkara yang telah, sedang dan akan dilakukan untuk memperoleh 'negara baik' itu. Untuk mencapai sesuatu yang baik dan diiredai Allah di dunia dan di akhirat itu tentu sekali ia perlu berlandaskan ajaran Islam yang maha suci.

Alhamdulillah usaha untuk mencapai nilai 'Negara Baik' itu memang sudah ada, manakala ciri-ciri 'Negara Baik' itu juga sudah nampak kerana selama ini kita dikurniakan keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Usaha berterusan ini perlu ditingkatkan lagi. Alhamdulillah, perkara ini sering diingatkan oleh pucuk pimpinan negara. Baru-baru ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



salim ketika bertitah sempena majlis Ramah Mesra baginda dengan penuntut-penuntut dan rakyat Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Ireland berlangsung di London. Baginda antara lain mengingatkan:

"Negara Brunei Darussalam mesti dibangun oleh tenaga-tenaga pemikir untuk memperolehi nilai 'Negara Baik' dalam makna yang seluas-luasnya. Negara yang runtuh adalah negara yang ketandusan daya berfikir, sekalipun ia kaya dan besar. Kerana apabila daya berfikir merosot, maka sudah pasti yang akan menggantikannya ialah hawa nafsu."

"Definisi 'Negara Baik' itu disebut Allah sebagai 'Baldatun Thayyibatun', yakni negara yang aman, sejahtera lagi makmur. Tanpa adanya unsur-unsur ini, bermakna bukanlah itu 'Negara baik' atau 'Baldatun Thayyibatun' menurut perspektif Al-Qur'an."

"Kemudian 'Negara Baik, itu dilengkapi lagi dengan ungkapan

BERUSAHA MEMPEROLEHI NILAI 'NEGARA BAIK'

(Baldatun Thayyibatun, Warabbun Ghafuur)

Oleh : Sahari Akim
sahari.akim@information.gov.bn

dan tatacara kehidupan yang baik. Dengannya kita tidak akan terpesong melakukan perkara yang mungkar.

Di samping itu, kita mempunyai Ulii Anri, seorang raja dan pemerintah yang beragama Islam dan taat beragama. Baginda memerintah negara dengan adil dan bijaksana. Baginda memerintah negara berteraskan ajaran Islam dan berlandaskan Ahli Sunnah Waljamaah.

Ini diperkukuhkan dengan ikrar cita-cita negara seperti yang dititahkan oleh Kebawah DYMM semasa pengisytiharan kemerdekaan penuh Negara Brunei Darussalam pada tahun 1984.

"Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat, dan Demokratis berseksian kepada ajaran-ajaran Agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan dengan berassaskan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan pertunjanj dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala jua akan sentiasa berusaha pada memperoleh ketenteraman dan

Islam sebagai agama rasmi negara sememangnya sudah dimaklumi sebagai agama yang syumul dan lengkap. Ajarannya mencakupi hukum-hukum, akhlak

keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat Beta'...

NAMPAK

Dengan kekuatan pegangan kita kepada ajaran Islam, dengan pengalaman nilai-nilai murni budaya bangsa diiringi usaha, doa dan tawakal ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala maka alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam telah menampakkan ciri-ciri 'Negara Baik' itu.

Antaranya kita menikmati kehidupan yang aman, makmur dan sejahtera. Senuanya ini tentu sahaja kerana 'berkat' kita berpegang kuat kepada ajaran-Nya, mengamalkan yang makruf dan meninggalkan yang mungkar.

Dengan 'berkat' ketataan kita kepada ajaran Islam itu, Allah Subhanahu Wata'ala juga mengurniakan pelbagai nikmat kepada kita. Antaranya termasuklah nikmat sumber rezeki dari hasil minyak dan gas yang banyak, pemimpin yang adil dan bijaksana, persefahaman dan permuafakatan di kalangan rakyat dan penduduk.

Tentu sahaja dengan ekonomi yang kukuh kita dapat memperingkatkan syiar Islam, memacu pembangunan negara, menjaga

serta meningkatkan kebajikan rakyat dan seumpamanya.

Sementara itu dengan kebijaksanaan pucuk pimpinan kita, negara dan bangsa akan dapat dikembangkan di pelbagai bidang, kebajikan dan kesejahteraan rakyat terjamin, syiar Islam berkembang, budaya murni bangsa terpelihara dan banyak lagi.

SYUKUR

Kita harus mensyukuri segala nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala itu. Dengan mensyukuri ia akan kekal dan terus meningkat. Mensyukuri nikmat ialah dengan memperkukuh keimanan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Kita juga harus menggunakan rezeki dengan berhemah. Tidak membazir, kerana tabiat membazir adalah perbuatan syaitan. Kita gunakan rezeki kepada perkara-perkara yang berkebaikan.

Ini termasuklah membela-bela harta benda ke arah kegiatan-kegiatan yang dapat mengembangkan agama Islam, membantu umat Islam dan masyarakat yang memerlukan.

Kita memang digalakkan bersedekah terutama kepada anak yatim, fakir miskin, orang cacat anggota, orang

tidak berkemampuan dan lain-lain. Seperti yang sering disebutkan, amalan bersedekah akan menambahkan lagi rezeki seseorang selain mendapat kebahagiaan, dikurniakan tubuh badan yang sihat serta umur yang panjang dan banyak lagi.

Sebaliknya jika nikmat dan rezeki digunakan kepada perkara-perkara yang mungkar akan dibelanjakan secara 'boros' maka ia tiada akan membawa 'keberkatan' malah akan ditarik habis jika Allah Subhanahu Wata'ala menghendakinya.

LAKSANA

Dari senario di atas, tidak diragui kita mempunyai landasan yang kukuh untuk mencapai nilai negara 'Baldatun Thayyibatun, Warabbun Ghafuur' itu. Tinggal lagi bagaimana komitmen setiap individu kita untuk sama-sama menghayati, melaksana dan mengamalkannya.

Jika semuanya landasan di atas dapat kita laksana dan amalkan semampu mungkin, insya-Allah kita bukan sahaja akan dapat mengekalkan ciri-ciri nilai 'Negara Baik' itu malah meningkatkannya untuk diwarisi oleh anak cucu kita di masa akan datang.

Dari muka 9

Universiti baru ini akan berlandaskan Al-Qur'an dan Al-Sunnah dan aliran AhlulSunnah Waljamaah, mazhab Shafi'i yang terpakai di Brunei Darussalam juga di Nusantara. Universiti ini akan menggunakan tiga bahasa pengantar iaitu Bahasa Arab, Inggeris, dan Melayu. Universiti ini dalam objektifnya akan melahirkan para ulama dan cendekiawan Islam yang rantau kita ini sedang ketandusan sekarang. Insya-Allah, dengan bantuan tenaga akademik dari Malaysia dan Timur Tengah serta negara-negara Islam lainnya, di samping tenaga akademik tempatan yang sedia ada, kami merasa mempunyai keupayaan untuk menjaga kelahiran ulama dan cendekiawan Islam ini di masa akan datang. Kami berharap dengan menggunakan tiga bahasa tersebut akan dapat menyumbang bukan sahaja di dalam negara, malah juga rantau kita ini dan antarabangsa.

Sebagai sebuah universiti penuh, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mempunyai visi, misi, moto, dan objektifnya sendiri. Visinya ialah:

"Menjadi sebuah Universiti Islam tulen bertaraf antarabangsa yang progresif dan dinamik dengan berteraskan Al-Qur'an dan Al-Sunnah."

Misinya ialah:

"Menjadi sebuah universiti bertaraf antarabangsa yang menyediakan program pengajian dan penyelidikan melalui kaedah-kaedah holistik, berteknologi terkini selaras dengan perkembangan dunia untuk melahirkan graduan yang salih beribadah dan berharta serta turut menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara."

Objektifnya ialah:

1. Menyediakan program pengajian tinggi Islam di peringkat ijazah pertama dan ijazah lanjutan secara teratur dan berkesan bagi menghasilkan pendidikan komprehensif untuk melahirkan ulama, sumber tenaga manusia dan cendekiawan Islam yang beribadah, syumul, mempunyai jati diri, profesional, berilmu, beramal, berakhlak dan bertakwa.
2. Meningkatkan kemahiran pengajaran dan keberkesanan pembelajaran, tarbiyah, penyelidikan dan penerbitan dengan menggunakan teknologi terkini.
3. Mengkaji usaha pengkajian, penyelidikan dan khidmat konsultasi, nasihat dan kepakaran menurut perspektif Islam.
4. Memberi pengisian berkesan bagi bermakna kepada falsafah negara Melayu Islam Beraja, khususnya dalam konteks 'Islam' sebagai asas dan tonggak utama kepada falsafah tersebut.
5. Menjana dan membantu pembinaan umat yang berilmu, beriman, beramal, bertakwa dan berakhlak mulia berlandaskan aliran AhlulSunnah Waljamaah dan penguatkuasaan Mazhab Shafi'i.
6. Memperkaya khazanah ilmu dan rujukan yang berteraskan Islam dan menyebarkan ilmu-ilmu berkenaan untuk dimanfaatkan oleh masyarakat.
7. Selain bermanfaat bagi Negara Brunei Darussalam, dalam jangka panjang penubuhan Universiti Islam ini juga akan bermanfaat di negara serantau dan antarabangsa dan boleh menjadi pusat pengembangan dakwah Islam di Asia Pasifik.

Keunikan universiti ini berbanding dengan yang lainnya saya kira dalam beberapa aspek antaranya ialah: (1) Memberi penekanan kepada hafaz sebagaimana di Al-Qur'an dan pembacaan Al-Qur'an bagi semua pelajar mengikut kategori bidang masing-masing. (2) Mempunyai tiga bahasa pengantar iaitu Arab, Inggeris dan Melayu yang perlu dikuasai oleh semua pelajar. (3) Mengajarkan kefahaman Islam menurut AhlulSunnah Waljamaah dan Mazhab Shafi'i kepada semua pelajar.

Dalam penubuhan pengajian Islam di Brunei di semua peringkat sejarahnya, Brunei tidak mengabaikan Universiti Al-Azhar kerana sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Universiti Al-Azhar adalah

dibormati oleh dunia Islam. Pada masa ini sebagai mana wujudnya di Barat institusi pengajian tinggi seperti Oxford, Harvard, Cambridge, Sorbonne maka di dunia Islam ialah Al-Azhar. Tentunya kita berharap kemunculan yang lain dari Al-Azhar.

Objektif pengajian Islam dalam bahasa Arab pada hemat penulis antara lain ialah untuk melahirkan pakar-pakar khusus untuk menjadi mufti, menjadi hakim shari, pegawai dakwah, penyiar, imam masjid dan lain-lain, malah tidak menjadi kerugian bukan menjadi satu 'complementary' apabila mereka dari aliran ini diambil untuk berkhidmat di bidang pentadbiran, pengurusan, diplomatik, politik, akademik, penterjemahan, pengajaran dan sebagainya sebagaimana yang terbukti di Brunei Darussalam bahawa pelajar-pelajar yang asalnya dari pengajian Islam ada yang dilantik menjadi Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai tinggi kerajaan, duta dan pesuruhjaya tinggi ke negara asing, pegawai tadbir dan sebagainya.

Seiring dengan penubuhan Universiti Islam Sultan Sharif Ali, sebuah lagi pusat pengajian tinggi telah diumumkan penubuhannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dikenali sebagai Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan yang bertujuan untuk melahirkan guru-guru agama yang berijazah, berkualiti dan profesional. Pengkhususan bidang perguruan agama ini termasuk pendidikan yang diperlukan oleh masyarakat dan negara.

Mengenai kurikulum pengajian Islam sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Arab, Brunei Darussalam akan sentiasa mengikuti aliran yang terpakai di Brunei iaitu aliran AhlulSunnah Waljamaah, mazhab Shafi'i. Ini kerana aliran ini bersifat sederhana dan sesuai serta serasi dengan sistem pemerintahan beraja yang berjalan di Brunei, dengan suasana dan sistem tradisi di Brunei. Aliran sederhana tersebut sentiasa meletakkan Al-Qur'an di atas segala-galanya, diikuti dengan Al-Hadith Al-Nabawi, Al-Ijma' dan Al-Qias. Aliran ini telah terbukti membawa keharmonian dan perdamaian dalam negara antara sesama masyarakat Islam dan bukan Islam.

PENGASAS ARAH TUJU

Orang yang bertanggungjawab di Brunei Darussalam dalam menentukan arah tuju aliran ini selain dari Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin yang mengasaskan pengajian Islam dan Arab, juga dipercayai dengan nasihat oleh dua orang ulama sezaman baginda iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Haji Mohammad Saleh bin Pengiran Haji Mohammad, wazir kedua dalam sistem tradisi kesultanan di Brunei, yang juga pernah diangkat menjadi cetera sebagai Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar, sebelumnya beliau menjabat jawatan Kadhi Besar Brunei. Seorang lagi ulama yang berpengaruh ialah Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Brunei, beliau orang Johor, rakyat Malaysia, yang telah mencurahkan sebahagian besar usianya untuk berkhidmat di Brunei, beliau seorang ulama yang dianggap berakhlak dan beribadah bukan hanya di Brunei Darussalam, malah juga di Johor dan Nusantara. Jadi di bawah ketiga-tiga mereka inilah pada dasarnya Brunei Darussalam membentuk arah tuju pendidikan Islamnya. Al-Hamduillah pengasasan mereka berkesan dan di atas landasan yang betul dengan taufik dari Allah.

KESIMPULAN

Pada kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa cabaran bagi pelajar dari aliran pengajian Islam dan bahasa Arab sangat tinggi kerana mereka bukan sahaja wajar menjadi model yang terbaik, juga berkewajipan untuk menjaga dan memeli-

hara akidah Islam yang betul supaya masyarakat Islam tidak terkeliru dan teresat, di samping itu juga turut memainkan peranan dalam menerajui kepimpinan negara.

Oleh kerana itu, pelajar dari pengajian Islam dan bahasa Arab perlu berkeupayaan dalam bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Ini adalah tuntutan zaman. Untuk mendapatkan ilmu Islam yang tulen kita perlu merujuk kepada sumbernya yang asal di dalam Bahasa Arab iaitu Al-Qur'an dan Al-Sunnah dan kitab-kitab yang maktabar dari para ulama silam yang salih lagi berotoriti. Di samping itu memandangkan Islam itu adalah agama (rahmat bagi seluruh alam) dan manusia dalam dunia sekarang ini semakin ramai yang berminat untuk mengetahui ajaran Islam yang sebenar, maka perlunya dikuasai bahasa Inggeris, salah satu dari bahasa global untuk menjelaskan kepada dunia tentang kebenaran dan keindahan Islam, agama yang cintakan kedamaian, keharmonian, keadilan, persefahaman, bukannya agama yang gemar kepada penindasan atau keganasan.

Kedua, ialah keupayaan membaca Al-Qur'an dengan baik dan bertajwid, tidak semestinya dengan berlagu atau bertarian. Ini kerana terdapat sebahagian pelajar Islam kurang menguasai pembacaan Al-Qur'an, spatah lagi untuk menghafaz beberapa surah dalam Al-Qur'an, jauh sekali untuk memahami kandungan Al-Qur'an. Penulis menganggap ini satu krisis yang tidak sepatutnya berlaku kepada pelajar-pelajar Islam. Setengah orang mengatakan bahawa Al-Qur'an itu bukan akademik, tetapi sebenarnya ia membantu akademik, membantu mata pelajaran Tafsir Al-Qur'an, Hadis, Taulid, Usul Fiqh, Dakwah, kewangan, pengurusan, sains dan sebagainya. Jadi Al-Qur'an dan Al-Hadis Al-Nabawi itu adalah dalil agong dalam akademik ilmu Islam, dalil agong dalam berijazah. Jadi bagaimanakah hendak berijazah kalau membaca Al-Qur'an pun tidak betul dan tidak fasih?

Ketiga, penubuhan universiti Islam ialah untuk melahirkan cendekiawan Islam dan ulama. Cendekiawan bermakna ilmu dalam berbagai bidang yang diperlukan oleh manusia dan negara. Cendekiawan di sini ialah mereka yang belajar dalam berbagai bidang keilmuan itu dengan melihat dari perspektif Islam dan ulama pula ialah mereka yang mendalam persoalan ilmu-ilmu dalam bidang syariah dan usuluddin. Brunei Darussalam perlu mempunyai pakar-pakar dalam semua jenis dan bidang keilmuan yang disebutkan untuk memelihara ketahanan, kewibawaan dan keunggulan sebagai sebuah Kesultanan Melayu Islam di tengah-tengah dunia antarabangsa.

Keempat, untuk memenuhi hasrat di atas, sistem persekolahan Arab yang sedia ada masih relevan, hanya diperlukan pengamalkan kurikulum yang merupakan nadi pendidikan yang menentukan corak dan mutu pendidikan aliran Arab di negara ini sesuai dengan keluaran Sekolah Arab sebagai 'feeder' kepada keperluan calon penuntut yang berupaya memenuhi visi, misi dan objektif Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) khasnya dan keperluan negara amnya. Sekolah Arab ini perlu segera berkembang dari segi fizikal dan keramahan penuntutnya, dengan mengekalkan sistem pengambilan pelajar yang berkualiti. Dengan demikian para pelajar lulusannya boleh mencari kecemerlangan untuk melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negara. Di dalam negara pula, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memiliki beberapa buah pusat pengajian tinggi yang bermutu yang setanding dengan pusat-pusat pengajian tinggi di luar negara, bahkan kita mungkin berupaya menarik pelajar dari luar negara untuk datang membuat pengajian tinggi di negara kita sesuai dengan suasana, ketenangan, kondusif, ketulenan Islam dan kualiti pengajian

yang kita tawarkan.

Demikianlah dengan hujah-hujah di atas, saya rasa jelas kepada kita perlunya pengajian Islam dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab diterapkan ke dalam masyarakat bagi menyelamatkan masyarakat dan negara dari berbagai cabaran fahaman dan pengaruh negatif yang menyerang dunia Islam hari ini, dan yang utamanya untuk menyelamatkan umat Islam di dunia dan di akhirat.

Dalam hal ini, dapat diperlihatkan pengalaman Brunei Darussalam yang begitu panjang bermula dari penubuhan sekolah rendah agama yang bahasa pengantarannya Bahasa Melayu pada tahun 1956 hingga tertubuhnya Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan pada tahun 2007 telah menjalan tempoh 51 tahun. Sementara bermula dari penubuhan Sekolah Arab Laki-Laki Hassanul Bolkiah yang bahasa pengantarannya Bahasa Arab pada tahun 1966 hingga tertubuhnya Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada tahun 2007 juga telah mengambil masa 41 tahun. Ini menjadi satu dalil tentang konsisten dan keazaman penuh Brunei Darussalam untuk menghayati ajaran Islam bukan hanya menurut sistem perlembagaan, sistem perundangan, penghayatan penduduknya terhadap ajaran Islam, malah juga disokong oleh sistem pendidikannya yang memberi ruang untuk pendidikan agama dan pendidikan umum berkembang seiring dengan perkembangan individu pelajar dapat mengikutinya dengan baik dan berkesan. Inilah hasil didikan Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien dan putera baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah iaitu sultan-sultan Brunei yang Ke-28 dan 29 di Negara Brunei Darussalam.

RUJUKAN

- Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, 1959.
- Pg. Dr. Haji Mohammad b. Pg. Haji Abd. Rahman, Kemasukan dan Perkembangan Islam di Borneo British Dengan Tumpuan Khas Ke Atas Brunei Darussalam (Abad 13 - 20 Masihi). Tesis Ph.D, Universiti Malaysia, 1991.
- Pg. Dr. Haji Mohammad b. Pg. Haji Abd. Rahman, Islam di Brunei Darussalam, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.
- Pehin OKAD Dato (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Latar Belakang Sejarah Brunei, Brunei: Pusat Sejarah, 1990.
- Pehin OKRD Dato Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, 'Pengajian Islam di Brunei: Satu Tinjauan' dlm. Pelita Brunei, Bil. 36, Tahun 32, Keluaran 9hb. September, 1987.
- Pehin OKRD Dato Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, 'Pandangan Islam Mengenai Pendidikan', Kertas Kerja pada Seminar Pendidikan, anjuran Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei di Maktab Perguruan Hassanul Bolkiah, Gadong, Brunei, pada 30hb. Oktober - 1hb. November, 1981.
- Abdul Rahman bin Khatib Abdullah, 'Pelajaran Agama di Brunei', Kertas Kerja pada Kursus Sivik Guru-Guru Sekolah Rendah Negeri Brunei di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei pada 28hb. Desembris, 1979.
- Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, Laporan Tahunan 1975.
- Kerajaan Brunei, Penyata Sekolah-Sekolah Ugama, 1966.
- Penyata Lawatan Pegawai-Pegawai Agama Johor ke Sekolah-Sekolah Melayu dan Agama, Negeri Brunei, pada tahun 1955.
- Penyata Sekolah-Sekolah Agama Kerajaan Brunei 1956-1957-1958.

Republik Korea jana ekonomi, kesejahteraan rakyat melalui tenaga nuklear dan sumber alam

Oleh : Haji Ahat Haji Ismail

ahat.ismail@information.gov.bn

yang menyertai

Program Lawatan Media ASEAN - Korea di Seoul

PROGRAM nuklear bagi penjana tenaga serta sumber alam semula jadi yang terdapat di Republik Korea merupakan usaha yang pesat dikembangkan oleh pemerintah negara itu dalam menggerakkan tenaga pembangunan, pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyatnya.

Mereka melihat sumber tenaga nuklear dan sumber alam semula jadi yang terdapat di negara tersebut merupakan tenaga alternatif, bagi menggantikan sumber minyak yang semakin mahal, selain menjamin keselamatan dan mesra alam.

Perkara ini dijelaskan oleh Pengurus Ulchin Nuclear Power Site, Korea Hydro & Nuclear Power Co Ltd (KHNP) Jung Jae Woo, kepada serombongan 31 orang delegasi media negara-negara ASEAN yang menyertai Program Lawatan ASEAN Media - Korea, yang mengunjungi Republik Korea baru-baru ini.

Rombongan delegasi media ASEAN berada di Korea Selatan dari 1 hingga 8 Disember lepas bagi misi kunjungan persahabatan ke arah meningkatkan kerjasama dua hala dengan tema 'Pemulihan dan Penggunaan Mapan Tenaga'.

Semasa taklimat itu juga Jung menjelaskan, Republik Korea memulakan program tenaga nuklear sebagai menggantikan minyak di mana krisis minyak pada tahun 1970-an begitu memuncak. Hasil daripada program tersebut, kini Republik Korea merupakan pengeluar tenaga nuklear keenam terbesar dunia dan diiktiraf mempunyai teknologi canggih dan selamat.

"Penjana tenaga menggunakan teknologi nuklear ini adalah disebabkan krisis minyak yang melanda dunia pada tahun 1970-an yang lalu selain perbelanjaannya lebih murah jika dibandingkan dengan yang dihasilkan menggunakan sumber minyak. Dalam masa yang sama pula ianya juga cukup selamat dan tidak menjejaskan hidupan alam sekitar," ujarnya.

Beliau seterusnya menyatakan, setakat ini kira-kira 39 peratus daripada bekalan elektrik di seluruh negara itu adalah daripada 20 buah stesen penjana tenaga nuklear milik Syarikat KHNP.

Dengan demikian katanya, sumber tenaga nuklear adalah stesen penjana utama elektrik di Republik Korea dan kita berharap menjelang 2020, penghasilan dapat dipertingkatkan kepada 45 peratus dengan lapan lagi penjana tenaga nuklear akan dibuka secara berperingkat-peringkat.

"Sehubungan itu kami mengalu-alukan untuk memberikan bantuan kepada mana-mana negara di rantau ASEAN yang berminat dalam membangunkan program tenaga nuklear bagi penjana tenaga," jelasnya.

Selain Republik Korea, Jepun juga telah membangunkan program penjana tenaga nuklear, manakala di Eropah Kanada, Finland, Sweden dan beberapa negara yang lain juga membangunkan program yang sama.



DELEGASI media yang menyertai Program Lawatan Media ASEAN - Korea merakamkan gambar kenangan di salah sebuah tempat bersejarah di Bandaraya Seoul, Republik Korea.

Selain penjana tenaga nuklear, Republik Korea juga memanfaatkan empangan tasik bagi kemudahan tenaga hidro. Terdapat sejumlah 18,000 buah tasik di seluruh negara itu bagi membekalkan kemudahan air, di samping membekalkan tenaga hidro.

Pada setiap tahun Republik Korea memperoleh

127.6 billion cubic meters dan dari jumlah itu diagihkan bagi menggerakkan bidang pertanian, bidang industri dan selebihnya lagi diagihkan kepada keperluan asas yang lain.

Menurut Ketua Perbadanan Air Korea (K water), Keeuk Cha menyatakan dengan sumber alam semula jadi itu dapat menampung keperluan air dan tenaga hidro ke seluruh negara.

"Meskipun tenaga nuk-

lear menjadi pilihan alternatif kemudahan tenaga, Republik Korea juga memanfaatkan air dari empangan tasik untuk dijadikan tenaga hidro," terangnya.

Tasik-tasik yang ada itu ditambahnya, dilengkapi dengan kemudahan teknologi canggih bagi menghalang air melimpah menyebabkan keadaan banjir apabila hujan lebat yang melimpasi paras biasa.

Di samping mengawal keadaan limpahan air katanya, tasik-tasik itu juga di-

jaga dan diawasi setiap masa bagi mengelakkan pencemaran persekitaran serta mengekalkan keindahan flora dan fauna.

"Memandangkan air merupakan bahan terpenting bagi kehidupan, 'K water' amat menitikberatkan penjagaan kesihatan dan keselamatan para pengguna. Dalam masa yang sama pula kami juga mementingkan keindahan persekitaran flora dan fauna bagi menarik pelancong," jelasnya.


"SEHUBUNGAN itu kami mengalu-alukan untuk memberikan bantuan kepada mana-mana negara di rantau ASEAN yang berminat dalam membangunkan program tenaga nuklear bagi penjana tenaga," jelasnya.



PUSAT Kawalan Air (Perbadanan K water) di Daejeon mengawal selia perkembangan harian air, di samping memberikan latihan asas pengawalan serta penggunaan air.




KAWASAN-KAWASAN kemudahan tenaga nuklear di Republik Korea yang menyumbangkan tenaga bagi pertumbuhan ekonomi untuk perindustrian.



EMPANGAN air Dacheong, 150 kilometer dari Bandaraya Seoul menyumbangkan keperluan air dan 240 kw tenaga hidro.

Sukan Asia Tenggara (SEA) Ke-24 di Korat, Thailand



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah beraksi di perlawanan '8 ball pool' perseorangan lelaki dalam sukan biliard lelaki iaitu bertemu dengan peserta tuan rumah.

Perlawanan dramatik '8 ball pool' perseorangan lelaki



Liputan :
Jaafar Ibrahim
jaafar.ibrahim@infomation.gov.bn
Foto :
Masri Osman

KORAT, Thailand, Isnin, 10 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berangkat ke perlawanan kedua bagi acara '8 ball pool' perseorangan lelaki dalam sukan biliard dan snuker temasya Sukan SEA Ke-24, di Hotel Sima Thani, Korat di sini.

Perlawanan dalam sembilan permainan bagi menentukan tempat peringkat suku akhir ini sungguh dramatik dan mendedarkan. Namun setelah perlawanan berlangsung dalam masa 2 jam 25 minit akhirnya dimenangi oleh tuan rumah Thailand, Dachawat Poomjang dengan kedudukan 8 - 9.

Akan tetapi kemenangan atlet tuan rumah itu dibantu oleh kemenangan 'percuma' apabila Duli

Yang Teramat Mulia memberikan kemenangan dua kali dalam perlawanan racks ke-9 dan racks ke-11.

DYTM sebenarnya boleh memenangi perlawanan itu pada racks ke-14.

Dalam perlawanan untuk mara ke peringkat suku akhir itu, DYTM sejak dari awal permainan hingga racks ke-17 menunjukkan satu corak permainan yang bermutu dan penuh cemerlang.

Walaupun di awal permainan, peserta tuan rumah di depan, namun DYTM menyamakan kedudukan di racks ke-2 dan seterusnya mendahului 2 - 1 dalam racks ke-3.

Peserta tuan rumah sekali lagi depan pada perlawanan Keempat dengan kedudukan 3 - 1 di racks ke-4, namun DYTM berjaya merapatkan kedudukan 2 - 3.

Pada perlawanan memasuki racks ke-6, 7 dan 8, Dachawat mendahului dengan 5 - 3.

Bermula pada perlawanan ke-9, DYTM meningkatkan mutu permainan dengan bermain lebih cemerlang serta penuh berhati-hati dan akhirnya pada racks ke-11, DYTM memimpin perlawanan dengan mendahului 6 - 5.

Kemenangan sudah jelas terbayang bagi DYTM terus mendahului perlawanan dengan 7 - 5, walau bagaimanapun, disebabkan bola 8 masuk ke poket yang lain bukan tempat yang dituju, kemenangan diberikan kepada peserta tuan rumah di racks ke-11.

Perlawanan terus bertambah rancak, penuh sengit dan cukup mendedarkan di mana perlawanan di meja berlain dalam kategori yang sama sudah tamat lebih awal.

DYTM dan peserta tuan rumah sering kejar-mengejar di antara satu sama lain dengan kedudukan 6 - 6, 7 - 6, 7 - 7, 8 - 7 dan 8 - 8.

Di frame ke-17 bagi

menentukan pemenang, DYTM terlepas peluang keemasan untuk memenangi perlawanan, sebaliknya peserta tuan rumah bernasib baik dengan menamatkan perlawanan dengan 9 - 8.

Berangkat mengiringi DYTM dan seterusnya menyaksikan perlawanan ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Juga menyaksikan perlawanan, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Thailand, Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Paduka Awang Haji Sharifuddin bin Pengiran Haji Yusof dan Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal, Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan SEA Ke-24 dan Pegawai Urusetia Negara Brunei Darussalam serta para atlet yang turut memberikan sokongan padu.

Dalam satu lagi perlawanan '8 ball pool' perseorangan lelaki, permainan juga penuh dramatik dan sengit.

Peserta negara, Muhammad Johnny Aqil Abd Tan kurang bernasib baik apabila tewas kepada peserta Republik Singapura, Toh Lian Han dengan kedudukan 8 - 9.

Perlawanan racks ke-14 terpaksa diberhentikan setelah bertarung lebih dua jam. Kedudukan pada ketika itu, Singapura di depan dengan 7 - 6 di perlawanan ke-13.

Sebelum itu, peserta negara dan dari kota Singapura itu sering kejar-mengejar di antara satu dengan yang lain dengan kedudukan 0 - 1, 1 - 1, 1 - 2, 2 - 2, 2 - 3, 2 - 4, 3 - 4, 4 - 4, 4 - 5, 4 - 6, 5 - 6 dan 5 - 7 pada racks ke-12.

Apabila perlawanan disambung di sebelah petang, Muhammad Johnny juga terlepas peluang untuk memenangi pertandingan. Beliau kalah tipis 8 - 9 kepada peserta Singapura dalam racks ke-17.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan berangkat menyertai perlawanan '9 ball pool' perseorangan lelaki dalam sukan biliard (kiri). Sementara gambar atas, DYTM bersalaman bersama peserta Republik Filipina, Cortez Lee Vann dalam perlawanan tersebut.

Sertai perlawanan '9 ball pool' perseorangan lelaki

KORAT, Thailand, Rabu, 12 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berangkat ke perlawanan bagi acara '9 ball pool' perseorangan lelaki dalam temasya Sukan SEA Ke-24, di Hotel Sima Thani, Korat di sini.

Berangkat sama menyaksikan perlawanan itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahman dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Dalam perlawanan peringkat suku akhir sejumlah 11 racks itu, Duli Yang Teramat Mulia bertemu pemain dari Republik Filipina, Cortez Lee Vann.

Perlawanan yang juga menentukan tempat ke separuh akhir itu dimenangi oleh Filipina dengan keputusan 11 - 8.

Di awal permainan racks pertama hingga ke-12, DYTM ketinggalan 3 - 9.

Tetapi bermula pada racks ke-13, selepas berehat, DYTM bermain lebih cemerlang dengan memenangi perlawanan secara lima

kali berturut-turut untuk merapatkan kedudukan 8 - 9 pada racks ke-17.

Namun di perlawanan selanjutnya, peserta Filipina itu bernasib baik dengan memenangi racks ke-18 10 - 8 dan menamatkan perlawanan pada perlawanan ke-19 dengan kedudukan muktamad 11 - 8.

Dalam satu lagi perlawanan bagi merebut peringkat suku akhir, peserta negara, Ahmad Taufiq Mohd. Murni tewas kepada peserta Republik Singapura, Toh Lian Han dengan kedudukan 11 - 9.

Perlawanan Ahmad Taufiq dan peserta Singapura itu berlangsung selama 4 jam 10 minit. Dalam satu pertarungan yang cukup hebat dan mendedarkan sebelum peserta negara tewas tipis.

Dua lagi pemain snuker negara, Muhammad Johnny Aqil Abd Tan akan menentang pemain Singapura, Toh Lian Han dalam '8 ball pool' perseorangan lelaki di peringkat pra suku akhir dan Ahmad Taufiq Mohd. Murni pula bertemu pemain Singapura, Toh Lian Han juga dalam peringkat pra suku akhir.



BERANGKAT menyaksikan perlawanan perseorangan lelaki dalam sukan biliard ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi

PENDIDIKAN



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Norjum binti Haji Yusop bergambar ramai bersama para peserta Simposium Pertubuhan Islam Bagi Pendidikan Saintifik dan Kebudayaan (ISESCO) Mengenai Pembinaan Asas Pengetahuan Saintifik Bagi Orang Awam yang dianjurkan oleh Universiti Brunei Darussalam. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

Pengetahuan sains sangat diyakini di zaman moden ini

Oleh : Norlia Md. Zain

TUNGKU LINK, Selasa, 4 Disember. - Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Norjum binti Haji Yusop berkata pengetahuan sains tidak syak lagi adalah pengetahuan yang sangat diyakini di zaman moden ini.

Katanya, 'scholars' dan pembuat dasar sememangnya menghadapi cabaran bagaimana untuk menyampaikan maklumat kepada orang awam terhadap perubahan dan peningkatan pengetahuan sains.

"Pihak kerajaan sangat berperanan dalam mengagihkan pengetahuan sains. Jika tidak masyarakat tidak akan mengetahuinya," jelasnya di Majlis Perasmian Simposium Pertubuhan Islam Bagi Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan (ISESCO) Mengenai Pembinaan Asas Pengetahuan Saintifik Bagi Orang Awam di bilik Senat Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Menurutnya, sains juga merubah gaya ekonomi global melalui perdagangan bio di mana perdagangan tersebut telah memberikan pulangan ekonomi pada negara-negara membangun.

Perniagaan bio berasaskan biologi dan sains kehidupan ujan, dijangka menyumbang 50 peratus atau lebih kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di mana sesetengah negara menjangka lebih 25 peratus KDNK (AS\$9 juta) dan mengambil pekerja tidak kurang 40 peratus daripada sumber tenaga kerja global seperti yang di petik daripada Shahi 2004.

Pada masa ini, jelas Dayang Hajah Norjum, para peniaga yang bukan terdiri daripada saintis telah mempelajari pengetahuan asas sains terutama 'genetics' sekiranya mereka ingin bergiat dalam perniagaan tersebut.

Selain itu, Dayang Hajah Norjum juga menjelaskan bahawa Negara Brunei Darussalam sangat komited kepada sains dan teknologi dan ini boleh dilihat terhadap penyertaan kepada beberapa badan seperti ASEAN - COST (ASEAN - Committee on Science and Technology), APEC - ISTWG (APEC - Industrial Science and Technology Working Group), UNESCO (United Nations Educational, Scientific and Cultural Organizations) dan juga ISESCO (Islamic, Educational, Scientific and Cultural Organization).

Beliau seterusnya mengongsikan inisiatif Kementerian Pendidikan dalam mempromosi pengetahuan sains kepada orang awam di

Negara Brunei Darussalam.

Antara inisiatif tersebut ialah penubuhan Science, Technology and Environment Partnership (STEP) pada tahun 1999 walaupun aktiviti-nya tertumpu kepada murid-murid sekolah tetapi ia juga menarik minat orang awam.

Selain itu promosi sains dan teknologi kepada orang awam juga telah dilaksanakan oleh Fakulti Sains UBD pada empat tahun yang lalu melalui 'Minggu Sains dan Teknologi' dan tindak balas orang ramai juga menggalakkan.

Di samping itu, Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota (The Crown Prince CIPTA Award) diungayahkan oleh Institut Teknologi Brunei untuk menyedek teknologi baru dan invensi berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang turut menarik minat orang ramai.

Selain sektor kerajaan, organisasi bukan kerajaan juga turut menyumbang kepada pengetahuan sains dengan mengadakan kegiatan dalam bidang sains yang baru seperti 'bioinformatics' dan pameran kaedah baru teknologi seperti Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) yang aktif dalam hal seumpama ini.

Selain itu menurut beliau, Brunei Association of Science Education (BASE), Brunei Biology Association, Brunei Astronomy Association juga

antara yang memainkan peranan dalam mempromosi sains kepada orang ramai melalui aktiviti yang dilaksanakan.

Objektif simposium tersebut adalah untuk menggalakkan pelbagai agen yang terlibat meningkatkan pengetahuan sains kepada masyarakat agar memainkan peranan efektif dalam meningkatkan minat umum mengenai perkembangan saintifik.

Ia juga bertujuan bagi meningkatkan keinginan untuk mengetahui bidang sains melalui aktiviti-aktiviti saintifik seperti pameran, sains, muzium dan sebagainya.

Selain itu, ia juga untuk meningkatkan kefahaman terhadap konsep saintifik di kalangan orang awam melalui penyediaan dan penerbitan bahan mengenai konsep saintifik yang baru dan penting dalam bentuk buku-buku yang diperluaskan. Di samping itu, ia juga adalah untuk memberikan akses kepada maklumat yang diperluaskan melalui pelaksanaan program akses bebas yang dianjurkan bersama perkhidmatan internet saintifik antarabangsa dan untuk meningkatkan keinginan bagi mengetahui tentang sains dan teknologi melalui sokongan terhadap aktiviti-aktiviti dalam kelab-kelab saintifik dan internet.

Simposium tiga hari ini merupakan antara program serantau ISESCO di negara-

negara ahli di rantau ini.

Negara Brunei Darussalam telah diberikan penghormatan menjadi tuan rumah simposium pada kali ini yang dianjurkan bersama oleh UBD, Kementerian Pendidikan dan ISESCO.

Para peserta simposium terdiri dari pelbagai profesion termasuk dari kalangan pengawal dasar, pegawai saintifik, ahli akademik dan pihak-pihak pertubuhan bukan kerajaan.

Selain daripada peserta dari dalam negara, simposium ini juga dihadiri oleh wakil-wakil dari negara ahli ISESCO seperti Bangladesh, Iran, Kyrgyzstan, Malaysia, Maldives dan Pakistan.

Antara perkara yang dijangka dapat dicapai melalui simposium ini termasuklah kemampuan untuk menggariskan matlamat dan indikator bersesuaian bagi menilai kemajuan ke arah mencapai 'matlamat popularisasi sains' (SPG) dan untuk membincangkan ancaman dan halangan yang menghadang pencapaian SPG dalam konteks khusus negara.

Di samping itu, simposium ini juga dijangka akan dapat mengenal pasti pemain utama serta peranan mereka dalam mencapai SPG dalam iklim negara masing-masing dan untuk memberi sintesis kepada perbincangan dengan memperkembangkan pelan induk awal untuk mencapai SPG dalam suasana unik setiap negara.

Kecemerlangan murid tergantung kepada kualiti pengurusan guru dan ibu bapa

Oleh : Norlia Md. Zain

TUTONG, Jumaat, 23 November. - Kecemerlangan dan keunggulan sesebuah institusi pendidikan bergantung kepada keberkesanan pengurusan dan keadaan fizikal sekolah, kualiti dan sikap guru yang mengajar, kerjasama serta sokongan ibu bapa atau penjaga kepada murid-murid.

Apa pun keadaannya, faktor-faktor yang dimaksudkan itu sentiasa memerlukan dan bergantung antara satu sama lain sebagai kekuatan kepada institusi pendidikan dan mekanisme bagi memudahkan sesebuah sekolah berfungsi dengan baik dalam mencapai kecemerlangan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Jamain bin Momin di Majlis Konvokesyen dan Pesta Pendidikan 2007 Sekolah Nusa Jaya Tutong di Dewan Kemasyarakatan Tutong, di sini.

Awang Haji Jamain seterusnya berkata, sebab itulah perlu diwujudkan persatuan

guru-guru dan ibu bapa atau 'parents teachers association', di mana guru-guru dan para penjaga dapat bertukar-tukar fikiran mengenai pelbagai perkara.

Percambahan pemikiran dan pertukaran maklumat itu jelas beliau dapat dijadikan sebagai panduan kepada pihak sekolah untuk memahami latar belakang murid-murid, mencorak cara pengajaran berkesan mengikut peringkat pendidikan ataupun peringkat umur kanak-kanak yang dibimbing atau diajar itu.

Beliau seterusnya berkata, kewujudan sekolah-sekolah bukan kerajaan dalam pelbagai peringkat di negara ini seperti Sekolah Tunas Jaya, Penanjong itu merupakan simbol kesedaran dan komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh kaum bumiputera terhadap perkembangan pendidikan di negara ini.

Tertubuhnya sekolah ini

sejak beroperasi 12 tahun yang lalu ujanya, turut menyumbang kepada aktiviti perekonomian bagi Daerah Tutong kerana dapat membuka peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan, khususnya penduduk di Daerah Tutong ini.

Beliau seterusnya menyatakan walaupun ada kalangan tenaga pengajar yang diambil berkhidmat di sekolah ini tidak mempunyai sijil perguruan yang khusus, beliau percaya komitmen yang tinggi yang mereka tunjukkan adalah kualiti yang penting dan asas kepada kecemerlangan.

Dalam hubungan ini, beliau berseru supaya guru-guru akan terus meningkatkan tahap pendidikan masing-masing bagi merebut peluang yang disediakan di negara ini untuk meningkatkan kelulusan masing-masing terutama dalam jurusan perguruan.

Terdahulu Pengetua Sekolah Nusa Jaya selaku Pengerusi majlis Sharifah Hajah Noor binti Haji Syed Ibrahim dalam ucapan alu-aluannya berkata, Sekolah Nusa Jaya telah mendapat seratus peratus lulus bagi kali yang keempat.

Beliau menambah seramai 17 orang murid memperoleh 5A dalam semua mata pelajaran dan 17 orang murid mendapat 4A, manakala Sekolah Nusa Laila Puteri di Bandar Seri Begawan telah mendapat 98 peratus.

Seramai 73 graduan kecil dari Kindergarten Tiga menerima sijil masing-masing, sementara 24 orang penerima hadiah murid cemerlang kelas Kindergarten Dua dan Tiga.

Majlis konvokesyen tersebut turut diserikan dengan persembahan daripada murid-murid sekolah tersebut.



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Jamain bin Momin menyampaikan sijil kepada seorang murid di Pesta Pendidikan 2007 Sekolah Nusa Jaya, Tutong. Majlis berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Tutong. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Kegagalan mata pelajaran Sains masih tinggi

Oleh : Ak. Jeffery Pg. Durahman
jeffery.durahman@information.gov.bn

GADONG, Sabtu, 1 Disember.

- Dari penyelidikan yang telah dibuat mendapati pencapaian keseluruhan pelajar bagi mata pelajaran Sains di sekolah-sekolah kerajaan masih belum memuaskan kerana kadar pelajar yang gagal masih tinggi.

Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan amat mengambil berat mengenainya kerana negara kita masih memerlukan sumber tenaga yang berkemahiran dalam bidang sains dan teknologi.

Perkara ini ditekankan oleh Pemangku Ketua, Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP), Kementerian Pendidikan, Awang Haji Metali bin Haji Miras di Majlis Pembukaan Rasmi Perkhemahan Sains 2007 bagi Program Peningkatan Pencapaian Sains (PPPS) selama tiga hari bermula pada hari ini

hingga 3 Disember yang berlangsung di kawasan Perkhemahan Pengakap, Beribi di sini.

Beliau menjelaskan, bagi menangani masalah pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sains, Bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah, Geografi, Kementerian Pendidikan telah menubuhkan Jawatankuasa 'Task Force' yang berperanan membuat penyelidikan mengenai punca-punca kelemahan pelajar dalam mata pelajaran tersebut.

"Didapati juga bilangan pelajar yang mengikuti aliran sains di Menengah Atas juga berkurangan di mana ada beberapa faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku iaitu salah satu daripadanya ialah didapati pelajar yang mempunyai sikap atau 'attitude'

yang positif terhadap mata pelajaran Sains akan mendapat pencapaian yang baik dalam peperiksaan awam dan sebaliknya," jelasnya.

Perkhemahan Sains 2007 memfokuskan kepada aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan sains, di samping itu terdapat juga aktiviti yang berkaitan dengan kerjasama (teamwork) motivasi dan kepimpinan (leadership).

Beliau berharap melalui perkhemahan ini akan dapat memberikan kesan positif kepada para pelajar di mana banyak pengalaman baru boleh diperolehi dan digunakan bagi meningkatkan prestasi akademik para pelajar.

Seramai 120 peserta menyertai Program Peningkatan Pencapaian Sains yang melibatkan 40 orang terdiri dari-

pada setiap sekolah iaitu Sekolah Menengah Awang Senaun (SMAS), Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab (SMSUAK) dan Sekolah Menengah Masin (SMM).

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini antaranya 'Challenge Activities' yang dibantu oleh Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Discovery Science, Malam Kebudayaan (Cultural Night).

Program Peningkatan Pencapaian Sains dikendalikan oleh SMAS dan dianjurkan bersama oleh Pusat STEP, Kementerian Pendidikan.

Program Peningkatan Pencapaian Sains adalah satu program yang dianjurkan oleh Pusat STEP, Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan tahap pencapaian sains di kalangan pelajar Menengah

Bawah dan meningkatkan jumlah peratus pelajar yang mengambil alir sains di peringkat Menengah Atas.

Antara objektif program ini, ialah untuk membantu pihak sekolah merancang program yang bersesuaian dan menjurus kepada tujuan, membantu pihak sekolah untuk membuat perhubungan dengan pihak-pihak lain yang boleh membantu pengajaran dan pembelajaran, di samping meningkatkan minat pelajar terhadap bidang sains serta bidang berkaitan dan juga meningkatkan kesedaran tentang pentingnya bidang sains untuk kehidupan. Menambah ilmu pengetahuan supaya akan lebih memahami apa yang dipelajari, memberi motivasi kepada pelajar yang mempunyai rekod pencapaian kurang memuaskan atau bermasalah serta mendedahkan kaedah-kaedah pembelajaran yang efektif kepada pelajar.

Di samping itu, bagi guru pula ianya membantu dalam mengenal pasti kaedah-kaedah yang efektif untuk meningkatkan minat pelajar terhadap sains, menambah pengetahuan dan mendedahkan guru-guru kepada pelbagai cara kaedah pengajaran yang boleh dipraktikkan dan juga menambah pengetahuan berkaitan dengan isi kandungan kurikulum yang dipilih.

Antara sekolah-sekolah yang terlibat di dalam program tersebut ialah SMAS yang mengendalikan Perkhemahan Sains, SMSUAK mengendalikan Kuiz Sains dan SMS yang mengendalikan bengkel untuk guru-guru sains.

Bagi setiap projek yang dirancang, sebuah sekolah akan dipilih untuk menjadi tuan rumah (champion) dan bagi setiap sekolah, projek-projek yang dikendalikan adalah mengikut konsep tertentu.

Sukan Asia Tenggara (SEA) Ke-24 di Korat, Thailand



Liputan :
Jaafar Ibrahim
jaafar.ibrahim@in-
formation.gov.bn
Abu Bakar Haji
Abdul Rahman
bakar.rahman@in-
formation.gov.bn
Foto :
Masri Osman,
Abu Bakar Haji
Abdul Rahman

KORAT, THAILAND, Sabtu, 15 Disember. - Republik Rakyat Laos akan menjadi gelanggang Sukan Asia Tenggara Ke-25 apabila menjadi tuan rumah pada 2009 nanti.

Negara yang menyertai Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) pada tahun 1995 buat pertama kalinya mengendalikan temasya dwitahunan itu. Sukan SEA yang diasaskan pada 1959 dengan dikenali sebagai Sukan SEAP, diilhamkan oleh Luang Sukhumnaipradit, bekas Naib Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Thailand.

Temasya 2009 yang belum lagi ditentukan tarikhnya itu akan berlangsung di tiga venue utama iaitu Vientiane, ibu negara Laos, Luangprabang (Utara) dan Champasak (Selatan).

Dalam phampletnya bertajuk '25th Sea Games, Laos Vientiane 2009', yang diedarkan di Pusat Media di sini, rakyat re-

publik berkenaan mengalu-alukan kedatangan para atlet dari negara Asia Tenggara untuk berkhimpun di kotanya, Vientiane dalam masa dua tahun akan datang.

Maskot Sukan SEA 2009 ialah gajah kembang, Champa dan Champi - sesuai dengan sejarah negara itu yang digelar 'tanah sejuta gajah'.

Logonya pula mengimbas 'Pha Tat Luang', simbol kebangsaan dan kebanggaan negara tersebut yang menyamai refleksi harmoni Sungai Mekong yang bukan sahaja menjadi nadi

LAOS TUAN RUMAH SUKAN SEA KE-25, 2009

kehidupan tetapi juga menjadi kawasan persahabatan ASEAN.

Sementara itu, menurut sumber Jawatankuasa Penganjur Sukan SEA Laos, mereka akan menghadkan sehingga 24 jenis sukan berbanding dengan di Korat 43 cabang sukan.

Upacara Penyerahan Bendera Sukan SEA telah diadakan sempena Upacara Penutup Sukan SEA Ke-24 di Stadium Utama Perayaan Ke-80 Tahun Raja Thailand di sini.

Upacara penutup Sukan SEA Korat seperti juga

upacara pembukaan pada 6 Disember berlangsung penuh warna-warni dan gilang-gemilang dengan percikan bunga api menerangi ruang angkasa stadium baru dibina itu.

Dalam edisi ke-24 ini, secara tradisinya, tuan rumah, Thailand seperti yang diramalkan lebih awal telah muncul sebagai juara. Ternyata kehebatan negara itu yang mendapat jolakan

negara 'Gajah Putih' telah mendominasi hampir kesemua acara yang dipertandingkan dengan mengutip 183 pingat emas, 123 perak dan 103 gangsa untuk muncul juara keseluruhan.

Sementara Malaysia menduduki tempat kedua dengan 68 emas, 52 perak dan 96 gangsa yang jauh tertinggal kepada juara. Republik Viet Nam dengan 64 pungen emas, 58

perak dan 82 gangsa di tangga ketiga.

Negara Brunei Darussalam di sukan kali ini hanya berjaya membawa pulang satu pingat emas menerusi acara boling padang, satu perak melalui acara pencak silat dan empat gangsa masing-masing di kutip menerusi acara olahraga, karatedo, lawan padang dan boling padang.



TIMBALAN Perdana Menteri Laos menerima bendera rasmi Sukan SEA yang akan menjadi tuan rumah pada edisi ke-25, 2009.

ATLET karatedo negara semasa bertarung dengan peserta Laos.

Harapan raih gangsa kumite berpasukan lelaki berkecai

KORAT, Thailand, Jumaat, 14 Disember. - Harapan negara untuk meraih pingat gangsa bagi karatedo Sukan SEA Ke-24 dalam acara Kumite Berpasukan Lelaki berkecai apabila tewas kepada Republik Filipina di Dewan Kebkajana, Institut Teknologi Chanapolkhan.

Dalam penentuan rebut pingat gangsa wira-wira kita tewas kepada Filipina dengan kedudukan 0 - 3.

Pada peringkat suku akhir skuad negara menang bergaya menumbangkan Republik Rakyat Laos 3 - 1 untuk memasuki peringkat separuh akhir.

Namun dalam penentuan ke final acara berkenaan skuad kita tewas kepada Viet Nam dengan kiraan 0 - 3.

Perebutan pingat gangsa antara pasukan kita dengan Filipina penuh aksi menarik dan agresif.

Dalam perlawanan pertama, atlet negara, Mohd. Fidaif Sanif sepatutnya boleh memenangi pertandingan tersebut setelah mendahului 4 - 1 untuk di depan 1 - 0, tetapi atlet lawan menunjukkan persembahan yang mantap dengan mengikat kedudukan 4 - 4.

Dengan baki perlawanan di bawah 30 saat, peserta Filipina bernasib baik memungut satu mata untuk mendahului 5 - 4.

Peserta negara cuba bangkit untuk membawa perlawanan ke masa 'sudden death', namun disebabkan masa agak terbatas akhirnya persaingan dimenangi oleh Filipina.

Perlawanan Mohammad Fazil Rewandie Mohd. Yusof yang turun sebagai atlet kedua bertemu dengan peserta Filipina

berlangsung penuh agresif masing-masing kejar-mengejar mata di antara satu dengan lain dengan menerima tepukan gemuruh penonton yang menyaksikan perlawanan itu.

Peserta Filipina sentiasa di depan. Mohammad Fazil Rewandie tidak berputus asa sering melakukan serangan ke badan lawan dengan tumbukan dan tendangan yang kencang dan padu. Akan tetapi akhirnya peserta negara tewas tipis dengan kedudukan 9 - 10.

Haji Eddie Jofriani Haji Johari, pemenang pingat perak Sukan SEA di Manila cuba bertarung bermati-matian bagi memenangi perlawanan untuk menghidupkan peluang bersaing.

Tetapi ketangkasan, peserta ketiga Filipina mematahkan segala serangan yang dilakukan oleh Haji Eddie Jofriani. Akhirnya beliau tumpas dengan kiraan 1 - 3 kepada atlet Filipina untuk mengesahkan pingat gangsa milik mereka.

Skuad yang dibarisi Mohd. Fidaif Sanif, Mohammad Fazil Rewandie, Haji Eddie Jofriani, Mohammad Fadilah dan Moza Syaffiarizal merasa sugul dan menitikkan air mata selepas berakhirnya pertandingan tersebut.

Terdahulu sebelum itu, pada perlawanan 13 Disember, atlet kita juga terlepas peluang untuk memenangi empat pingat gangsa dalam acara kumite lelaki dan kumite wanita.

Mohammad Fadilah Sanif yang bertarung dengan kelas di bawah 60 kilogram lelaki gagal memenangi pingat gangsa setelah bertarung dalam 'repechage' dengan peserta

Thailand, Saratham Hiranthaphol dengan kiraan 2 - 0.

Sementara Mohd. Sofian Abdullah dalam penentuan pingat gangsa bagi acara kumite kelas 70 kg ke atas pula tewas kepada peserta Viet Nam, Pham Quang duy 1 - 3.

Seorang lagi peserta negara yang turun bagi merebut pingat gangsa juga gagal merealisasikannya. Mohd. Fidaif Sanif tumpas kepada seorang lagi peserta Viet Nam, Vu Minh ngoc dalam kategori kumite terbuka lelaki dengan kiraan 0 - 8.

Peserta wanita kita, Siti Nursabrina Hayatul Azheemah Abdullah pula gagal meraih gangsa dalam acara kumite 60 kg ke atas. Beliau

ditewaskan oleh Cherli Tug duy dari Filipina 0 - 8.

Sebelum itu dua peserta kita Mohammad Fazil Rewandie Mohd. Faizal tewas dalam peringkat suku akhir kelas di bawah 75 kg lelaki kepada peserta Republik Rakyat Laos, Soukphansa Inthavongsa dengan kiraan mata 0 - 8.

Manakala Moza Syaffiarizal Haji Mohammad kalah dengan kedudukan 3 - 4 kepada peserta Myanmar, Thein htike aung dalam peringkat suku akhir acara kelas kumite di bawah 70 kg.

Dengan kedudukan itu, pasukan lelaki karatedo negara gagal meraih sebarang pingat dalam kejohanan dwitahunan itu.

Pengadilan buruk punca kekalahan atlet karatedo



MASDIANA Haji Tengah ketika melakukan aksi di dalam acara individu Kata Wanita.

KORAT, Thailand, Jumaat, 14 Disember. - Pasukan karatedo kontinjen Negara Brunei Darussalam hanya berjaya mengutip satu pingat gangsa menerusi acara wanita 48 kilogram ke bawah melalui Masdiana Haji Tengah.

Pasukan karatedo yang merupakan salah satu pasukan yang sering menyumbang pingat di kejohanan ini namun kali ini ianya agak malap setelah menyertai beberapa acara seperti kumite lelaki dan wanita, Kata perseorangan mahupun kata berpasukan.

Meninjau dengan pencapaian tersebut pengurus pasukan berkenaan Haji Syed Mohammed Haji Syed Othman menerangkan bahawa atlet yang dibawa ke Sukan SEA kali ini merupakan atlet yang terbaik.

Malah beliau merasa bangga bahawa tahap anak buahnya itu mempunyai tahap yang baik di samping mempunyai

semangat juang yang tinggi.

Namun beliau agak kesal dengan sumbangan yang mereka berikan untuk negara pada kejohanan kali ini akan tetapi beliau tidak menyalahkan anak buahnya malah memuji ketekampilan mereka bersaing.

Salah satu sebab kenapa pasukan karatedo negara kurang menyumbang pingat kali ini beliau menjelaskan bahawa ia berpunca dari cara penghakiman yang kurang adil.

Katanya, bermula hari pertama mereka telah merasakan ada sesuatu yang tidak betul malah perkara ini seolah-olah telah diutar.

"Saya sendiri sebagai seorang pengadil nampak cara mereka membuat keputusan malah pada pagi tadi salah seorang pengadil telah berlaku tidak sopan terhadap salah seorang atlet kita yang secara langsung mengganggu peragaan dan menurunkan semangat

ngat serta sekali gus menyebabkan beliau kalah di perlawanan seterusnya," terang beliau.

"Sepatutnya pengadil tersebut bertutur dengan cara baik agar tidak mengganggu konsentrasi pemain," jelas beliau.

"Kali ini benar-benar nampak ada sesuatu yang tidak betul dan pada kali ini juga ada beberapa kelompok pengadil yang bersekongkol membuat keputusan," jelasnya dengan nada kesal.

Beliau yang merupakan salah seorang ahli kepada Majlis Eksekutif Persekutuan Karatedo Asia (AKF) selama 12 tahun akan membawa hal ini ke dalam mesyuarat AKF akan datang dan jika perkara ini tidak diambil peduli kemungkinan Brunei tidak akan lagi ikut serta dalam karatedo.

Dengan nada kesal beliau berkata kemerosotan pencapaian pingat disebabkan tahap pengadilan yang buruk.

Sukan Asia Tenggara (SEA) Ke-24 di Korat, Thailand



UPACARA Penutupan Rasmi Sukan SEA Ke-24 turut dihadiri sama oleh Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Thailand.



BENDERA negara-negara yang menyertai Sukan Asia Tenggara (SEA) Ke-24 di Korat, Thailand diarak masuk ke padang. (atas)

ATLET Negara Brunei Darussalam bersama-sama atlet dari negara-negara ASEAN yang lain berbaris gembira masuk di Upacara Penutupan Rasmi Sukan SEA Ke-24. (kanan)



SEBAHAGIAN dari persembahan kebudayaan yang menarik perhatian di Upacara Penutup Rasmi Sukan SEA Ke-24.

TUAN RUMAH MUNCUL JUARA

Kontinjen negara bawa pulang satu emas, satu perak dan empat gangsa

KORAT, Thailand, Sabtu, 15 Disember. - Bendera rasmi Sukan Asia Tenggara (SEA) Ke-24 dengan rasmi diturunkan bagi menandakan persaingan sukan berprestij dwitahunan negara-negara ASEAN itu telah berakhir.

Upacara penutup rasmi temasya yang berlangsung di Stadium Utama, sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Raja Thailand Ke-80 itu cukup meriah dan bermakna kepada tuan rumah yang telah berjaya menganjurkan edisi ke-24 dengan jayanya, manakala semua negara-negara ASEAN yang lain turut gembira dengan memahat sejarah kegemilangan tersendiri dari kejayaan yang dicapai di sini.

Persembahan bunga api yang mewarnai Kota Raya Korat juga dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan dan persembahan bersimbolkan tema kejohanan 'Semangat, Persahabatan dan Perayaan' yang

menghiburkan ribuan penonton tempatan, tetamu khas dan para atlet.

Semua bercampur dalam satu barisan dengan tidak mengira negara bergandingan bersama-sama berbaris dengan megah berarak masuk ke stadium sekali gus menjadi bukti bahawa kejohanan itu juga dihasratkan bagi memupuk persahabatan dan mengukuhkan persefahaman atlet serantau.

Selepas bendera rasmi Sukan SEA Ke-24 diturunkan, tuan rumah, Thailand menyerahkan bendera rasmi kejohanan itu kepada negara Laos yang akan menjadi tuan rumah Sukan SEA Ke-25.

Obor sukan yang menyala sepanjang sepuluh hari berlangsung di Wilayah Selatan Thailand dipadamkan sekali gus mengharukan semua atlet yang telah mencipta 1001 kenangan suka duka sepanjang bersaing, namun persembahan bertema 'kegembi-

raan dan kemakmuran' kembali menceriaikan upacara penutupan rasmi.

Kegembiraan itu juga pastinya lebih dirasakan oleh jutaan rakyat Thailand yang menyaksikan atlet mereka berjaya mengungguli tempat pertama Kejohanan Sukan SEA Ke-24 dengan memperolehi kutipan 409 pingat menerusi 183 pingat emas, 123 perak dan mengumpul sebanyak 103 gangsa sekali gus merupakan satu pencapaian terbaik kontinjen negara 'Gajah Putih' itu pada sukan berkenaan.

Malaysia juga lega menjadi naib juara sekalipun cuma memperolehi 68 pingat emas, 52 perak dan 96 gangsa, sementara Viet Nam di tempat ketiga dengan kutipan 202 pingat keseluruhannya.

Sementara itu, kontinjen Negara Brunei Darussalam juga perlu mendapat pujian selepas memberi saingan sengit dalam semua sukan yang disertai

sekali pun cuma membawa pulang satu pingat emas, satu perak dan empat gangsa.

Pingat emas telah disumbangkan oleh Haji Naim Ibrahim menerusi acara Boling Padang Perseorangan Lelaki dan Norleyermah Haji Raya menyumbangkan pingat perak menerusi acara Pencak Silat Tunggal Puteri.

Mohd. Yazid Yatimi mencipta sejarah dalam olahraga apabila membawa pulang pingat gangsa menerusi acara lempar cakera dan Pasukan Lawan Pedang juga mencipta kemenangan yang paling manis sekalipun hanya menyumbangkan pingat gangsa dalam acara Sabre Berpasukan Lelaki, sementara Masdiana Haji Tengah pula berjaya mengumpul pingat gangsa dalam acara Karatedo Kumite 48kg.

Perdana Menteri Thailand, Jeneral (B) Surayud Chulanont dalam ucapan penutupnya menjelaskan Sukan SEA telah memainkan peranan penting dalam mempromosikan hubungan dan kerjasama negara-negara ASEAN.

"Sukan ini juga membantu untuk memajukan kebolehan semua atlet dari semua negara peserta. Saya mewakili Kerajaan Thailand memberikan tahniah kepada semua atlet yang berjaya dan sangat menghargai semua orang yang menyayakan temasya ini," jelasnya.

Perenang tuan rumah, Natthanan Junkrajang dan atlet Filipina, Miguel Molina yang masing-masing menang empat pingat emas dalam acara renang telah diumumkan sebagai atlet terbaik kejohanan dengan menerima trofi dan 330,000 baht (AS\$10,000.00).

Junkrajang yang dipilih wanita cemerlang telah mengumpul pingat emas dalam acara 100m dan 200m gaya bebas serta 4x100m dan 4x200m gaya bebas, manakala Molina pula atlet lelaki yang mengungguli pingat emas acara 200m kuak dada, 200m ramaian perseorangan, 400m ramaian perseorangan dan 4x100m ramaian.

Laos yang bakal menjadi tuan rumah pada kejohanan edisi Sukan SEA Ke-25 turut menyajikan persembahan kebudayaan mereka manakala kedua-dua maskot rasmi Champa dan Champi juga ditonjolkan dengan megahnya.

Mereka juga mengibarkan kesemua bendera negara-negara ASEAN sebagai simbolik bagi mengalu-alukan penyerahan semua pasukan serantau untuk bertemu ke negara Laos pula dua tahun dari sekarang.



24th SEA GAMES
6-15 DECEMBER 2007
NAKHON RATCHASIMA
THAILAND

Liputan :
Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

Foto :
Samle Haji Jait,
Masri Osman,
Abu Bakar
Haji Abdul Rahman

Sukan Asia Tenggara (SEA) Ke-24, di Korat Thailand



PENGIRAN Mohd. Nasir Pengiran Anak Jafar sewaktu melakukan lompatan yang kemas.

Pamer persembahan terbaik walaupun tewas

PATTAYA, Rabu, 12 Disember. - Pengiran Mohd. Nasir Pengiran Anak Jafar berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir dalam acara persembahan melompat berkuda yang diadakan di Horseshoe Point, Bandaraya Pattaya, Wilayah Chonburi di sini.

Sebelum kelayakan ke peringkat akhir ini, Pengiran Mohd. Nasir telah berjaya menempatkan diri

ke kelompok tujuh terbaik di peringkat saringan apabila berada di tangga keenam yang secara langsung melayakkan diri bersaing di peringkat akhir.

Dalam perlawanan akhir ini, atlet negara mempamerkan kualiti permainan yang sangat baik sekaligus memenangi dua kali Sukan SEA berturut-turut yang lalu iaitu Qabil Ambak dengan kudanya Parvina.

Sementara di tempat kedua dimenangi oleh atlet dari Republik Filipina, Diego Lorenzo dengan kudanya KC Discovery dan tempat ketiga dimenangi oleh Akkara Konglapanauy dengan kudanya yang bernama Temidor dari Thailand.

Menurut Pengurus pasukan, Pengiran Haji Mohd. Yakub menjelaskan pada keseluruhannya atlet kita telah mempersembahkan persembahan yang baik, ini kerana jika dilihat dari 12 halangan yang dilalui Pengiran Mohd. Nasir

telah membuat lompatan bersih pada enam lompatan halangan yang pertama.

Namun oleh kerana halangan ketujuh merupakan halangan tertinggi iaitu 1.35 meter menyebabkan kejatuhan palang dan situasi ini menyebabkan lagi berlakunya kejatuhan palang berturut-turut selepas itu.

Jelasnya lagi, atlet negara pada pusingan pertama ini telah berjaya menunggang kudanya yang bernama Saskania dengan mencatatkan masa terpanjang iaitu 88.20 berbanding dengan peserta yang lain.

Menurut beliau lagi pada hari ini ketinggian lompatan telah dinaikkan berbanding dua hari lepas.

Katanya, jika dilihat dengan peserta-peserta lain dari segi keupayaan Pengiran Mohd. Nasir adalah setanding dengan penunggang-penunggang yang lain namun kuda yang ditunggangi oleh peserta yang lain nampaknya lebih baik daripada Saskania.

Jelasnya lagi, dalam pusingan kedua Pengiran

Mohd. Nasir telah menunggang kudanya dengan lebih relaks dari pusingan pertama di mana jika dibandingkan dengan peserta-peserta yang lain tidaklah banyak berbeza.

Nyatanya setelah pusingan kedua Pengiran Mohd. Nasir masih lagi berada di tempat keenam dari tujuh peserta.

Pada keseluruhannya sebanyak 13 penunggang telah ikut serta dalam perlawanan ini di mana pada peringkat awal sebanyak enam orang peserta telah digugurkan menerusi saringan.

Difahamkan pada lompatan ketinggian 1.40 meter di peringkat akhir pusingan kedua ini Pengiran Mohd. Nasir telah berjaya melalui rintangan berkenaan dan ini merupakan kali pertama beliau melakukan lompatan dengan ketinggian seumpama ini.

"Sekalipun tidak berjaya mendapat pingat peserta kuda negara telah memberikan pencapaian yang sangat baik," jelas Pengiran Haji Mohd. Yakub.

Karatedo : Kecundang di peringkat saringan

KORAT, Thailand, Rabu, 12 Disember. - Pasukan karatedo negara menerusi acara kata wanita dan lelaki gagal melangkah lebih jauh apabila kecundang di peringkat saringan yang diadakan di Dewan Kebkhanja, Institut Teknologi Chanapolkhan di sini.

Tenaga dalaman yang merupakan faktor penting dalam permainan ini ternyata masih kurang pada atlet negara kita untuk tampil lebih ghairah bagi mempamerkan persembahan yang lebih bertena-

gaga. Namun kekurangan tenaga dalaman yang menjadi kunci utama tersebut tidaklah begitu jauh berbeza jika dibandingkan dengan pemenang dalam acara ini.

Acara kata individu wanita, negara yang diwakili oleh Masdiana Haji Tengah tidak berpihak kepadanya apabila kelima-lima juri memberikan kemenangan kepada atlet dari Republik Indonesia, Hasanah dengan kiraan 5 - 0.

Begitu juga dalam acara kata lelaki yang diwakili oleh Haji Abdul Malik Md. Zaini juga menerima nasib yang serupa setelah diberikan kiraan 5 - 0 yang berpihak kepada atlet Republik Singapura, Teo Heng Bin.

Jurulatih dalam acara ini Gustaf Linelejen sewaktu ditemui sejouris selesai perlawanan mengatakan bahawa anak didiknya telah mempamerkan persembahan yang baik namun terdapat sedikit kekurangan dari segi tenaga dalaman namun jumlahnya terlalu sedikit jika dibandingkan dengan para pemenang.

"Kedua-duanya, Masdiana dengan Abd. Malik tenaganya sedikit kurang daripada pemenangnya di mana pemenangnya bermain dengan penuh tenaga Abd. Malik sedikit kurang tenaga itu saja," jelas beliau.

Menyentuh tentang kejuaraan di Republik Korea yang pernah mereka menangi tidak lama dulu, beliau menyatakan bahawa di sana hanya Viet Nam saja peserta Sukan SEA yang menyertai namun negara-negara lain banyak membuat latihan pusat yang kekuatan mereka tidak diketahui malah lebih tangguh.

Namun nasib malang ini turut menimpakan kepada pasukan kata lelaki berpasukan setelah kalah kepada Indonesia dengan kiraan 1 - 4.

Agak dikesalkan apabila pasukan kata ini menerima kekalahan kedua dengan kiraan 5 - 0 kepada pasukan tuan rumah yang pernah dikalahkan di Kejohanan Persekutuan Karatedo Asia di Malaysia

Gagal menyaingi kehebatan lawan

CHONBURI, Thailand, Khamis, 13 Disember. - Pasukan lumba perahu tradisi negara sekali lagi kurang bernasib baik untuk melayakkan diri ke peringkat akhir dalam acara 500 meter sepuluh pekayuh apabila terkandas di peringkat awal setelah mencatatkan masa 2 minit 05.09 saat.

Pasukan negara yang dikumpulkan bersama pasukan Republik Filipina, Thailand dan Republik Demokratik Rakyat Lao tidak mampu menyaingi kehebatan pekayuh Filipina yang mencatatkan masa terpanjang 1 minit 52.70 saat.

Pasukan negara yang diberikan kesempatan untuk kali kedua (repechage) dikumpulkan bersama pasukan Kemboja,

tidak lama dulu juga dengan kiraan 5 - 0.

Semasa perlawanan ini, persembahan atlet negara jauh lebih baik jika dibandingkan dengan atlet tuan rumah, di samping perubahan jadual perlawanan yang sepatutnya didahului oleh tuan rumah namun sebaliknya.



TENDANGAN tepat yang dilakukan oleh seorang atlet negara sewaktu menentang atlet dari Laos.

Malaysia dan Laos untuk mencari dua pasukan teratas bagi mengiringi ke peringkat akhir.

Namun pada peluang itu juga mereka sekali lagi kurang memanfaatkan kesempatan malah masih lagi menduduki di tempat terakhir dengan catatan masa 2 minit 05.08 berbanding Kemboja yang menguasai perlumbaan dalam kumpulan ini dengan mencatat masa 1 minit 59.190 saat.

Pada hari kelmarin dikhabarkan bahawa dua pekayuh negara telah dimasukkan ke hospital atas sebab kesihatan dan apakah kerana itu sedikit sebanyak telah mempengaruhi mental pekayuh-pekayuh lain.



Berita dan Foto :
Abu Bakar Haji
Abdul Rahman
bakar.rahman@
information.gov.bn

Dua pelumba negara gagal teruskan perlumbaan

KORAT, Thailand, Khamis, 13 Disember. - Dua pelumba basikal negara bagi acara jarak jauh 160.30 kilometer gagal meneruskan perlumbaan hingga ke penamat di Sukan SEA Ke-24 Korat, Thailand.

Pasukan negara yang menurunkan tiga orang pelumba hanya Md. Arbe Hidayatullah sahaja yang berjaya menamatkan perlumbaan setelah berada di kedudukan ke 22 dari 29 orang pelumba.

Juara dalam acara ini dimenangi oleh Ariehaan Hillmant dari Indonesia dengan catatan masa 4 jam 13.02 saat dengan purata kelajuan 38 km sejam.

Menduduki tempat kedua Suhardi Hassan dari Malaysia dengan catatan masa 4 jam 14.37 saat dengan purata kelajuan 37.7 kilometer sejam dan ketiga dimenangi oleh Pat Dath Trinh dari Viet Nam dengan catatan masa yang sama de-

ngan pelumba Malaysia.

Perlumbaan yang bermula kira-kira jam 1.00 tengah hari dengan cuaca panas yang terik cukup memberi ujian kepada pelumba-pelumba ini.

Namun menjadi masalah kepada pelumba negara ialah apabila tuan rumah merahsiakan jalan sebenar untuk dilalui sehingga hari kemuncak perlawanan hari ini yang sedikit sebanyak mengelirukan para pelumba, jelas Haji Abd. Wahab, jurulatih pasukan negara sejouris sebelum perlumbaan bermula.

Katanya, pada peringkat awal perlumbaan pelumba negara hanya perlu mengekori pelumba yang lain di hadapan, ini bukan kerana kita tidak boleh berada di hadapan namun ditakuti tersalah jalan kerana laluan yang dituju belum pasti arah tujuannya.



MD. ARBE Hidayatullah bersama pelumba-pelumba dari negara lain di perlumbaan jarak jauh.

Sukan Asia Tenggara (SEA) Ke-24 di Korat, Thailand

Boling padang terus sumbang pingat emas

KORAT, Thailand, Rabu, 12 Disember. - Lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' akhirnya buat pertama kali berkumandang di Wilayah Korat di Selatan Thailand di Sukan SEA Ke-24, selepas peserta boling padang negara, Haji Naim Brahim berjaya menggondol pingat emas menerusi per-

seorangan lelaki di Pusat Sukan Queen Sirikit, lebih 300 kilometer dari sini.

Kejayaan yang membanggakan itu sekali gus mengulangi kecemerlangan beliau ketika menyumbang pingat emas dalam acara 'men's triples' pada Sukan SEA di Manila, tahun 2005 yang lalu.

Ini juga bermakna, sukan boling padang terus menyumbang emas kepada negara.

Haji Naim yang juga merupakan atlet Projek 'Gold' kendalian Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bertindak cemerlang ketika berdepan dengan pencabar kuatnya yang juga pemain nombor satu Republik Singapura, Chia Tee Chiak yang memberi tentangan sengit bagi penentuan pingat emas.

Kedua-dua finalis itu mempunyai pengalaman yang luas sehingga berjaya menampilkan persaingan

yang cukup mendebarkan dan bermutu sekali gus kedua pemain sering kejar-mengejar mengutip mata.

Beliau yang berhasrat untuk bersara dari arena boling padang bertekad tinggi untuk mengucup pingat emas sebagai habuan segala pengorbanannya.

Semangat tinggi peserta perseorangan negara itu telah memberi kelebihan sehingga berjaya mengutip mata dalam beberapa 'ends' sekalipun Chia Tee Chiak tidak mahu mengalah.

Tekanan yang diberikan pemain boling padang terbaik negara itu memberi tekanan kepada Chia dan Haji Naim memanfaatkan kesempatan dari aksi tidak menjadi pemain lawan untuk melengkapkan kemenangan bersejarah 21 - 18 sekali gus memastikan pasukan negara mengutip pingat emas pertama.

Kemenangan itu juga sekali gus untuk menebus kegagalan beliau kepada Chia Tee Chiak pada kejohanan boling padang yang berlangsung di Negara Brunei Darussalam beberapa tahun lalu.

Terdahulu, kemaraan Haji Naim untuk ke peringkat akhir mula terselah pada peringkat saringan apabila mudah menumpaskan pemain handalan Republik Filipina, Ronald Lising dengan 21 - 15 dan menghampakan peserta tuan rumah, Thailand, Surasack Phonghanyudh dengan kutipan 21 - 19.

Haji Naim terus cemerlang dengan menumpaskan Chia Tee Chiak dari Singapura 21 - 12 sekali gus memastikan mara ke peringkat akhir sekali pun tumpas kepada pemain terbaik Malaysia, Saifan Said 5 - 21.

"Saya sangat bangga di atas kejayaan ini. Ia meru-

pakan hadiah dari usaha bersungguh-sungguh dan pengorbanan keluarga dalam memastikan kejayaan untuk pasukan dan negara," jelasnya yang sudah memasuki usia ke-60 tahun.

Sebelum bergelar jaguh boling padang perseorangan Asia Tenggara pada temasya di negara 'Gajah Putih' ini, Haji Naim mengakui menerima cabaran sengit pemain Singapura yang juga bertekad untuk mengucup pingat emas, namun ketabahan beliau dengan memberi saingan konsisten membantu meningkatkan semangat dan memberi keyakinan untuk memenangi perlawanan.

Pencapaian beliau konsisten menyumbang pingat sebanyak empat kali berturut-turut mewakili negara pada sukan berprestij Asia Tenggara, beliau berharap kejayaan bermakna itu akan menjadi dorongan semangat kepada anak-anak muda untuk terus bergiat dalam melibatkan diri kepada sukan boling padang.

Penolong Chef de Mission, Awang Haji Mohd. Zamri yang juga selaku Presiden Persatuan Boling Padang Negara Brunei Darussalam melahirkan rasa penghargaan kepada Haji Naim yang berjaya menyumbang pingat emas



PENOLONG Chef de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Mohd. Zamri juga selaku Presiden Persatuan Boling Padang Negara Brunei Darussalam mengalungkan pingat emas kepada Haji Naim Brahim.



Haji Naim bersama pemenang pingat perak, Chia dari Republik Singapura dan Saifan Said dari Malaysia.

sulung dan saat yang ditunggu-tunggu oleh kontinjen negara serta rakyat di Negara Brunei Darussalam.

Beliau juga bangga dan memuji kesemua pemain boling yang menggalas harapan negara apabila semua kategori telah berjaya mara ke peringkat separuh akhir bagaimanapun mereka tidak bernasib baik untuk mengutip sekurang-kurangnya pingat gangsa kecuali keja-

yaan acara 'men's pairs' yang berjaya menyumbang pingat gangsa.

Sementara itu, jurulatih boling padang negara, Mohd. Aziz pula mengakui persaingan peringkat akhir di antara pemain negara dan pemain terbaik Singapura nampak seimbang, tahap permainan dan peluang kedua-dua pemain untuk meraih pingat emas juga sama rata.

"Kita telah memasang strategi dengan melakukan lontaran 'ball to ball' untuk mengutip mata. Ternyata ia sangat berkesan sehingga membantu memberi banyak mata kepada beliau," jelas Mohd. Aziz.

Jurulatih itu juga bangga dengan peningkatan yang sangat ketara ditonjolkan oleh pemain terbaik negara itu dan menampilkan persaingan cemerlang pada peringkat ASEAN di sini.

"Haji Naim yang sudah menyatakan untuk bersara musim ini, ternyata berjaya memperolehi matlamat untuk mencipta kejayaan yang sangat cemerlang. Ini merupakan hasil yang membanggakan bukan saja kepada beliau tetapi kepada pasukan boling padang sekali gus kepada negara," jelasnya dengan nada gembira.

Haji Naim telah bergiat aktif dalam boling padang sejak 15 tahun lalu dan telah menyumbang dua pingat emas dan dua perak pada empat kali Kejohanan Sukan SEA.



Berita dan Foto :
Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn



BANGGA ... "Usia bukan penghalang untuk meraih kejayaan," Haji Naim.



SEBAHAGIAN aksi pasukan sepak takraw negara ketika menentang pasukan Republik Indonesia untuk mengutip peluang mara ke separuh akhir.



SKUAD boling padang sama-sama merasakan kegembiraan di atas kejayaan menyumbang pingat emas dan gangsa.

Sepak takraw gagal ke separuh akhir

KORAT, Thailand, Jumaat, 14 Disember. - Hajat pasukan sepak takraw negara untuk membantu menambah pingat pada penghujung Kejohanan Sukan SEA tidak kesampaian apabila mereka gagal mara ke separuh akhir sekali gus tersingkir daripada peluang untuk merebut sebarang pingat.

Skuad sepak takraw yang diundi dalam kumpulan 'A' merupakan barisan maut yang mengumpulkan pasukan pilihan Thailand, Republik Indonesia dan Viet Nam.

Brunei yang menyertai acara 'men's double' lebih awal mengatur langkah sumbang apabila tumpas kepada pasukan Viet Nam dengan 22 - 20 dan 21 - 18 dan seterusnya gagal membendung kehebatan gandingan pemain Thailand yang menang dengan kiraan 21 - 16 dan 21 - 16.

Anak buah Ittiphol Komchaisak yang mahu mencari peluang untuk mara ke separuh akhir bagaimanapun tidak

kesampaian apabila kecundang kepada pasukan Indonesia 24 - 22 dan 21 - 15.

Sekalipun berjaya menang kepada pasukan Republik Singapura 25 - 23 dan 21 - 16 namun ia tidak dapat membantu pasukan sepak takraw negara untuk melangkah ke peringkat seterusnya.

"Kita telah memberikan saingan yang baik tetapi pasukan lawan lebih bernasib baik untuk memenangi perlawanan," jelas jurulatihnya, Ittiphol Komchaisak.

Katanya, mutu permainan anak buahnya tidak banyak berbeza malah nampak seimbang dengan pasukan-pasukan pilihan namun pengalaman dan pendedahan telah memisahkan kedudukan pasukannya.

Skuad sepak takraw negara telah disandarkan kepada Jamaludin Haji Marzi, Mohamad Sofian Timbang dan Hanis Haji Hamid.

Sukan Asia Tenggara (SEA) Ke-24 di Korat, Thailand

Olahraga ciptakan pingat berharga



MOHD. Yazid Yatimi menerima kalungan pingat gangsa.



MOHD. Yazid berkongsi kegembiraan bersama jurulatih dan pengurus pasukan olahraga.

KORAT, Thailand, Isnin, 10 Disember. - Setelah sekian lama ketandusan pingat di Sukan SEA dalam acara olahraga, akhirnya negara memperoleh satu pingat gangsa menerusi wira baru, Mohd. Yazid Yatimi Yusof



Berita dan Foto :
Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn
Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn
dari Korat, Thailand

menerusi acara lempar cakera.

Kali terakhir negara memenangi pingat gangsa olahraga di Sukan SEA yang berlangsung di Kuala Lumpur tahun 1977 menerusi Haji Yaakub dalam acara lompat kijang, selepas 30 tahun kita menyertai dalam temasya termasyhur di Asia Tenggara itu.

Kemenangan tersebut tentunya menjadi kebanggaan negara dan khususnya persatuan olahraga setelah sekian lama 'kehausan' pingat.

Bumi Korat menjadi bukti bahawa kita sememangnya mempunyai atlet olahraga yang berwibawa dan setanding dengan negara lain. Acara olahraga adalah wajib dalam setiap apa jua sukan bertaraf antarabangsa, di samping renang.

Pingat emas dan perak acara ini seperti diduga memang didominasi oleh atlet tuan rumah (gajah putih) dengan catatan kejayaan 54.13 meter menerusi Wansawang Sawasdee dan Kvanchai Numsombon, 53.06 meter.



BANGGA ... Mohd. Yazid Yatimi sumbang pingat gangsa untuk negara menerusi acara lempar cakera.

Mohd. Yazid yang baru berusia 20 tahun mempunyai masa depan yang amat cerah dan merupakan pertama berharga bagi negara kita. Beliau mula aktif dalam sukan ini sejak menyertai Sukan Arafura tahun 2005 di Darwin, Australia.

Namun dengan pengalaman yang hanya sedikit beliau telah menunaikan janjinya dengan meraih pingat gangsa yang amat berharga itu.

Ketika ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI sejeurus selepas penyampaian pingat-pingat, beliau memanjatkan syukur kerana telah berjaya mengharumkan nama negara dalam acara olahraga dan sekali gus memungut pingat gangsa buat negara, di samping mengucapkan terima kasih kepada mereka membimbingnya dan orang ramai yang telah mendoakan kejayaannya.

Dengan lemparan sejauh 41.82 meter, lemparannya bukan saja beroleh kejayaan tetapi juga telah berjaya mengatasi rekod peribadi beliau yang sebelumnya 40.22 meter.

Jurulatih beliau, Dario Viguilla De Rosas pula menjelaskan Yazid merupakan atlet berbakat dan mempunyai peluang cerah di masa depan.

Namun, katanya, banyak lagi perkara harus dilakukan malah pencapaiannya hari ini bukanlah pencapaian terbaik bagi dirinya malah lebih jauh dari itu beliau mampu melakukan jika dia terus giat menjalani latihan.

Pengurus Pasukan Olahraga, Awang Haji Ya'akub semasa ditemu bual tentang kejayaan itu berkata, langkah-langkah persatuan olahraga di masa depan adalah untuk mencadangkan agar Mohd. Yazid diserapkan untuk 'Projek Gold' pada bulan Januari 2008 akan datang.

Beliau berkata, langkah ini adalah jalan yang lebih baik untuk mengangkat Mohd. Yazid maju ke tahap yang lebih tinggi lagi.

"Dengan latihan yang bersestematik dan pemedulian yang lebih teratur peluang Mohd. Yazid untuk mencapai kejayaan di masa akan datang amat cerah," katanya mengakhiri perbualan.

Sabre berpasukan rangkul gangsa, skuad lawan pedang cipta sejarah

KORAT, Thailand, Selasa, 11 Disember. - Skuad lawan pedang menerusi acara sabre Berpasukan membantu keceriaan kontinjen negara apabila akhirnya berjaya menyumbangkan pingat gangsa pada perlawanan sengit di Bangunan 3 Surapat, University Technology Suranaree.

Selepas hampa dengan kegagalan menerusi acara perseorangan sabre dan epee individu, keazaman empat pemenang negara menerusi gandingan, Muhammad Yunus, Al-Mohd. Shah Al Mustain, Huzaimi dan Khairul Quddus bertindak garang ketika menewaskan pasukan Republik Singapura dengan

kutipan mata 45 - 42 untuk mara ke suku akhir.

Namun, kegembiraan mereka di suku akhir mereka tersekat apabila tumpas kepada gandingan pemedang dari Republik Filipina 27 - 45.

Kehampaan itu terbalut juga apabila pasukan Thailand berjaya menumpaskan pasukan Viet Nam dengan 45 - 25 sekali gus memberi kemenangan pingat gangsa kepada pasukan negara berdasarkan kutipan mata.

Presiden Kehormat SEAGF, Dayrit Celso selaku Majlis Olimpik Kebangsaan, Republik Filipina menyampaikan pingat kepada pemenang sementara Penolong

Presiden Lawan Pedang Negara Brunei Darussalam, Haji Zainoren menyampaikan maskot kepada pemenang.

"Pasukan Lawan Pedang jika dilihat sejak menyertai ke Sukan SEA sebenar telah meningkat. Pungutan pingat gangsa ini sekurang-kurangnya menjadi satu lagi detik yang paling manis dan sejarah tersendiri," jelas Penolong Presiden Lawan Pedang Negara Brunei Darussalam, Haji Zainoren selaku Penurus pasukan lawan pedang negara ketika ditemu bual wakil PELITA BRUNEI di sini.

Kejayaan mengutip pingat gangsa itu juga meru-

pakan kejayaan yang pertama kali bagi pasukan lawan pedang negara memperoleh pingat pada kejohanan Sukan SEA sejak negara menyertainya pada tahun 1977.

Katanya, pemedang negara telah berjaya bangkit menebus kehampaan dan perlawanan yang mereka tunjukkan dalam acara berpasukan merupakan adalah yang terbaik.

Beliau menambah kegagalan setakat ini boleh dikatakan ketandusan pengalaman terutama dari segi penyertaan pasukan dalam kejohanan-johanan antarabangsa.

"Cara permainan pemedang kita sungguh membanggakan tetapi mereka nampak kaku apabila berdepan dengan pemain-pemain yang sudah banyak pengalaman pada kejohanan antarabangsa," jelasnya.

Menurutnya, sekalipun persiapan kita juga sudah cukup sebelum mengharungi kejohanan ini tetapi persiapan pasukan negara-negara ASEAN yang lain juga lebih jitu sehingga perlawanan lawan pedang pada Sukan SEA edisi Ke-24 ini sangat getir.

Jurulatih pasukan, Yosefa Rayendra Poerawinata pula berkata banyak pemedang yang bertanding kali ini adalah mereka yang telah berjaya dalam kejohanan-kejohanan lawan pedang sedunia dan pra Olimpik.

Katanya, pengalaman

yang mereka perolehi itu merupakan modal untuk mereka bawa pada kejohanan di sini.

"Saya merasa gembira, pemain-pemain kita terus berusaha sedaya upaya memberi tentangan sengit kepada mereka dan ternyata beberapa kali kita hampir berjaya memberi kejutan," jelasnya yang gembira kerana sekurang-kurangnya memberi sumbangan pingat gangsa untuk kontinjen negara.

Beliau yakin anak buahnya akan terus menempa kejayaan pada kejohanan-kejohanan lawan pedang dalam pelbagai peringkat di masa akan datang.



CIPTA SEJARAH ... Empat pemedang negara menerima gandingan, Muhammad Yunus, Al-Mohd. Shah Al Mustain, Huzaimi dan Khairul Quddus berjaya memperoleh pingat gangsa menerusi acara Berpasukan Sabre Lelaki.



PRESIDEN Kehormat SEAGF, Dayrit Celso selaku Majlis Olimpik Kebangsaan Republik Filipina mengalungkan pingat gangsa kepada pemedang negara.

Sukan Asia Tenggara (SEA) Ke-24 di Korat, Thailand

Seruji gagal tingkatan kedudukan untuk raih pingat



Liputan :

Jaafar Ibrahim
jaafar.ibrahim@
information.gov.bn
Samle Haji Jait
samle.jait@
information.gov.bn

Foto :

Samle Haji Jait,
Abu Bakar Haji
Abdul Rahman

KORAT, Thailand, Khamis, 13 Disember. - Peluang pemain golf negara, Seruji Haji Setia untuk sekurang-kurangnya meraih pingat gangsa tidak kesampaian apabila hanya menduduki tangga kesepuluh pada perlawanan Golf Perseorangan Lelaki Sukan SEA Ke-24, di Bonanza Golf and Country Club, lebih 80 kilometer dari sini.

Pada pusingan pertama Seruji menduduki di tangga ke 22 selepas membuat 75 pukulan bagaimanapun bangkit dengan baik pada pusingan kedua dengan 70 pukulan.

Sentuhan cemerlang Seruji menjelma di pusingan ketiga apabila membuat 68 pukulan sekali gus meletakkan beliau ditangga keempat.

Bagaimanapun, pemain nombor satu negara itu terpaksa akur dengan rentak pukulan yang serba tidak menjadi sehingga menamatkan pusingan keempat dengan 75 pukulan sekali gus kedudukannya dirampas oleh pemain Republik Filipina, Ferdiand Aunzo yang tiba-tiba melonjak ke posisi itu.

Pemain Thailand, Piptong Naewsuk memastikan emas milik tuan rumah dengan 277 pukulan keseluruhan sekalipun cuma kemenangan satu pukulan (278) oleh rakan senegara, K Aphibarmrat yang merangkul pingat perak.

Sementara pemain Malaysia, Mohd. Nazari yang konsisten bermain dibawah par pada kesemua pusingan lega memperoleh pingat gangsa.


"Seruji mula membuka peluang untuk mendekati pusingan pingat gangsa selepas bermain di bawah par (-4) sehingga menduduki di tangga keempat tetapi rezeki tidak menyebelainya apabila gagal meningkatkan kedudukan dipusingan akhir perlawanan," jelas Pengurus Pasukan Golf, Haji Hamdani Haji Zakaria.

Sekalipun gagal meraih sebarang pingat, Seruji perlu mendapat pujian kerana menewaskan 23 pemain terbaik ASEAN yang lain dan berjaya bermain dalam 'level par' yang merupakan satu keputusan yang baik dalam kejohanan golf.

Namun gara-gara pesaingnya yang lebih mantap dengan beraksi dibawah par pada setiap pusingan telah menjarakkan kedudukan pemain negara itu.

"Seruji terpaksa melalui pusingan terakhir dengan rentak yang serba tidak menjadi. Ia menyukannya untuk memperoleh pusingan mata yang lebih baik sedangkan pesaing yang lain mula menunjukkan permainan sebenar," jelasnya.

SERUJI Haji Setia gagal meningkatkan kedudukan di tangga keempat untuk merangkul pingat gangsa pada pusingan terakhir perlawanan golf perseorangan lelaki (kanan).



CHEF de Mission Kontinjen Negara Brunei Darussalam, yang juga Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal ketika menyaksikan perlawanan taekwondo yang melibatkan peserta tunggal negara (kanan).

Karatedo pamer persembahan merosot

KORAT, Thailand, Jumaat, 14 Disember. - Acara karatedo Sukan SEA Ke-24 menutup tirainya hari ini dengan menyaksikan skuad karatedo negara hanya mampu meraih satu pingat gangsa dalam temasya itu di sini.

Pencapaian ini merupakan satu persembahan yang ketara merosot berbanding semasa Sukan SEA di Manila dua tahun lalu.

Pingat gangsa yang kita miliki itu pun merupakan 'sagu hati' setelah peserta Thailand, Jittikan Tiemsurakan 'disqualified' apabila mencederakan Masdiana Haji Tengah dalam acara perseorangan wanita di bawah 48 kg.

Kalau tidak pasti skuad karatedo kita pulang dengan tangan kosong tanpa sebarang pingat.

Menurut Pengurus Skuad Karatedo Negara, Haji Sayed Mohammed Haji Sayed Othman, pencapaian para atlet karatedo negara amatlah menyedihkan.

"Sukan SEA Korat 2007 adalah merupakan persembahan terburuk atlet negara berbanding di Sukan SEA yang sudah-sudah," jelasnya.

Para atlet kita sudah berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kemenangan, namun pasukan-pasukan lain juga meningkatkan permainan mereka.

Namun di samping itu, katanya, dalam acara kata berpasukan lelaki sepatutnya memenangi pingat gangsa dalam repe-

chage tetapi disebabkan pengadil yang berat sebelah kepada tuan rumah akhirnya kita tewas dalam penentuan pingat gangsa kepada Thailand.

"Keputusan ini sesuatu yang menyedihkan, kerana anak buah saya telah mempamerkan persembahan yang mantap dan mempunyai 'power' yang lebih berbanding pasukan Thailand," jelasnya dengan nada kesal.

Tetapi, kita terpaksa akur dengan keputusan pengadil kerana ianya muktimad.

"Kita tidak pun membuat bantahan rasmi mengenai kedudukan ini, kerana tiada guna, keputusan telah pun dibuat dengan mengisytiharkan Thailand sebagai pemenang gangsa.

Selain itu katanya, mutu persembahan negara-negara lain semakin meningkat tinggi contohnya, Laos yang merupakan pendatang baru dalam Sukan SEA mempamerkan kekuatan dalam acara karatedo.

"Jika kita tidak berusaha gigih tidak mustahil satu ketika nanti, kita akan tinggal di belakang Laos dan Kemboja."

Sedangkan, tambahnya, negara berkecuali miskin di kalangan negara ASEAN dan tidak mempunyai kemudahan seperti yang terdapat di Negara Brunei Darussalam di mana kerajaan memberikan segala-galanya kepada persatuan-persatuan sukan termasuk Persatuan Karatedo Negara Brunei Darussalam.

Juri menghampakan Farrahwaheeda

KORAT, Thailand, Khamis, 13 Disember. - Harapan untuk menyaksikan peserta tunggal negara menerusi acara taekwondo mengutip pingat berkecai.

Farrahwaheeda Haji Bujang yang diberikan harapan memungut pingat tumpas kepada peserta tuan rumah, Wachiramekakun Ladawan 3 - 5 pada perlawanan di Universiti Vongchavalitkul.

Beliau yang bermula garang untuk mendahului mata 1 - 0 tetapi kebangkitan peserta tuan rumah berjaya menjarakkan kutipan mata.

Peserta negara mula bangkit di pusingan ketiga



FARRAHWAHEEDA ketika memberi saingan hebat kepada peserta tuan rumah Wachiramekakun Ladawan dengan keputusan penuh Farrahwaheeda tewas 3 - 5.



HAJI Abd. Malik Haji Mohd. Zaini sewaktu mempamerkan persembahan yang menarik dalam acara individu kata lelaki.

tetapi sudah terlambat apabila Wachiramekakun pula lebih gemar untuk mempertahankan kelebihan pusingan mata sehingga tamat perlawanan.

"Saya sudah memberikan saingan sengit kepada lawan. Saya hampa dengan keputusan juri yang nampak lebih memihak kepada peserta tuan rumah selepas beberapa pukulan yang tepat ke badan lawan bagaimanapun diberi mata kepada pihak lawan," jelasnya hampa.

Beliau mengakui peluang menumpaskan pemain tuan rumah sangat cerah jika juri berjaya bertindak adil.

Sementara itu, jurulatih, Nurul Hannah pula mengakui anak buahnya sepatutnya memperoleh mata yang lebih banyak tetapi keputusan juri sebaliknya sehingga kemenangannya memihak kepada

peserta tuan rumah.

"Farrahwaheeda lebih awal memperoleh mata bagaimanapun ia ketinggalan di pusingan kedua dan seterusnya bangkit dengan pusingan ketiga. Namun usahanya untuk menumpaskan lawan tidak kesampaian," jelas jurulatih.

Nurul Hannah mengakui kedua-dua peserta terpaksa menampilkan persembahan yang lebih berhati-hati dan cuba untuk mencari kelemahan lawan.

"Sekalipun tewas, saya bangga dengan kesungguhan Farrahwaheeda," ujarnya.

Kategori Bantam Weight 55 kg ke atas wanita itu telah menyaksikan peserta Myanmar, Soe Seo berjaya mengungguli pingat emas dan Wachiramekakun Ladawan pula memperoleh pingat perak.

Sukan Asia Tenggara (SEA) Ke-24 di Korat, Thailand



PASANGAN Md. Salleh Hitam dan Mohd. Israt Aminuddin sumbang pingat gangsa selepas menewaskan pasangan Filipina.



PASANGAN 'men pairs' negara bergambar ramal bersama pemenang pingat emas dari Malaysia dan pemenang pingat perak dari Thailand.

Gandingan 'men pairs' tidak menghampakan

KORAT, Thailand, Rabu, 12 Disember. - Atlet kontinjen boling padang menerusi acara 'men pairs' berjaya bangkit dan tampil cemerlang untuk menyumbangkan pingat gangsa selepas menundukkan gandingan Republik Filipina 20 - 16 di Pusat Sukan Queen Sirikit, di sini.

Negara yang menyandarkan pasangan Md. Salleh Hitam dan Mohd.

Israt Aminuddin bagaimanapun menerima saingan sengit daripada pasangan Filipina, Christopher Dagpin dan Leoncio Carreon sehingga kedudukan saling berkejaran dalam beberapa 'ends' pada perlawanan penentuan pingat itu.

Selepas ketinggalan kedudukan mata, Md. Salleh dan Mohd. Israt mula mendapat sentuhan sehingga berjaya menjarakkan mata bermula pada 'ends' ke 6, 7 dan 8 sekalipun gandingan dari Filipina itu juga cuba mencari helah untuk mengikat kedudukan.

Semangat tinggi dan kesungguhan pasangan terbaik negara ini akhirnya berjaya menceriaikan pasukan boling padang apabila bijak menyempurnakan sentuhan terakhir untuk memastikan pingat gangsa milik mereka dengan kedudukan 20 - 16.

Kejayaan itu juga sekali gus membalut kehampaan mereka selepas kurang menyerlah pada perlawanan peringkat saringan dengan kekalahan di atas pasangan Thailand 6 - 29 dan tewas kepada pemain Malaysia 12 - 27.

Kemaraan yang diharapkan menerusi gandingan

negara itu untuk sekurang-kurangnya mengutip pingat mula menyinar apabila berjaya menundukkan pasangan Filipina 18 - 14 pada peringkat saringan.

Justeru, peluang beraksi di separuh akhir berjaya dimanfaatkan sepenuhnya menerusi gandingan Md. Salleh dan Mohd. Israt dengan memberi saingan sengit sekali gus bagi menembus kehampaan pada peringkat saringan.

Impian pasangan negara tercapai dengan memastikan pingat gangsa milik mereka selepas pasangan Filipina itu tertekan yang mengakhiri perlawanan dengan kedudukan 20 - 16.

"Kami bertekad untuk menggunakan peluang pada perlawanan penentuan pingat gangsa dengan mahu tidak tercicir malah yakin ia tetap menjadi milik pasukan kita. Kami bersyukur harapan itu berjaya dicapai," jelas Md. Salleh selepas perlawanan.

Menurutnya, pasukan lawan juga mahu memastikan kemenangan berpihak kepada mereka sehingga menghasilkan persaingan sengit dan mendebarakan dengan kedudukan mata se-



Berita dan Foto : Samle Haji Jait
samle.jait@
information.gov.bn
Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@
information.gov.bn

ring berkejaran dalam beberapa 'ends'.

Beliau menambah ketabahan dan konsentrasi pada empat 'ends' terakhir dengan mengumpul lebih mata telah memberikan tekanan kepada lawan.

Akhirnya, Mohd. Israt memastikan sentuhan mata terakhir untuk memastikan pasukan Filipina kempunan mengucup pingat gangsa.

'Triple' lelaki dan wanita dan 'women pairs' tercicir pingat gangsa

KORAT, Thailand, Rabu, 12 Disember. - Harapan negara untuk mengutip lebih banyak pingat menerusi perlawanan boling padang berkecai apabila peluang untuk meraih pingat gangsa menerusi acara 'triples' lelaki, 'triples' wanita dan 'women pairs' semuanya terlepas.

Aksi gandingan trio menerusi Pengiran Md. Salleh Chuchu, Lokman dan Yahya untuk menentukan pingat gangsa berakhir apabila gagal menyekat trio Republik Filipina menerusi gandingan Hommer Mercado, Emmanuel Portacio dan Angelo Morales dengan 23 - 10 sekalipun pada per-

ingkat saringan pemain negara cemerlang menumpaskan lawan yang sama dengan 16 - 10.

Sebelum ini mereka tumpas kepada pasukan 'triples' dari Thailand dengan 16 - 23 dan tumpas kepada pasukan Malaysia 6 - 19 namun pasukan negara telah memastikan mara ke separuh akhir selepas menumpaskan pasukan Singapura 21 - 11.

Pasukan 'women triples' juga menampilkan aksi serba tidak menjadi apabila pasangan Isah Muntol, Hajah Ajijah Muntol dan Hajah Suhana tewas kepada pasangan Filipina 10 - 29 pada penentuan pingat gangsa.

Sekalipun memberikan saingan sengit di peringkat awal, skuad trio wanita negara itu gagal menyekat kerakusan pemain Thailand sehingga tewas 12 - 30 dan tumpas kepada pasukan Malaysia 12 - 25 sebelum dihampakan oleh pasukan Filipina 14 - 27.

Namun hajat pasukan 'Triples' wanita kita untuk membalut kehampaan tidak kesampaian apabila trio Filipina menerusi gandingan Aine Knight, Ronalyn Greenlees dan Mailla Withe-ridge lebih garang dengan mengakhiri perlawanan 29 - 10 untuk memastikan pingat gangsa milik mereka.

Sementara itu, atlet 'women pairs' boling padang negara tercicir pingat gangsa apabila turut dihindu kegagalan selepas tumpas kepada pasukan Thailand 20 - 18.

Namun, pasangan Am- puan Hajah Lilymaryani dan Norzainah Haji Ahmad patut diberi pujian selepas mampu memberi saingan sengit tetapi kebangkitan mereka pada tiga 'ends' terakhir tidak mampu menghalang hajat pasukan tuan rumah untuk mengulung pingat gangsa.

Pada peringkat awal, pasangan negara itu memulakan saingan dengan tumpas kepada pasangan Filipina

14 - 19 sebelum tewas kepada pasukan Thailand 13 - 29 dan tumpas lagi kepada pasukan Malaysia 13 - 16.

Namun kehampaan pasukan boling padang negara sekurang-kurangnya berbalut apabila berjaya memperolehi satu pingat emas menerusi Haji Naim dalam perorangan lelaki dan pingat gangsa menerusi acara 'men pairs' hasil gandingan Mohd. Salleh dan Md. Israt.

ISAH Muntol ketika memberi saingan kepada pasukan Filipina dalam acara 'women triples' peringkat separuh akhir.



LOKMAN cuba memberi arahan rakan dalam persaingan sengit menentang Filipina dalam acara 'men triples' bagi penentuan pingat gangsa.

Gagal saingi pekayuh negara lain

CHONBURI, Thailand, Khamis, 13 Disember. - Pasukan lumba perahu tradisi negara sekali lagi kurang bernasib baik untuk melayakkan diri ke peringkat akhir dalam acara 500 meter sepuluh orang pekayuh apabila terkandas di peringkat awal setelah mencatatkan masa 2 minit 05.09 saat.

Pasukan negara yang dikumpulkan bersama pasukan Filipina, Thailand dan Laos tidak mampu menyaingi kehebatan pekayuh Filipina yang mencatatkan masa terpanjang 1 minit 52.70 saat.

Pasukan negara yang diberikan kesempatan untuk kali kedua (repechage) dikumpulkan bersama pasukan Kemboja, Malaysia dan Laos untuk mencari dua pasukan teratas bagi mengirangi ke peringkat akhir.

Namun pada peluang itu juga mereka sekali lagi kurang memanfaatkan kesempatan malah masih lagi menduduki di empat terakhir dengan catatan masa 2 minit 05.08 saat berbanding Kemboja yang menguasai perlumbaan dalam kumpulan ini dengan mencatatkan



EMPAT buah negara bersaing merebut bagi kelayakan ke peringkat akhir dalam acara lumba perahu tradisi sepuluh orang pekayuh.

masa 1 minit 59.190 saat.

Pada hari kelmarin di-

khabarkan bahawa dua pe-

kayuh negara telah dimasukkan ke hospital atas sebab kesihatan dan apakah kerana itu sedikit sebanyak telah mempengaruhi mental pekayuh-pekayuh lain.

Sukan Asia Tenggara (SEA) Ke-24 di Korat Thailand

Muhammad Johnny Aqil terlepas peluang beraksi di suku akhir

KORAT, Thailand, Isnin, 10 Disember. - Peserta snuker negara, Muhammad Johnny Aqil Abd Tan terlepas peluang untuk memasuki peringkat suku akhir acara '8 ball pool' perseorangan lelaki dalam sukan biliard dan snuker temasya Sukan SEA Ke-24, di Hotel Sima Thani, Korat di sini.

"Sepatutnya saya boleh menang perlawanan andainya perlawanan tersebut tidak diberhentikan," katanya ketika ditemu bual oleh wartawan PELITA BRUNEI yang membuat laporan Sukan SEA di sini.

Menurut beliau, perlawanan terpaksa diberhentikan kira-kira jam 1.00 petang ketika perlawanan memasuki racks ke-14 dan disambung sebelah petang.

"Pemberhentian perlawanan itu, benar-benar mengganggu konsentrasi dan mutu permainan

saya yang ketika itu saya cukup bersemangat tinggi setelah 'rythm' permainan saya bertambah baik bagi memenangi perlawanan," jelasnya beliau dengan nada kesal.

Namun jelasnya, disebabkan pihak penganjur pertandingan memberhentikan perlawanan untuk memberi peluang kepada perlawanan lain yang sudah diaturnya dalam jadual pertandingan pada hari itu.

"Harapan saya musnah untuk mewakili negara ke peringkat suku akhir dalam acara '8 ball pool ini,'" terangnya.

Menurut pengadil pertandingan yang mengadili perlawanan itu, permainan terpaksa ditangguhkan hingga ke petang disebabkan masa permainan perlawanan itu sepatutnya sudah tamat sebelum jam 1.00 petang, namun setelah permainan berlarutan ia terpaksa diberhentikan seketika.

Penangguhan perlawanan itu adalah mengikut format pertandingan Kejohanan '8 Ball Pool' Sedunia.

Perlawanan antara peserta negara menentang atlet Republik Singapura itu berlangsung penuh dramatik dengan penentuan kemenangan terpaksa berlarutan hingga ke racks ke-17 setelah kedudukan terikat 8 - 8.

Di peringkat pra ke suku akhir itu, peserta negara walaupun tertinggal di awal permainan 0 - 1, tetapi berjaya mendahului 2 - 1 pada racks ketiga setelah menyamakan kedudukan 1 - 1 pada racks kedua.

Peserta tuan rumah terus memberikan tekanan kepada peserta negara dengan mendahului 4 - 2 pada racks keenam. Namun, Muhammad Johnny bangkit menyamakan kedudukan 4 - 4 di racks kelapan.

Perlawanan racks berikutnya bertambah sengit dan



Liputan :

Jaafar Ibrahim
jaafar.ibrahim@
information.gov.bn
Abu Bakar Haji
Abdul Rahman
bakar.rahman@info
rmation.gov.bn
Foto: Abu Bakar
Haji Abdul
Rahman

rancak, masing-masing cuba mengejar kedudukan dengan Toh Lian Han sering di depan dari kedudukan 4 - 5, 4 - 6, 5 - 6.

Namun, Muhammad Johnny tidak membenarkan peserta Kota Singa itu meninggalkan jauh di depan. Beliau terus berusaha gigih dan meningkatkan permainan dan terus berjaya mengejar kedudukan 5 - 6 dan 5 - 7 pada racks ke-12.

Sebelum perlawanan diberhentikan pada racks ke-14, Muhammad Johnny merapatkan kedudukan 6 - 7.

Melihat kebangkitan peserta negara, Toh Lian Han terpaksa bermain berhati-hati dengan melambatkan rentak dan 'rythm' permainan.

Tatkala Muhammad Johnny bermain cemerlang, perlawanan diberhentikan oleh pengadil pertandingan dalam racks ke-14.

Apabila perlawanan bersambung di sebelah petang, Muhammad Johnny juga terlepas peluang untuk memenangi pertandingan bagi terus bersaing di peringkat suku akhir dengan tewas tipis dengan kedudukan 8 - 9 kepada peserta Republik Singapura dalam racks penentuan.

Ketua Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan SEA, Dato Paduka Awang Haji Jemat bin Haji Ampal turut menyaksikan perlawanan tersebut.



AKSI penuh konsentrasi yang dilakukan oleh Muhammad Johnny Aqil Abd Tan melakukan aksi perlawanan yang menarik (atas dan bawah).



Dua pelumba basikal negara menduduki tempat Ke- 11 dan Ke-12

KORAT, Thailand, Ahad, 9 Disember. - Dua pelumba negara terlepas peluang untuk memiliki sebarang pingat dalam acara lumba basikal uji masa perseorangan 42 kilometer yang berlangsung di Jalan Mittraphap.

Md. Arbe Shadatul Farrani dan Md. Halid Zata hanya menduduki tempat ke-11 dan ke-12 dari 16 pelumba yang lain, namun berjaya meninggalkan pelumba Myanmar, Laos dan Kemboja.

Kedua-dua mereka hanya sekadar berjaya merubah pencapaian masa terbaik peribadi yang pernah dibuat sebelumnya di tempat yang sama bulan September lalu.

Juara dalam perlumbaan ini didominasi oleh pelumba tuan rumah menerusi Prajak Mahawong yang meninggalkan Md. Arbe Shadatul Farrani dan Md. Halid Zata dalam jarak perbezaan masa lebih tujuh minit.

Berada di tempat kedua jatuh kepada pelumba dari Indonesia, Tonton Susanto dan ketiga Cong Hieu Mai.

Pengurus pasukan Awang Haji Abd. Wahab ketika mengulas tentang perlumbaan merasa kesal dengan peraturan yang dibuat oleh UCI yang dilakukan di saat-saat akhir perlumbaan dijalankan.

Peraturan berkenaan jelasnya menyentuh tentang 'setting' basikal pelumba iaitu antara 'handle bar' dan tempat duduk pelumba.

"Sebelum perlumbaan bermula 'handle bar' dan tempat duduk pelumba telah diubah berbeza dari sebelumnya dan ini membuat kita keliru," jelas beliau dengan nada

kesal.

Maklumat tentang perubahan ini, jelasnya tidak sampai sungguhpun ianya telah dibuat sejak bulan September lalu.

Tegasnya, dengan perubahan tersebut tentunya telah mengganggu kepada 'setting' yang telah dibuat oleh pelumba negara yang mana telah terbiasa dengannya sebelum ini, di samping mengganggu keselesaan pelumba semasa bertanding.

Namun begitu, beliau menyatakan bahawa anak buahnya itu telah menunjukkan keupayaan yang baik dengan memecahkan pencapaian masa yang pernah dibuat sebelumnya beberapa bulan yang lalu.

"Jika 'setting' tersebut tidak berubah saya yakin pelumba negara mampu mencapai keputusan yang lebih baik dari apa yang dicapainya sekarang," jelas beliau dengan penuh yakin.

Sementara itu pelumba negara, Md. Halid yang ditemui selepas perlumbaan melahirkan perasaan kesal dengan perubahan tersebut yang mana telah merubah rentak kayuhan yang dibuat semasa latihan.

"Setting saya sudah berubah jadinya rentak kayuhan juga jauh berubah yang secara langsung mempengaruhi strategi yang dibuat sebelum perlumbaan ini," jelasnya.

Pelumba negara ini masih berpeluang untuk membuktikan keupayaan mereka yang sebenarnya apabila bertanding dalam acara jarak jauh pada 13 hari bulan nanti.



MD. Halid Zata memulakan kayuhan sebaik saja bendera dikibarkan dalam acara uji masa perseorangan 42 kilometer.



KAYUHAN yang baik dilakukan oleh Md. Arbe Shadatul Farrani di separuh perjalanan uji masa perseorangan.

SUKAN

Hari Keselamatan Penerbangan diraikan dengan riadah



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar mengetuai riadah sempena Hari Keselamatan Penerbangan. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

JERUDONG, Ahad, 9 Disember. - Hari Keselamatan Penerbangan diraikan dengan riadah keselamatan penerbangan pagi tadi di Taman Rekreasi Bukit Shahbandar bertemakan, Keselamatan Penerbangan 'First and Always The Top Priority'.

Acara itu, merupakan pembuka tirai sehari sebelum Minggu Keselamatan Penerbangan bermula dengan beberapa acara utama yang telah disusun sempenanya seperti pameran keselamatan, seminar dan bengkel keselamatan penerbangan di sebuah hotel di Gadong, di bawah usaha sama Jabatan Penerbangan Awam (JPA), Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA), Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) dan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).

Acara riadah keselamatan penerbangan bertu-

Oleh : Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

juan untuk merapatkan lagi hubungan silaturahmi dan memupuk semangat kerja berkumpulan di kalangan komuniti penerbangan di negara ini.

Selain dari kalangan warga penerbangan awam mahupun dari kalangan penerbangan tentera dan agensi-agensi yang berkaitan sesuai dengan pepatah Melayu 'bersatu kita teguh bercerai kita roboh' khususnya dalam usaha berterusan untuk meningkatkan keselamatan penerbangan di negara ini.

Acara riadah bermula dengan senamrobik diikuti dengan berjalan mengelilingi Taman Rekreasi Bukit Shahbandar.

Mengetuai riadah tersebut Menteri Perhubungan, Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Juga menyertai riadah itu Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Md. Yusof bin Haji Md. Hasan; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar selaku Pengerusi RBA, Ketua Eksekutif RBA, Ray Sayer, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dari kementerian berkenaan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Peserta riadah kebanyakannya terdiri dari kalangan pegawai dan kakitangan dari JPA, RBA, BSP dan TUDB serta agensi-agensi lain yang berkaitan.

Pasukan Polis Diraja Brunei 'B' sandang johan sepak takraw

KUALA BELAIT, Khamis, 6 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) cawangan Belait 'B' meraih johan setelah berjaya menundukkan Pasukan Jabatan Kerja Raya (JKR) 'B' di perlawanan penentuan johan dan naib johan peringkat akhir Kejohanan Sepak Takraw Bagi Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Belait Ke-5 anjuran Jabatan Belia dan Sukan cawangan Belait.

Sebelum itu perlawanan bagi menentukan tempat ketiga dan keempat diadakan antara Pasukan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) 'A' bertemu dengan PDB 'A'. Dalam perlawanan tersebut Pasukan JBP 'A' berjaya menumpaskan pasukan lawan mereka dan sekali gus menyandang tempat ketiga.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Shaminan

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

bin Haji Tengah Perlawanan diadakan di Kompleks Sukan Mu-mong.

Sebanyak 14 pasukan terdiri daripada Jabatan Bandaran Kuala Belait / Seria, Jabatan Daerah Belait, PDB 'A', PDB 'B', Gabungan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Pejabat Pos Kuala Belait 'A', Gabungan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Pejabat Pos Kuala Belait 'B', JKR 'A', JKR 'B', JBP 'A', JBP 'B', Batalion 3 Tentera Darat Diraja Brunei, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Gabungan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Pejabat Ukur Belait dan Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Belait menyertai perlawanan berkenaan.

Perlawanan bertujuan mengeratkan tali silaturahmi serta kemesraan padu jabatan-jabatan kerajaan Daerah Belait, di samping memupuk dan

mengeratkan lagi persefahaman serta kerjasama di antara pegawai dan kakitangan serta mencari pemain-pemain yang mempunyai bakat dan berpotensi serta menilai permainan pemain bagi perediaan awal dalam pertandingan di peringkat kebangsaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Disember. - Brisbane Youth Soccer Clinics (BYSC), sebuah program pembangunan bola sepak yang berpusat di Brisbane, Queensland, Australia, akan mengadakan dua perlawanan persahabatan dengan Projek Ikan Pusu (PIP) dijadualkan berlangsung di Kompleks Kebajikan, Berakas, pada 8 Disember 2007 ini.

Perlawanan akan bermula jam 6.30 petang bagi B-14 tahun dan 8.00 malam bagi B-15 tahun.

PIP yang ditubuhkan pada tahun 2001 merupakan Program Pembangunan Bola Sepak Kebangsaan yang diusahakan bersama oleh Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BAFA) dan Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPKK).

Sebagai persiapan, Ketua Jurulatih PIP, Awang Haji Omar Haji Jamil dibantu oleh Awang Faizalani Abdul Ghani mula menyediakan para pelatih PIP untuk mendalirkan kedua-dua per-



PEMAIN Pasukan Polis Diraja Brunei cawangan Belait 'B' cuba menangkis bola yang dihantar oleh Pasukan Jabatan Kerja Raja 'B' berjersi biru.

PIP bersiap sedia menghadapi cabaran Australia

lawan yang dijangkakan sengit ini.

Kini BYSC sedang berada di Sheffield, England mengikuti latihan bersama Akademi Bola Sepak Sheffield United bermula 21 November dan akan tamat pada 6 Disember 2007.

Mereka menggunakan pesawat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) Royal Brunei Airlines ke UK dan semasa penerbangan balik ke Australia nanti, mereka dijadualkan mengadakan dua perlawanan ini khas untuk mencuba keupayaan pemain mereka dengan pemain PIP.

Menurut Setiausaha Agung BAFA, Pengiran Haji Matusin bin Pengiran Haji Matasan, memandangkan Football Federation Australia (FFA) kini sudah menjadi Ahli Asian Football Confederation (AFC) maka bagi menjalin perhubungan yang lebih erat di antara kedua-dua persatuan bola sepak kebangsaan perlawanan persahabatan ini disusun, atas permintaan pihak Australia.

BYSC telah memilih

PIP sebagai tentangan pilihan di Negara Brunei Darussalam memandangkan kedua-dua pasukan ini merupakan program pembangunan.

"Selain itu, pihak Australia juga mengenali PIP dari pegawai-pegawai pembangunan bola sepak AFC dan Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) yang sudah lama mengenali Program Pembangunan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam ini," jelasnya.

Mengenai persiapan PIP, Awang Haji Omar berkata, latihan telah bermula sejak 12 November dengan 68 orang pemain, tujuh kali seminggu, bermula jam 4.00 petang pada setiap hari.

"Para pemain telah menunjukkan semangat yang amat baik dan kami akan berjuang sedaya upaya untuk memberi tentangan yang sewajarnya kepada pencabar dari Australia ini," ujarnya.

BYSC merupakan pasukan remaja Australia yang kedua pernah menentang PIP.

Pada Ogos 2006 yang lalu, pasukan The Queensland Total Football Academy yang dilatih oleh Adem Poric, bekas pemain Liga Inggeris dengan Sheffield Wednesday dikalahkan 6 - 0 oleh PIP.

"Namun begitu, keputusan itu merupakan sejarah. Apa yang penting bagi PIP ialah perlawanan akan datang. Saya yakin para jurulatih dan pemain telah bersedia dan mereka akan dapat mempersembahkan prestasi yang diharapkan kami semua," kata Cheah Swee Ming, Pengurus PIP, apabila dipinta komen beliau tentang persiapan pasukannya.

Menurut Haji Omar dan Awang Faizalani, PIP telah bersedia menentang pemain-pemain Australia yang dijangkakan mempunyai kelebihan kerana saiz fizikal yang lebih besar itu.

Orang ramai dan peminat bola sepak tempatan, dijemput hadir pada 8 Disember di Padang Kebajikan Berakas untuk menyaksikan perlawanan sengit PIP menentang BYSC.



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait, Awang Shaminan bin Haji Tengah diperkenalkan kepada pasukan-pasukan yang berjaya masuk ke perlawanan peringkat akhir Kejohanan Sepak Takraw Bagi Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Belait Ke-5.



AWANG Haji Omar (kiri) dan Awang Faizalani bersama pemain Projek Ikan Pusu (PIP) di Padang Kokurikulum, Gadong.

Rangka kerja laporan terakhir 'Heart of Borneo' dikaji

BERAKAS, Khamis, 6 Disember. - Mesyuarat Kebangsaan Jawatankuasa Pandu Ketiga mengenai Rangka Kerja Pelaksanaan Projek 'Heart of Borneo' (HoB) bagi Negara Brunei Darussalam telah mengkaji semula laporan rangka kerja terakhir peta jalan pelaksanaan projek rangka kerja (PIE) yang dikendalikan oleh Kumpulan ERE yang ditaja oleh Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP).

Mesyuarat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) itu dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah bin Haji Abdul Wahab.

Pada mesyuarat tersebut beberapa penyampaian rangka kerja mengenai HoB Negara Brunei Darussalam terhadap pengurusan kewangan, strategik-strategik dan campur tangan.

Dalam laporan dikekemukakan oleh Dato Dr. Mikail Kavanagh dari Kumpulan Perunding ERE (ERE Consulting Group) menggariskan sebelas pelan campur tangan tambahan bagi rangka kerja pelaksanaan projek interim.

Empat daripada pelan campur tangan tambahan mengandungi penyelidikan ikan dan hidupan air 'Invertebra' di Brunei, pembangunan keupayaan institusi bagi pemuliharaan biodiversiti, penubuhan plot tanah penyelidikan kekal bagi HoB Brunei seluas 25 hektar dan pengurusan bersepadu Teluk Brunei.

Empat lagi adalah terdiri daripada Keupayaan Pembangunan dan Persediaan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Penggunaan Tanah Gambut dan Pengurangan Risiko Kebakaran, Undang-undang bagi Bioteknologi termasuk Bio-Prospekting, Kajian Potensi Arang dan 'offset' Biodiversiti dan Memerangi Jenayah Hidupan Liar.

Di samping itu, pelan tersebut menekankan proses penilaian kesan alam sekitar bagi perhutanan, penilaian keperluan pengurusan berasaskan Sains bagi 'Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna & Flora' (CITES) dan galakan ke arah penyertaan masyarakat tempatan dalam ekopelancongan.

Dato Dr. Mikail Kavanagh juga menyatakan mengenai keluasan kawasan HoB bagi Negara Brunei Darussalam yang telah diumumkan meliputi, kawasan seluas 74 peratus (426,554

hektar) daripada keseluruhan keluasan negara ini.

Keluasan itu adalah tambahan sebanyak 14 - 16 peratus daripada peratusan sebelum yang mana pernah pihak kerajaan mengumumkan sebanyak 58 - 60 peratus daripada keluasan negara ini.

Beliau juga menerangkan bahawa HoB bukanlah kawasan 'lock-away', namun setiap penggunaannya memerlukan kebenaran daripada Majlis HoB Kebangsaan yang



TIMBALAN Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah bin Haji Abdul Wahab. - Foto: Hatral Hazmi Abd. Hamid.

juga akan menetapkan peraturan, syarat dan undang-undang bagi kawasan-kawasan HoB melalui Pusat HoB Kebangsaan yang beribu pejabat di Bandar Seri Begawan.

Di samping itu beliau juga telah menekankan kepentingan pelaburan dari para penaja bagi membiayai kos HoB yang dianggarkan sekitar B\$410,000.00 dalam tempoh selama sembilan tahun.

Dalam mesyuarat itu juga telah membincangkan mengenai langkah-langkah lanjut serta jadual selesainya projek berkenaan dilaksanakan.

Hadir sama di mesyuarat tersebut termasuk beberapa perwakilan jabatan-jabatan kerajaan termasuk Kementerian Hal Ehwal Luar Negara dan Perdagangan, Jabatan Tanah, Ukur, Perancang Desa dan Bandar, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Universiti Brunei Darussalam, BSP dan juga diplomat asing di negara ini.

Sementara menurut siaran akhbar Jabatan Perhutanan, KPSSU antara lain menjelaskan bahawa sedang ke-12 Februari 2007 di Bali, Republik Indonesia, menteri yang bertanggungjawab bagi perhutanan di Negara Brunei Darussalam,

Republik Indonesia dan Malaysia telah menandatangani deklarasi mengenai inisiatif 'Heart of Borneo' (Jantung Borneo) oleh ketiga-tiga negara dengan satu visi iaitu ke arah pemuliharaan.

Siaran itu menjelaskan Pulau Borneo merupakan satu pusat yang paling penting di dunia dengan biodiversitinya. Kepentingan yang sama rata, hutan-hutan di pulau itu adalah nilai kritikal kepada rakyat Borneo untuk menyedekahkan mereka ekonomi dan perkhidmatan yang baik dan juga untuk fungsi-fungsi alam sekitar.

'HoB' adalah satu kawasan yang kaya dengan keunikannya, landskapnya yang mana sebahagian besarnya adalah berhutan dan merupakan tempat yang sesuai sahaja di planet ini, yang mana hutan-hutan Indo - Malayan di Asia Tenggara yang boleh memulihara seperti satu skala yang besar," jelas siaran itu.

Siaran itu seterusnya menyatakan, inisiatif HoB dimulakan dengan satu bengkel antarabangsa yang telah berlangsung pada 5 dan 6 April 2005 dan menjadi tuan rumah bagi bengkel itu adalah KPSSU Negara Brunei Darussalam dengan dibantuan oleh WWF.

Bengkel yang disampaikan adalah mengenai faedah-faedah pemikiran pemuliharaan besar-besaran, mengkaji semula isu-isu di kawasan pedalaman Borneo dan mempromosikan keperluan yang berkesan terhadap perkongsian sempadan.

"Ia adalah juga satu contoh yang baik bagaimana Negara Brunei Darussalam, negara yang kecil daripada ketiga-tiga negara, boleh memberikan kepimpinan dan menjadi pemangkin untuk menjadikan visi HoB menjadi satu kenyataan," terang siaran itu.

Menurut siaran itu sejak akhir-akhir ini banyak peristiwa-peristiwa telah berlaku dan dalam usaha ini kita telah menjalankan kerja di dalam rangka kerja bagi ASEAN, BIMP - EAGA dan CBD untuk membawa ke hadapan ketiga-tiga pihak bagi kerjasama.

Tidak kurangnya kita semua bersetuju dalam mesyuarat pelaksanaan pertama ketiga-tiga pihak yang telah berlangsung pada bulan Julai di Bandar Seri Begawan bagi menyediakan negara kita dengan Peta Alam HoB dan kemudiannya akan dirasa bersama-sama di dalam inisiatif ketiga-tiga pihak.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar menyaksikan pameran keselamatan penerbangan sempena Minggu Keselamatan Penerbangan. - Foto: Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

Seminar, bengkel dan pameran keselamatan penerbangan

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Disember. - Pelbagai program disusun sempena Minggu Keselamatan Penerbangan yang diadakan pada 10 hingga 13 hari ini termasuk Seminar Keselamatan Penerbangan, Bengkel Keselamatan Penerbangan dan Pameran Keselamatan Penerbangan.

Perasmian Pameran Keselamatan Penerbangan di Kompleks Membeli-Belah The Mall, di Gadong disempurnakan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng.

Pameran dianjurkan bersama oleh Jabatan Penerbangan Awam dengan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAA) Antarabangsa dan Tentera Udara Diraja Brunei.

Pameran bertujuan untuk mempromosi dan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap keselamatan penerbangan di samping menjana minat pihak awam dalam industri penerbangan selain mencerminkan peranan pener-

bangsan dalam pengembaraan udara, pelancongan, perdagangan industri minyak dan ketenteraan.

Sementara itu, Seminar dan Bengkel Keselamatan Penerbangan yang diadakan di Rizqun International Hotel itu, memberi peluang unik bagi membincangkan isu-isu penting yang dihadapi masyarakat penerbangan.

Seminar dan bengkel juga membolehkan para peserta mengukuhkan keselamatan penerbangan dan membantu pertubuhan masing-masing untuk membuat persiapan program keselamatan dan sistem pengurusan keselamatan ke arah mewujudkan budaya selamat dalam pertubuhan mereka.

Ceramah mengenai keselamatan penerbangan disampaikan oleh para pakar dalam bidang keselamatan penerbangan masing-masing dari dalam dan luar negara.

Minggu Keselamatan Penerbangan dihasratkan untuk mempromosi dan meningkatkan keselamatan penerbangan di kalangan industri penerbangan serta meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap keselamatan penerbangan di negara ini.

Dari muka 1

Bagi Kategori 'A', pertandingan dimenangi oleh Peggy Lim Pei Chee, tempat kedua Veronica Chan Xioa Ting dan ketiga, Noorashikin binti Salim.

Kategori 'B' pula dimenangi oleh Charlene Cheng Shi-Ming, tempat ke-2 Yvonne Lee Hui Wen dan tempat ke-3 Vanessa Lim Pei Hua.

Pertandingan bertujuan untuk mewujudkan kesedaran tentang bahaya permainan kikir terhadap pesawat di mana permainan kikir di beberapa kawasan adalah ditegah dan boleh didenda hingga \$3,000.00.

Minggu Keselamatan Penerbangan bertepatan 'Aviation Safety - First and Always the Top Priority' dianjurkan bersama oleh JPA dan RBA, Syarikat Minyak Brunei Shell Berhad, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAA) Antarabangsa dan Tentera Udara Diraja Brunei.

Ia diadakan sempena Hari Penerbangan Awam Antarabangsa yang disambut setiap 7 Disember bagi menandakan penubuhan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

PERTANDINGAN MEMBACA AL-QUR'AN AHLI PAPDA

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 15 Disember. - Persatuan Orang-Orang Cacat Berkerusi Roda dan Cacat Anggota (PAPDA) akan menganjurkan Peraduan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Qur'an Secara Muratal bagi orang-orang kurang upaya Negara Brunei Darussalam bersempena Awal Tahun Hijrah 1429H / 2008M.

Menurut jawatankuasa pengajur, pertandingan tersebut terbuka kepada orang-orang cacat lelaki dan perempuan di negara ini yang disahkan kecacatannya oleh pihak hospital negara ini.

Ayat-ayat yang akan dibacakan pada pertandingan ini akan disediakan oleh penganjur dan semasa pertandingan itu nanti peserta lelaki dikehendaki memakai pakaian cara Melayu yang lengkap bersamping dan bersongkok, manakala peserta perempuan memakai pakaian yang menutup aurat dan bertudung.

Borang-borang penyertaan serta keterangan lanjut bagi menyertai peraduan ini boleh didapati daripada Awang Haji Suhaili bin Haji Ahmad, No. 23 Simpang 18, Jalan 64 Perpindahan Lambak Kanan, telefon 2330142 sambungan 333; Awang Nordin bin Haji Md. Said, Hospital Suri Seri Begawan Sultan, Kuala Belait; Dayang Nurul Izzati bin Asri, Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong dan Awang Haji Ali bin Haji Ahad, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan.

Borang-borang penyertaan hendaklah dihantar kepada penganjur pertandingan tidak lewat pada 10 Januari 2008.

UTMAKAN PERBELANJAAN ANAK SEKOLAH اوتاماكن قريبنجان انق سكو له

دتریتکن اوله جیائن فئرراغن، جیائن فردان منتری دان دجیتق اوله جیائن فرچیتقن کراجان، جیائن فردان منتری، نگارا برونی دارالسلام.
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

TALIAN PENTING	
Ambulans	Bomba & Penyelamat
991	995
Polis	Mencari & Menyelamat
993	998



PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PENTING	
Air	Unit Pengurusan Bencana Alam
140	
Talian Kebajikan	2381874
141	2381313
Elektrik	2382143
144	2382027
Maklumat Penerbangan	2331747
Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)	Selesema Burung
2332600	8984777
	8985777

BILANGAN 51

RABU 19 DISEMBER 2007 / 1428 رابو 9 ذوالحجة

PERCUMA

RASA gementar tidak dapat dielak daripada menyelubungi perasaan sebahagian kanak-kanak yang mengikuti sesi berkhatan di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) sebagai persediaan agar mereka tidak takut melangkah ke alam remaja.

Namun setelah berkhatan selesai, rasa sakit pada awalnya bertukar menjadi gembira apabila sudah mulai bergelar remaja, lebih-lebih lagi bersama-sama rakan-rakan sebaya mereka memberi semangat agar menghilangkan takut dan keseronokan melangkah ke alam remaja bersama kawan-kawan.

Bagi Awang Mohd. Haziq bin Mohd. Bakri, 10 tahun, yang turut berkhatan ketika ditemui oleh wakil PELITA BRUNEI (PB) baru-baru ini, mengakui beliau tidak dapat menyembunyikan rasa gementar bukan sahaja ketika hendak berkhatan tetapi perasaan selepasnya.

Murid Sekolah Rendah Danau, Tutong berkata, dia berasa gementar sedikit kerana akan menghadapi 'zaman remaja'nya.

"Saya rasa sedikit gementar tetapi gembira apabila berpeluang mengikuti berkhatan di Hospital RIPAS, katanya ketika ditemui.

Menurutnya, meskipun berperasaan takut, tetapi apabila melihat rakan sebaya dengan menyertai sesi berkhatan bagi kanak-kanak yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan pada musim cuti sekolah rasa takut dapat dihilangkan.

Perasaan Awang Mohd. Haziq juga dikongsi bersama oleh Mohd. Azri bin Haji Jeffry, 8 tahun, yang turut merasa gementar untuk berkhatan, walau bagaimanapun perasaannya dapat ditenangkan oleh sepupunya, Awang Mohd. Syazwan bin Midon, 9 tahun, yang sudah berkhatan pada dua tahun yang lalu di Hospital RIPAS.

"Pada mulanya saya rasa takut untuk berkhatan tetapi apabila melihat ramai kawan sebaya turut menyertai sesi berkhatan itu maka perasaan itu hilang dan timbul pula rasa seronok," kata Awang Muhammad Azri lagi.

Sementara Awangku Md. Habibi bin Pengiran Amir Md. Jaffri, 8 tahun, juga berasa sedikit gembira dan gementar.

Wakil PB meninjau juga suasana kesibukan di bilik pembedahan bagi sesi berkhatan di Hospital RIPAS, dengan melihat pelbagai kerehan sedih, takut dan suka dari anak-anak. Mereka ditemani oleh ibu bapa dan penjaga dengan mengambil peluang untuk memanfaatkan musim cuti persekolahan bagi mengikuti sesi berkhatan.

Menurut Pegawai Perubatan Bahagian Berkhatan, Pengiran Haji Sahari bin Pengiran Haji Sabtu yang berpengalaman lebih 20 tahun bahawa kanak-kanak yang mendaftar bagi menjalani sesi berkhatan di hospital seluruh negara ialah 2,028 orang.

Bagi sesi kali ini hanya bermula pada 29 November lepas dan berakhir pada 26 Disember ini.

BERKHATAN MENURUT ISLAM

Menurut Jabatan Mufti Kerajaan, berkhatan ialah memotong selaput kulit yang menutupi kepala zakar lelaki atau memotong sedikit hujung daging yang ada di sebelah atas faraj perempuan.

Berkhatan termasuk di antara amalan-amalan yang telah disyariatkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala terhadap hamba-Nya. Ia adalah sebagai pelengkap fitrah yang telah dianugerahkan oleh Allah kepada mereka. Dalam hal ini Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya: "Fitrah (sifat semulajadi) itu lima perkara: Berkhatan, mencukur bulu ari-ari, menggunting misai, memotong kuku dan mencabut bulu ketiak." Seperti hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim.

Seperti mana yang tersebut dalam kitab Al-Majmu' dan kitab Hawasyi Tuhfah Al-Muhtaj, berkhatan itu wajib ke atas lelaki dan perempuan yang dilahirkan tanpa berkhatan. Ini ber-

dasarkan kepada firman Allah Subhanahu Wata'ala yang An-Nahl ayat 123 yang tafsirnya, "Kemudian Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad): Hendaklah engkau menurut agama Nabi Ibrahim, yang berdiri teguh di atas jalan yang benar."

Dalam ayat ini, Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam supaya mengikut ajaran-ajaran agama Nabi Ibrahim Alaihissalam dan di antara ajaran-ajaran Nabi Ibrahim Alaihissalam itu ialah berkhatan. Perkara ini jelas dikuatkan lagi dengan perbuatan Nabi Ibrahim Alaihissalam itu sendiri yang mengkhatakan dirinya pada masa umurnya 80 tahun, sebagaimana riwayat Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

Dari hadis riwayat Al-Bukhari yang maksudnya: "Berkhatan Nabi Ibrahim Alaihissalam ketika baginda berumur 80 tahun dengan alat qadum."

Dalam mengambil dalil dengan hadis ini, para ulama Syafi'e mengatakan bahawa jika berkhatan itu tidak wajib, nescaya tidaklah diharuskan membuka aurat ketika berkhatan dan tidaklah diharuskan tukang

Sesi berkhatan jadi pilihan di cuti persekolahan

Rencana Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

fatimah.noor@information.gov.bn
Foto : Haji Sahrin Haji Asmat

khatakan melihat aurat orang yang dikhatan, kerana kedua-duanya itu adalah haram. Jadi apabila kedua-dua yang diharamkan itu diharuskan bagi tujuan berkhatan, ini menunjukkan bahawa berkhatan itu hukumnya adalah wajib.

Asy-Syirazi, Al-Ghazali (kedua-duanya dari ulama Mazhab Asy-Syafi'e) dan sebahagian ulama pula berdalil dengan qiyas. Mereka mengatakan bahawa berkhatan itu ialah dengan memotong anggota yang sejahtera. Jika berkhatan itu tidak wajib, nescaya tidaklah boleh memotongnya (memotong selaput kulit zakar)

sebagaimana tidak boleh memotong jari, kerana tidak harus memotong anggota yang sejahtera melainkan jika kerana dijatuhkan qishash.

PERKHIDMATAN BERKHATAN

Ibu bapa atau penjaga khususnya rakyat Negara Brunei Darussalam yang berhajat untuk mendapatkan perkhidmatan berkhatan bagi anak-anak mereka bolehlah berhubung terus kepada pegawai-pegawai di Unit Berkhatan, Hospital RIPAS atau melalui talian telefon 2242424 sambungan 480.



PEGAWAI Perubatan Bahagian Berkhatan, Pengiran Haji Sahari bin Pengiran Haji Sabtu yang berpengalaman lebih 20 tahun dalam bidang berkhatan.



PARA jururawat yang bertugas ketika membawa seorang kanak-kanak yang hendak dikhatankan.



SUASANA di Unit Berkhatan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS). Gambar atas, para jururawat sedang mengkhatakan seorang kanak-kanak.



GAMBAR atas kiri, Awang Mohd. Azri bin Haji Jeffry, 8 tahun (kanan), rasa gementar pada mulanya. Parasaannya dapat ditenangkan oleh sepupunya, Awang Mohd. Syazwan bin Midon (9 tahun) yang sudah berkhatan. Sementara gambar atas tengah, Awangku Md. Habibi bin Pengiran Amir Md. Jaffri, 8 tahun, (dua dari kiri) bersama sepupu dan keluarganya bersedia untuk memasuki bilik berkhatan. Manakala gambar atas kanan, Awang Mohd. Haziq bin Mohd. Bakri 10 tahun, tidak dapat menyembunyikan rasa gementar, bukan sahaja ketika hendak berkhatan tetapi perasaan selepasnya. Kelihatan Muhd. Haziq berada di sisi seorang petugas di Unit Berkhatan.

SEBAGAIMANA biasa setiap kali datangnya 8 Mac setiap tahun Sambutan Hari Wanita Antarabangsa disambut dengan penuh kesedaran dan komitmen oleh wanita di seluruh dunia termasuk juga di Negara Brunei Darussalam.

Dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dayang Apsah binti Haji Abdul Majid, majlis yang penuh bermakna itu dihadiri oleh lebih 100 orang tetamu dari sektor kerajaan dan swasta bertempat di Hotel Orchid Garden, Berakas, Sabtu 24 Mac.

Sambutan tersebut dianjurkan oleh BAG Networks tajaan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA), Hotel Orchid Garden, Women Business Council dan Folec Communication.

Bertepatan dengan komitmen BAG Networks dalam Hari Wanita Antarabangsa merupakan sebagai pengiktirafan dan sokongan berterusan serta sumbangan kakitangan wanita di tempat kerja dan seumpamanya.

Sambutan bertepatan 'Pembangunan Masyarakat' itu menjurus kepada penyatuan, laluan, percambahan pemikiran dan kerjasama ke arah usaha memajukan kaum wanita, sambutan kali ini mengundang seorang penceramah untuk sama-sama mengongok pengalaman serta cabaran dalam kerjaya beliau, di samping sumbangan bantuan kemanusiaan di Malaysia serta membanters keganasan terhadap wanita.

Ceramah berkenaan disampaikan oleh Datuk Dr. Jemilah binti Haji Mahmood, President of Malaysian Relief Society (Mercy Malaysia).

Hari Wanita peringkat antarabangsa yang disambut pada 8 Mac setiap tahun mula diperkenalkan buat pertama kalinya pada 8 Mac 1975.

Ini ekoran penerimaan satu resolusi oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk kesemua negara anggota menganjurkan 'United Days for Women's Rights and International Peace'.

Pada tahun ini sambutan bertepatan 'Ending Impunity for Violence Against Women'.

Objektif Sambutan Hari Wanita Antarabangsa adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung isu-isu wanita sejagat serta peranan semua pihak dalam menghapuskan diskriminasi 'gender'.

Ia juga merupakan satu bentuk pengiktirafan terhadap sumbangan wanita selama ini terhadap pembangunan dan kesejahteraan keluarga, masyarakat, negara dan dunia.

Hari Wanita Antarabangsa merupakan instrument penting bagi membanters keganasan terhadap wanita serta berharap usaha BAG Networks yang diadakan dapat menyumbang kepada keberkesanan perlaksanaan dan merangsang semangat serta komitmen masyarakat dan pengusaha kecil dan sederhana (SME).

Penceramah tersebut turut mencadangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk membanters keganasan terhadap wanita.

Keganasan terhadap wanita merupakan satu bentuk pencabulan hak asasi manusia yang utama di dunia.

Antara bentuk keganasan ialah kecederaan dan trauma berterusan yang dialami mangsa. Malah kajian telah menunjukkan bahawa kegagalan menangani keganasan terhadap wanita mampu menjejaskan produktiviti

CERMIN KEHIDUPAN

Oleh : Tarif Haji Abd. Hamid



GAMBAR HIASAN ... Wanita perlu terus diberikan galakan supaya mereka terus berkreativiti dan membantu kaum lelaki menambah ekonomi keluarga.

Kaum lelaki boleh membantu BANTERAS KEGANASAN TERHADAP WANITA

KES-KES seperti sumbang mahram, mencabul kehormatan dan keganasan rumah tangga adalah di peringkat yang membimbangkan yang mana sepanjang tahun 2006, sebanyak 3,264 kes telah dilaporkan.

dan ekonomi negara serta membantutkan pembangunan.

Sungguhpun pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi memerangi keganasan terhadap wanita fenomena ini masih berterusan di negara ini.

Kes-kes seperti sumbang mahram, mencabul kehormatan dan keganasan rumah tangga adalah di peringkat yang membimbangkan yang mana sepanjang tahun 2006, sebanyak 3,264 kes telah dilaporkan. Malangnya, kes keganasan rumah tangga sering dianggap sebagai masalah peribadi dan mangsa mengalami penderitaan berterusan tanpa mendapat keprihatinan masyarakat.

Justeru, penulis turut yakin peranan kaum lelaki begitu penting dalam usaha memerangi keganasan terhadap wanita, terutamanya dalam usaha meningkatkan kesedaran kaum lelaki bahawa wanita sepatutnya dilindungi dan bukannya dikasari atau dijadikan sasaran untuk melepaskan hawa nafsu, marah dan kecewa.

dan ekonomi negara serta membantutkan pembangunan.

RENCANA

Pentingnya kemahiran atau ilmu pengetahuan dalam kehidupan

MANUSIA dijadikan sebagai khalifah bumi. Pengertian khalifah ialah manusia dijadikan sebagai pemimpin yang berkuasa untuk menegakkan nilai-nilai Islam bagi mewujudkan kesejahteraan.

Islam ialah cara hidup, kepercayaan yang mulia, kewajipan dan ibadah.

"Mencari rezeki yang halal itu adalah fardu." (Riwayat Abdullah Masud).

"Mencari rezeki yang halal itu adalah satu jihad." (Riwayat Ibnu Abbas).

"Sesungguhnya, sebaik-baik usaha itu adalah usaha yang dilakukan oleh seseorang dengan tangannya sendiri." (Musnad Imam Ahmad).

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah contoh peniaga profesional yang berjaya sebelum diangkat menjadi seorang Rasul. Rasulullah adalah peniaga yang pintar, cekap dan jujur. Rasulullah mula menceburkan diri dalam perniagaan sejak berusia 12 tahun dengan berdagang ke Syam (Syria) bersama-sama bapa saudaranya Abu Talib.

Menurut Habib Al-Baghda di dalam Al-Muhabbir dalam usia 24 tahun, Baginda adalah pedagang peringkat antarabangsa melibatkan import dan eksport. Baginda telah berniaga di peringkat antarabangsa melibatkan 13 bandar besar, antaranya ialah Aden, Sanaa dan Bahrain.

Seseorang yang ingin berjaya walau dalam apa bidang sekalipun, perlulah mempunyai dorongan yang tinggi untuk mendapatkan sesuatu yang lebih baik dan jarang dilakukan oleh orang lain.

Orang yang sukakan pencapaian tidak suka melakukan sesuatu kerja yang berulang-ulang tanpa perubahan, sentiasa memperbaiki cara dan mencari teknik-teknik baru bagi memudahkan dan menyiapkan kerja dalam masa yang singkat dengan hasil kerja yang lebih baik.

Terdapat banyak buku yang boleh dibaca, rancangan-ancangan televisyen dan radio yang boleh memajukan diri. Begitu juga kursus-kursus bagi kita menambah ilmu. Peluang-peluang untuk memajukan diri dan menambah pendapatan akan datang pada diri kita apa-

bila kita berpengetahuan dan juga berkemahiran.

Seseorang yang makan gaji boleh mencari pendapatan tambahan. Dalam sehari dengan masa empat jam amat sesuai untuk menghasilkan kerja yang bermutu tanpa gangguan agar minda dan fizikal dapat memberi sepenuh tumpuan terhadap apa yang dilakukan.

Sebagai contoh, seseorang ejen insurans menggunakan waktu petangnya untuk berjumpa para pelanggannya, seseorang peniaga pasar malam menggunakan waktu malamnya, begitu juga kepada seseorang penulis, tetapi seseorang penjual nasi lemak atau kuih-kuih akan menggunakan seawal paginya untuk menyediakan makanan dan menjual atau menghantarkan ke restoran untuk tempahan.

Dalam Islam, terdapat dua sebab utama perniagaan digalakkan:

1. Perniagaan memainkan peranan penting bagi memenuhi keperluan hidup manusia.

2. Perniagaan adalah merupakan sunnah Rasulullah.

Tambahkan kebolehan dan kemahiran diri. Belajarlah memandu kereta, memasak, menjahit, menggunakan komputer atau apa sahaja supaya nilai diri meningkat. Ini akan memudahkan mendapat pekerjaan yang baik atau memulakan sesuatu perniagaan.

Tujuan utama bekerja adalah untuk mencari rezeki dan memajukan diri, keluar-

ga, masyarakat umum, mahupun negara. Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud, "Barangsiapa bekerja untuk anak isterinya melalui jalan yang halal, maka bagi mereka pahala seperti orang yang berjihad di jalan Allah." (Riwayat Al-Bukhari).

Cara kerja berurusan ialah bersikap baik mampu memikul tanggungjawab dengan baik.

Pertama : Niat.

Niat umpama doa dan wawasan.

Kedua : Doa.

Amalan doa dalam kehidupan seharian.

Ketiga : Azam.

Tanamkan azam semangat untuk menjadi pekerja cemerlang demi bangsa dan negara.

Keempat : Ketetapan masa.

Masa memainkan peranan penting dalam mencapai sasaran.

Ada tiga ruang seseorang itu bagi menjadi dirinya cemerlang dalam kerja dan memberi manfaat kepada orang lain.

Pertama : Mempunyai berbagai-bagai pengetahuan.

Kedua : Kemahiran.

Ketiga : Mempunyai nilai-nilai diri yang positif.

Dalam hidup ini, yang penting ialah kebolehan menguruskan perbelanjaan. Adalah baik untuk meningkatkan penda-

patang, di samping berusaha menjimatkan perbelanjaan, kerana dengan itu, kita telah melakukan dua perkara yang bijak pada satu masa. Nilai diri, bergantung kepada ukuran sama ada berharta atau tidak. Itulah adab dunia. Bagi yang tidak berwang, mencari jalan agar kehidupan menjadi lebih baik, dari segi agama dan ekonomi.

Peluang datang dalam tiga bentuk iaitu:

1. Mengamalkan tabiat beramal cermat.
2. Mengurangkan perbelanjaan.
3. Menambah pendapatan.

Wang yang disimpan saja tanpa dilaburkan tidak mendatangkan keuntungan selain dari keuntungan berji-mat. Wang yang disimpan boleh digandakan jumlahnya. Dengan wang simpanan kita boleh melaburkan wang ke dalam perniagaan atau apa saja usaha yang dijalankan oleh orang lain dan kemudian mendapat hasil dengan cara membahagikan keuntungan yang didapati.

Adalah kaedah memerlukan kemahiran yang tinggi. Kesungguhan bekerja dan tumpuan masa. Apabila kita berternak, contohnya, jika kita memelihara lembu jantan dan lembu betina, peliharalah lebih banyak lembu betina dan baka (benih) yang baik, apabila ia mendapat anak dari baka (benih) yang baik, kita boleh menjualnya dengan harga yang lumayan dan kemudian membeli baka (benih) lembu yang lebih baik lagi. Dengan cara ini kita boleh menambah pendapatan kita.

Jika kita berani, selain dari menunggu hasil pertanian yang datang sekali sekala, kita boleh menyemai benih yang terbaik kemudian menjual dengan harga yang lumayan. Dengan cara ini juga kita boleh menambah pendapatan kita.

Kejayaan bukanlah seratus peratus daripada usaha diri kita, ia juga adalah kerana rahmat Allah. Kita patut tidak melupakan tanggungjawab kita untuk beribadat, berdoa dan bertawakal. Harta yang kita peroleh kita zakatkan dan sedekahkan. Dengan cara ini mudah-mudahan Allah akan membalas dengan mengurniakan rezeki yang melimpah-limpah kepada kita.

Dengan adanya guru yang membimbing dapatlah kita merasa yakin, percaya diri sendiri dan meningkat nilai diri dalam ilmu pengetahuan atau kemahiran bagi menambah ilmu, sumber pendapatan dan kemajuan diri sendiri dalam kehidupan masa kini dan akan datang.

RENCANA

SESLAPA BEKARIH BERISI MARIH

PENGENALAN

SIFAT-SIFAT terpuji orang Melayu yang diwarisi sejak zaman-berzaman termasuklah memiliki budi bahasa yang tinggi, suka menghormati orang, bersifat lemah lembut dan bertimbang rasa, banyak bersikap tolak ansur dalam pelbagai perkara dan bangsa-bangsa lain boleh hidup dengan aman damai dalam masyarakat bangsa Melayu tanpa sebarang ketakutan dan seumpamanya. Walau macam manapun, ada pihak cuba memperkotak-katikan keupayaan bangsa Melayu dalam menghadapi cabaran atau berada dalam era globalisasi. Bangsa Melayu seolah-olah terpinggir daripada perlumbaan manusia yang bertaraf 'world class' dan 'world value'. Dunia Melayu-Dunia Islam seakan-akan dianggap sinonim dengan 'kemunduran', 'sikap malas', 'tiada daya saing', 'tiada daya tahan' dan seumpamanya. Dan mereka seakan-akan hanya diiktiraf sebagai 'Malay World Value', atau bersifat 'Alam Nusantara' semata. Walaupun sudah ada pemimpin Melayu yang berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan pemimpin dunia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Mungkin kerana jumlahnya terlalu minimal. Berbanding bangsa-bangsa besar dunia, seperti Amerika Syarikat, Jepun, China dan Eropah. Sehingga ada di kalangan bangsa Melayu mengatakan: "Sebelum kita berkata let's go Global, kita kena periksa terlebih dahulu dalam dunia Melayu kita sendiri..."

Pada 4 hingga 7 Mei 1997, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengukuhkan Kongres Melayu Brunei Abad Ke 21 yang disempenakan dengan ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kali ke-13 yang bertepatan 'Kemajuan Ekonomi Teras Kesejahteraan'. Pandangan dan cadangan dalam kongres berkenaan merupakan deklarasi dan interpretasi pelan induk berbangsa dan bernegara dan langkah tindakan ke arah merealisasikan dalam pelbagai bidang, termasuk politik, ekonomi, sosial, pendidikan, agama, bangsa dan budaya sebagai pemacu ke arah peningkatan martabat Melayu Brunei dan 'survival' bangsa Melayu dalam abad ke 21 dan dapat direalisasikan semua tuntutan sosial ke arah menjadikan bangsa Melayu menjadi masyarakat penguat dan pencipta dan tidak lagi sepanjang hayat menjadi masyarakat pengguna semata-mata. Kongres itu sudah berlaku hampir sepuluh tahun. Apakah resolusi dan inti pati kertas-kertas kerja yang dibahas dan dibentangkan serta dibukukan itu telah menjadi realiti? Ataukah hanya tinggal kongres dan (Bangsa) 'Melayu Brunei' masih di takuk lama dan paling parah semakin 'naif' dan ketinggalan zaman.

Dunia Melayu juga perlu meletakkan golongan belia sebagai kumpulan sasaran yang perlu diberi keutamaan dalam proses pembinaan insan. Sayidina 'Ali Karamallahu wajhah pernah berkata: "Untuk melihat nasib umat di masa hadapan, perhatikanlah nasib para belianya hari ini." Hari ini, suatu fenomena yang melanda dunia Melayu Islam ialah belia-belia bermasalah itu menghadapi gejala sosial yang sama dan terbit dari jema-jema-jenama negatif yang hampir sama, seperti terjebak dengan najis dadah, pengangguran, mendewakan hiburan, kehilangan identiti dan hala tuju kehidupan dan sebagainya. Untuk ini, masyarakat Melayu Islam perlu membuat pendekatan dan pembaharuan yang berterusan dalam hal-hal seperti, pembaharuan tekad, iltizam, struktur dan anjakan paradigma. Analisis akhirnya akan terbentukkan sebuah masyarakat Melayu Islam yang canggi dan dinamis.

Untuk menjadi suatu masyarakat Melayu Islam yang canggi dan dinamik, ianya perlu mengambil pembaharuan tekad untuk kewujudannya yang lebih kukuh, inovatif lagi dihormati. Kewujudan itu sudah tentulah melalui sumbangan individu, sistem organisasi yang sistematik dan semangat kekitaan yang bersepadu.

Penghayatan budaya Melayu yang positif dan nilai-nilai Islam yang suci sahajalah yang akan dapat melahirkan insan Melayu Islam ke arah kejayaan dan kegemilangan. Masyarakat Islam dan Melayu telah memaparkan kecemerlangan dan kegemilangan itu sebelum mereka dijajah oleh kuasa asing. Untuk meraih kegemilangan silam, kita mestilah melepaskan diri daripada kongkongan set minda yang telah diprogramkan oleh penjajah. Kita mestilah kembali kepada ajaran Islam dan nilai-nilai luhur yang diwarisi daripada nenek moyang serta bersikap adaptasi yang bijaksana agar kita bersikap seperti 'ikan di lautan asin'. Walaupun mereka hidup dalam dunia air asin, kehidupan dan darah daging ikan tetap lemak manis dan nyaman. Tidak langsung terpengaruh dengan alam sekitar, sekali hayat dikandung badan. Inilah dikatakan hala tuju kehidupan. Apa pun cabaran dan pengaruh menerpa, kita tetap kita. Melayu tetap Melayu. Sebagaimana kata Laksamana Hang Tuah: "Takkan Melayu Hilang Di Dunia". Inilah namanya kepimpinan dan kepemimpinan yang tulen. Setiap individu mestilah membentukkan hala tuju diri dan kehidupannya. Sementara setiap pemimpin sewajarnya membawa hala tuju kepimpinan dan orang yang dipimpinnya ke arah yang sejahtera, harmoni dan mardaatillah.

MEMBASMI KEMISKINAN DIRI KEWAJIPAN FARDU 'AIN

Tema ulang tahun Hari Kebangsaan Ke-21 2005: 'Bersepadu Memperkasa Mandiri Bangsa' yang didasari oleh kata 'mandiri' yang perlu dikuatkan atau diperkasa ke suatu tahap kesatuan dalam 'esprit de corps' bangsa. Upaya itu mesti dilakukan secara bersepadu: di semua peringkat kehidupan dan khusus dalam bidang pendidikan di institusi-institusi pendidikan. Para belia perlu dibiasakan dengan sikap serta semangat mandiri agar mereka dapat merasakan nikmat hasil titik peluh membanting tulang sendiri di ladang-ladang, di sawah padi, melawan badai dan pukulan ombak di samudera.

SIRI I

DILEMA MELAYU

OLEH : UMMI SALMAH

Dengan berbekalkan semangat mandiri, mereka berupaya menguasai ICT dan tidak terus-menerus bertongkat kepada konsultant-konsultant asing. Adalah tidak cukup dengan cuma memiliki patriotisme yang membuak-buak; dengan gandingan semangat mandiri, semangat patriotik akan lebih bermakna, lebih kental, tahan tukul dalam persaingan kehidupan. Natijahnya, upaya memperkasa semangat mandiri secara bersepadu akan melahirkan bangsa mandiri yang tahan diuji zaman. Proses dan mekanisme untuk menyelesaikan permasalahan atau isu pengangguran di kalangan masyarakat dan bangsa Brunei, sebenarnya tidaklah dapat diungkai dan diselesaikan dalam sekelip mata atau masa sehari dua. Ia sudah pasti memerlukan proses dan mekanisme yang agak lama dan panjang.

Dan firman Allah Ta'ala lagi dalam Surah Al-'Asr ayat 1 - 3 yang tafsirnya: "Demikianlah, sesungguhnya manusia benar-benar berada dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh dan nasihat-menasihati supaya menaati kebenaran dan nasihat-menasihati supaya menetapi kesabaran."

'SET MINDA' POSITIF

Setiap insan dan individu masyarakat wajiblah memiliki set minda yang positif, berdaya saing dan maju. Bukannya minda yang sempit, rapuh dan negatif. Kebahagiaan dan kesesengsaraan, kecemasan dan ketenangan, hidup susah senang, hidup miskin dan kaya manusia sebenarnya adalah terbit daripada minda, hati dan dirinya sendiri. Sebenarnya dirinya sendirilah yang menentukan hala tuju dan untung nasib kehidupannya.

Suatu hari Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menziarahi seorang Arab desa yang sakit demam. Baginda menghiburkan dan membesarkan hati orang tersebut. Kata baginda, penyakit menjadi penawar dosa? Orang Arab desa itu menjawab: Namun itu demam yang mendidih, menimpa orang tua yang renta, untuk menyeretnya ke liang kubur! Mendengar keluhan orang tua itu, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam berkata: Kalau begitu, akan demikianlah jadinya!

Emerson (2005) berkata: "Beritahuilah kepada saya apa yang ada dalam minda seseorang, maka saya akan memberitahu awda siapa sebenarnya orang itu!"

Justeru itu, adalah jelas bahawa permasalahan masyarakat dan umat Melayu Islam masa kini adalah berpunca dari 'minda' dan fikiran mereka. Iaitu apa yang mereka 'fikirkan'. Nasib dan kehidupan mereka adalah berpunca daripada bagaimana mereka 'memikirkan' untung nasib mereka. Jika mereka berfikir 'hendak mengganggu selamanya' maka itulah yang akan terjadi. Jika memikirkan mereka hendak 'fikir dan miskin selama-lamanya' maka demikianlah akan terjadi. Sebagaimana ada beberapa kes penerima bantuan kebajikan dan zakat fakir miskin, seorang tua telah memohon untuk menjadi penerima 'asnaf fakir miskin' setiap tahun dan bantuan kebajikan daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat setiap bulan. Maka dapatlah bantuan dan dia tetap memohon setiap tahun dan setiap bulan sehingga ia meninggal dunia. Bantuan itu akan diwarisi oleh anaknya. Si anak pula akan mewariskan kepada anaknya (cucu si nenek). Bermakna tiga generasi telah menerima bantuan fakir miskin dan kebajikan daripada pihak kerajaan. Suatu persoalan yang menjadi persoalan ialah, kenapa sampai tiga keturunan? Tidakkah proses kehidupan tiga generasi itu melalui bidang pendidikan, pengalaman dan 'survival' hidup dapat merubah 'nasib' mereka? Ataukah mereka hanya berpeluk tubuh, merasakan bahawa bantuan seperti itu adalah suatu yang kekal, walhal hakikatnya adalah 'bersifat sementara', 'supplementary' atau 'complementary', iaitu sekadar membantu untuk meringankan beban kehidupan seharian, sementara mereka pula diharapkan dapat berusaha membela nasib sendiri dan menebus maruah diri dari belenggu kemiskinan.

Tetapi statistik penerima zakat dan bantuan kebajikan dari setahun ke setahun semakin meningkat dan membimbangkan kerana tergolong di dalamnya anak-anak muda yang masih sihat fizikal tetapi menjadi penganggur dan susah untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Mungkin mereka bekas penagih dadah. Masih juga berlegar pada 'fikir' dan 'pemikiran' kerana pengaruh najis dadah, fikiran mereka jadi rosak dan kacau-bilau. Fenomena memilih pekerjaan juga suatu isu yang tidak berkesudahan. Permasalahan sosial semakin kronik dan kompleks.

Kaisar Romawi, Marcus Aurelius, mengatakan hidup kita dibentuk oleh fikiran kita. Kalau kita memikirkan kebahagiaan, kita akan menikmati kebahagiaan. Kalau kita berfikir sedih, kita menjadi sedih. Kalau kita berfikir takut, kita akan menjadi takut dan penakut. Kalau kita memikirkan sakit, kita akan lekas jatuh sakit dan sakit berpanjangan dan seumpamanya.

Seseorang yang tumbuh kepercayaan terhadap dirinya tidak akan menoleh ke belakang dalam mengejar kehidupannya. Fikiran yang fokus akan menjadi faktor utama ke arah mendorong dan membangkitkan semangat serta harga dirinya.

Dale Carnegie ada mengisahkan tentang seorang pemuda yang diseksa oleh suatu penyakit. Kemudian dia meninggalkan kampung halamannya dan melancong ke negara-negara yang jauh dengan hasrat untuk mencari kesihatan. Ayahnya mengetahui keadaan penyakitnya, yang sebenarnya berpunca daripada gangguan saraf akibat perasaan cemas. Lalu ayahnya menulis sepucuk surat kepadanya. Isinya ialah: "Nak, kau berada 1,500 mil dari rumah, dan kau tidak merasakan perubahannya bukan? Aku tahu hal itu, sebab engkau membawa bersama penyakit yang sedang menimpa dirimu, iaitu dirimu sendiri! Tidak ada yang salah dalam tubuh dan jiwamu. Sebenarnya bukan keadaan itu yang membuatmu tersingkir. Sebenarnya, apa yang difikirkan seseorang, itulah yang akan dirasakannya. Apabila engkau menyedari kata-kata itu, anakku pulanglah! Engkau akan sembuh!"

Pemuda itu berkata: Surat ayah itu membuatku marah. Saya sangat marah dan memutuskan untuk tidak akan kembali pulang. Malam itu saya berjalan bersendirian menyusuri jalan. Di suatu jalan, saya temui se-

UNTUK menjadi suatu masyarakat Melayu Islam yang canggi dan dinamik, ianya perlu mengambil pembaharuan tekad untuk kewujudannya yang lebih kukuh, inovatif lagi dihormati. Kewujudan itu sudah tentulah melalui sumbangan individu, sistem organisasi yang sistematik dan semangat kekitaan yang bersepadu.

buah perhimpunan yang sedang diadakan ceramah. Kerana saya tidak mempunyai tujuan tertentu, maka saya langkahkan kaki saya ke situ untuk mendengarkan pidato motivasi yang sedang disampaikan. Tajuk pidato itu adalah: "Barangsiapa dapat menakluki dirinya sendiri, ia lebih perkas dari mereka yang menakluki sebuah kota."

Judul pidato itu ternyata sama dengan apa yang ditulis ayah dalam suratnya. Tiba-tiba otakku menjadi terang. Untuk pertama kalinya dalam hidupku serta dapat melihat diri sendiri dalam kebenaran. Yah, aku melihat diriku ingin merubah seluruh dunia dan segala apa yang ada di dalamnya, tetapi tidak mampu merubah diri sendiri!

Apa yang telah ditulis oleh Del Carnegie itu, sebenarnya terdapat dalam buku yang berjudul 'Khuluqul Islam'. Barang siapa yang mengenal dirinya maka ia akan mengenal Allah. Menemukan diri sendiri ialah satu usaha ke arah mencari diri. Siapa diri kita sebenarnya. Apakah kemampuan dan kelebihan yang kita miliki. Adakah wujud kepercayaan pada diri sendiri.

Banyak cara untuk menemukan diri sendiri dan keperibadian. Menemukan diri sendiri mampu mengenali diri sendiri. Dengan demikian kita dapat mengetahui erti hidup yang sebenarnya. Kita akan dapat mengukur kemampuan, pengetahuan dan kesedaran dengan orang lain. Apabila kita sudah menemukan jati diri yang sebenarnya, barulah melangkah pada prinsip menuju kejayaan.

Untuk menemukan diri sendiri dapat diawali dengan cara memerhatikan dan muhasabah peribadi sendiri. Jangan biarkan orang lain menentukan diri kita. Kitalah Boss diri sendiri. Bukan JOB (Just Obey Boss). Tetapi mempunyai karisma diri sendiri. Kita punya maruah diri. Kita bekerja semata-mata untuk mencari rezeki. Kita bekerja ikhlas kerana Allah. Bekerja untuk ibadah bukan kerana takut sesama hamba. William James pernah berkata: "Orang yang sungguh-sungguh sadar akan dirinya tentu mempunyai hubungan dengan kata hati 'aku' secara yang lebih luas. Dan hal ini dapat mendatangkan pengalaman untuk menyelamatkan diri dari kegagalan."

Ini suatu perkara yang telah terbukti kebenarannya. Firman Allah Ta'ala dalam Surah An-Nahl ayat 78 tafsirnya: "Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatu pun; dan Ia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran) supaya kamu bersyukur."

Albert Einstein berkata, "Unsur terkecil yang bertenaga besar pada manusia adalah penemuan dan pemahaman diri kerana dari sana semua cita-cita dapat dicapai." Kata-kata inilah yang telah memartabatkan namanya terkenal seluruh dunia. Apabila sudah berhasil menemukan dirinya, kemudian timbullah kemahuan yang diperkuat oleh sikap percaya kepada diri. Kehebatan pengaruh positif yang ditimbulkan dari penemuan dan pemahaman diri sendiri. Setelah kita boleh menerima dan menemukan jati diri yang sebenarnya, maka keyakinan pun akan terdetek.

Apabila sudah berjaya menemukan diri sendiri, kemudian dilanjutkan dengan memahami ciri-ciri khusus peribadi untuk mendorong dan mengembangkan kemampuannya untuk melakukan tindakan. Orang yang telah menemukan jati dirinya tidak mudah menerima hasutan orang lain yang bersifat negatif. Ia akan selalu bangkit dari kegagalan. Dia tidak akan menyerah diri sebelum menemukan hasrat dan cita-citanya. Dan Allah Ta'ala menjadikan manusia itu sebaik-baik insan sempurna dan 'khalifah' di muka bumi.

Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ra'd ayat 11, tafsirnya: "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri."

Bersambung

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, kita merasa bersyukur dan sangat beruntung kerana dilahirkan di dunia ini sebagai umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda telah membawa kita keluar dari kejahilan kepada jalan kebenaran yang berpandukan ajaran agama Islam. Jelas Baginda dalam menyebarkan ajaran agama Islam sangatlah besar. Baginda berkorban apa saja agar umatnya dapat hidup di jalan yang selamat di dunia dan di akhirat. Kerana itu kita hendaklah sentiasa mengasihi Baginda dan mentaati segala ajarannya. Sememangnya terdapat banyak cara bagaimana untuk menunjukkan kasih sayang dan ketaatan kita kepada Baginda, antaranya ialah dengan berselawat ke atas Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Ahzab ayat 56 tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya."

Sesungguhnya amalan berselawat kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sangatlah besar faedahnya dan manfaatnya kepada kita semua kerana sesiapa yang berselawat akan mendapat ganjaran yang begitu banyak.

Adapun di antara ganjaran yang telah dijanjikan itu ialah orang yang berselawat akan memprolehi limpahan rahmat yang banyak daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Berselawat dapat menghilangkan kesusahan dan kegundahan yang dialami oleh seseorang, bahkan doa mudah diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Berselawat juga adalah sebagai ganti sedekah bagi orang yang tidak mampu bersedekah, di samping mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

"Dari Anas bin Malik ia berkata sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, barangsiapa yang berselawat kepadaku dengan satu selawat, maka Allah berselawat kepadanya dengan sepuluh selawat dan dengan selawatnya itu juga Allah memberikan sepuluh kebaikan kepadanya dan menghapuskan sepuluh keburukan." (Riwayat Al-Imam An-Nasaie).

Selain itu bagi orang yang membaca selawat setiap pagi sepuluh kali dan waktu petang sepuluh kali, maka mereka akan mendapat syafaat dari Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di hari akhirat kelak. Manakala bagi orang yang berselawat sebanyak seratus kali, maka Allah Subhanahu Wata'ala akan melapangkan dadanya dan menerangkan hatinya.

Dalam kita mengamalkan selawat, terdapat adab yang perlu kita ketahui terutama apabila menyebut nama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam atau apabila mendengar orang lain menyebut nama Baginda. Adalah menjadi kebiasaan ulama salaf yang di antaranya ialah para ulama hadis, jika mereka menyebut atau mendengar nama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, mereka selalu berselawat dan bersalam kepada Baginda dengan lafaz Sallallahu Alaihi Wasallam atau Alaihissalatuwasallam.


Para ulama hadis telah berwasiat agar selalu berusaha untuk menjaga kedua lafaz tersebut secara sempurna kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda maksudnya:

"Dari Abi Hurairah Radiallahuanhu berkata, sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Hinanya seseorang yang ketika disebutkan namaku, dia tidak berselawat kepadaku." (Riwayat Al-Imam At-Termidzi).

Selain dari itu, kita juga dituntut untuk menyempurnakan selawat itu di dalam bidang penulisan. Adapun kesalahan yang selalu dilakukan ialah menulis dengan ringkas perkataan selawat itu dengan hanya menulis huruf S.A.W. sebagai ganti kepada Sallallahu Alaihi Wasallam.

"SESUNGGUHNYA Allah dan malaikat-Nya berselawat memberi segala penghormatan dan kebaikan kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab ayat 56.

JADIKAN SELAWAT AMALAN KEHIDUPAN HARIAN



DALAM kita mengamalkan selawat, terdapat adab yang perlu kita ketahui terutama apabila menyebut nama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam atau apabila mendengar orang lain menyebut nama Baginda. Adalah menjadi kebiasaan ulama salaf yang di antaranya ialah para ulama hadis, jika mereka menyebut atau mendengar nama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, mereka selalu berselawat dan bersalam kepada Baginda dengan lafaz Sallallahu Alaihi Wasallam atau Alaihissalatuwasallam.

Kita hendaklah berusaha dengan melengkapkan selawat ketika menulis kerana ia bukanlah suatu perkara yang sukar.

Sesungguhnya kita digalakkan untuk berselawat pada bila-bila waktu di tempat-tempat yang sesuai. Namun terdapat beberapa waktu yang sangat dituntut untuk membaca selawat, antaranya setelah azan dilaungkan, ketika hendak masuk ke dalam masjid dan ketika hendak keluar daripadanya, ketika hendak melakukan sesuatu urusan penting, pada waktu malam hari Jumaat dan siang, ketika berziarah ke makam Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, ketika telinga berdengung, pada tiap-tiap kali mengadakan majlis, ketika ditimpa kesusahan dan keresahan dan juga ketika hendak berdoa iaitu pada permulaan doa dan pada akhirnya.

Sebagaimana yang kita telah ketahui bahawa berselawat tidak hanya terbatas pada waktu dan keadaan yang tertentu sahaja seperti di dalam sembahyang, ketika ber-

doa, di dalam majlis-majlis tertentu atau pada hari memperingati kelahiran Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam sahaja, akan tetapi hendaklah berselawat pada bila-bila masa dan ketika. Adalah merupakan suatu kerugian yang nyata jika sekiranya kita tidak menjadikan selawat itu sebagai amalan kehidupan kita seharian. Apatah lagi memandangkan banyak kelebihan yang boleh kita dapati dari selawat, maka sudah sepatutnya kita berusaha merebut kelebihan-kelebihan tersebut sebanyak mungkin. Jangan lupa juga ajarkanlah selawat kepada anak-anak supaya mereka juga terbiasa untuk berselawat.

Akhirnya sama-samalah kita berdoa

semoga dengan amalan selawat tersebut dapat menjadikan kita Muslim yang dikasihi Allah dan Rasul-Nya, serta sentiasa mendapat rahmat dan berkat dari Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin Ya Rabbal'alam.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab ayat 56 tafsirnya:

"Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat memberi segala penghormatan dan kebaikan kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya."

وقت سمبهيڠ، امساك، شوروڤ دان ضهر

وقت ۲ سمبهيڠ، امساك، شوروڤ دان ضحي باڳي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 9 ذوالحجه، 1428 برسامان دغن 19 دسيمبر، 2007 هيڠگ كهاري ثلاث، 15 ذوالحجه، 1428 برسامان دغن 25 دسيمبر، 2007 اداله سڤرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروڤ	ضحي	مسيحي
ذوالحجه									دسيمبر
9	12.19	3.40	6.13	7.27	4.49	4.59	6.21	6.47	19
10	12.19	3.41	6.13	7.28	4.49	4.59	6.22	6.47	20
11	12.19	3.41	6.14	7.28	4.50	5.00	6.22	6.48	21
12	12.20	3.42	6.14	7.29	4.50	5.00	6.23	6.48	22
13	12.20	3.42	6.15	7.29	4.51	5.01	6.23	6.49	23
14	12.21	3.43	6.15	7.30	4.51	5.01	6.24	6.49	24
15	12.21	3.43	6.16	2.30	4.53	5.02	6.24	6.50	25

وقت ۲ سمبهيڠ باڳي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڠ فرض جمعة دسلوروه نڠارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تڢهاري

Berkongsi binatang korban walaupun nilai berbeza

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

IBADAH korban merupakan suatu ibadah sunat yang sangat dituntut dalam Islam. Selain merupakan syiar serta peringatan kepada pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam, iaitu dengan menyembelih puteranya Nabi Ismail Alaihissalam, terdapat juga pelbagai fadilat serta ganjaran yang bakal diperolehi apabila melaksanakan ibadah ini.

Jika Hari Raya Aidilfitri merupakan hari kegembiraan bagi fakir miskin kerana menerima zakat, maka Hari Raya Aidiladha juga membawa kegembiraan serupa kerana memperoleh daging korban.

Di negara kita Hari Raya Aidiladha juga dikenali sebagai Raya Korban atau Raya Haji. Alhamdulillah kesedaran tentang kemuliaan dan keutamaan Hari Raya Aidiladha sudah semakin ketara. Di samping sambutan yang meriah, umat Islam di negara ini menyambutnya dengan melaksanakan ibadah korban.

Sering kali juga kita mendengar ahli keluarga berbincang sesama mereka untuk berkongsi binatang korban. Selain dengan niat untuk melakukan ibadah, bagi mereka ini, berkorban juga merupakan sebagai acara tahunan untuk berkumpul beramai-ramai pada hari tersebut serta mengeratkan lagi silaturahim dan memupuk sikap bergotong-royong. Apatah lagi penyembelihan binatang korban memerlukan tenaga yang ramai.

Kadangkala terjadi juga di mana dalam suatu keluarga itu mendapat kelahiran anak damit dan tidak berkesempatan melakukan aqiqah kerana kesempitan masa dan wang, maka tidak ketinggalan ingin turut sama melaksanakan aqiqah ketika Hari Raya Korban.

Malahan pada peringkat kampung atau jabatan, kadangkala persediaan untuk Majlis Korban sudah dibuat lebih awal lagi. Perancangan dibuat dari awal tahun dari segi mengatur acara majlis, menentukan hari, tarikh dan tempat berkorban, bahkan menubuhkan tabung kewangan bagi mereka yang bercadang untuk berkorban dan seumpamanya.

Perkara seumpama ini adalah bertepatan dengan kehendak syarak sebagaimana yang telah disebutkan dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala yang tafsirnya:

"Hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan untuk melakukan dosa (maksud) dan pencerobohan." (Surah Al-Maa'idah: 2).

Seperti mana yang lazim dilakukan, oleh kerana keadaan atau sebab-sebab tertentu, maka seseorang itu pada kebiasaannya akan berkongsi seekor lembu itu dengan individu lain. Apa yang sering kali terjadi ialah mereka yang ingin berkorban akan mencari individu lain yang juga mempunyai niat yang sama, dengan tanggapan bahawa perkongsian yang dilakukan dengan niat yang berbeza-beza di antara mereka adalah diragukan tidak dibenarkan oleh syarak. Apakah tanggapan ini benar?

Persoalannya apakah boleh dia berkongsi seekor lembu itu dengan yang lain, bahkan dengan niat yang berbeza-beza? Misalnya sebahagiannya berniat untuk berkorban dan sebahagiannya lagi berniat untuk aqiqah. Maka untuk menjawab persoalan ini, berikut akan dibawakan penerangannya secara ringkas.

HAD PERKONGSIAN BINATANG KORBAN

Adapun binatang yang boleh dijadikan korban adalah unta dan lembu atau seumpamanya seperti sapi dan kerbau, dan kambing atau seumpamanya. Memandangkan di negara kita binatang yang sering dijadikan korban adalah kambing, lembu (sapi) atau kerbau, maka perbincangan akan lebih menjurus kepada binatang yang telah disebutkan ini.

Maka had perkongsian binatang korban ini adalah berbeza seperti mana penjelasannya di bawah ini:

1. Kambing dan Seumpamanya

Seekor kambing sama ada tujuan menyembelihnya adalah untuk korban ataupun aqiqah, maka seekor kambing itu tidak boleh dibahagi atau dikongsi melainkan cuma satu bahagian sahaja.

Walaupun bagaimanapun harus berkongsi dengan orang lain dalam pahala berkorban dengan seekor binatang korban itu, kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menyembelih dua ekor kibasy dan Baginda berdoa yang maksudnya:

"Ya Allah! Mohon terima (korban) daripada Muhammad dan daripada keluarga Muhammad."

Maka dapat difahami bahawa seekor kambing itu hanya sah dibuat korban atau aqiqah untuk seorang sahaja, tidak boleh lebih daripada itu.

2. Unta dan Lembu dan Seumpamanya

Seperti yang telah disebutkan dalam kitab Fiqah bahawa seekor unta, lembu (sapi) atau kerbau itu boleh dikongsi oleh tujuh orang atau dibahagi kepada tujuh bahagian. Ini berdasarkan hadis daripada Jabir Radiallahuanhu katanya yang maksudnya:

"Kami telah menyembelih bersama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di Hudaibiyah seekor unta bagi tujuh orang dan seekor lembu bagi tujuh orang." (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

PERKONGSIAN BINATANG KORBAN DENGAN NIAT YANG BERBEZA

Menurut Imam An-Nawawi Rahimahullah bahawa perkongsian pada binatang korban yang dibenarkan, iaitu unta, lembu (sapi) dan kerbau, dengan niat yang berbeza-beza adalah dibolehkan. Beliau menyatakan dalam Kitab Al-Majmu' yang artinya:

"Boleh seekor unta, demikian juga lembu untuk tujuh orang, sama ada untuk sebuah ahli keluarga ataupun untuk beberapa ahli keluarga. Sama ada mereka itu melakukan korban dengan maksud yang sama ataupun berbeza, sama ada korban wajib atau sunat, atau sebahagian mereka hanya mahukan

daging. Harus juga kalau sebahagian mereka bermaksud melakukan korban dan sebahagiannya lagi bermaksud al-hadyu (binatang yang disembelih di tanah haram sebagai dam haji atau umrah)."

Secara ringkasnya diuraikan kata-kata Imam An-Nawawi Rahimahullah bahawa harus (dibolehkan) berkongsi unta, lembu (sapi) dan kerbau, iaitu:

1) Jumlah perkongsian paling maksima ialah tujuh bahagian, tidak lebih daripada itu. Adapun jika kurang daripada itu, umpamanya enam bahagian, maka itu juga dibolehkan. Maka termasuklah juga makna tujuh bahagian itu perkongsian antara tujuh orang di mana setiap seorang mengambil atau menerima satu per tujuh (1/7) bahagian unta, lembu (sapi) atau kerbau.

2) Sama ada dikongsikan tujuh bahagian itu dengan ahli keluarga sendiri ataupun orang lain. Ini berdasarkan hadis daripada Jabir Radiallahuanhu dia berkata yang maksudnya:

"Kami keluar bersama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam (dari Madinah) berniat untuk mengerjakan haji maka Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam menyuruh kami berkongsi pada unta dan lembu, setiap tujuh orang dari kami bagi seekor unta." (Hadis riwayat Muslim).

Dapat difahami daripada hadis di atas secara zahirnya mereka yang diperintahkan berkongsi pada unta dan lembu itu bukanlah berasal daripada satu keluarga yang sama.

3) Sama ada niat kesemua mereka yang berkongsi itu adalah:

a) Niat yang sama, seperti berkongsi lembu dengan niat untuk korban sahaja atau aqiqah sahaja.

Seperti mana yang telah diketahui bahawa dalam perkara aqiqah disunatkan untuk menyembelih dua ekor kambing bagi anak lelaki dan seekor kambing bagi anak perempuan. Maka seekor kambing itu menyamai satu per tujuh (1/7), iaitu satu bahagian daripada unta atau lembu. Oleh itu jika seekor unta atau lembu itu disembelih sebagai aqiqah bagi tujuh (7) orang anak atau jemaah seramai tujuh orang, maka itu adalah harus (dibolehkan).

b) Niat yang berbeza-beza, seperti:

* Sebahagian berniat korban, sebahagian yang lain berniat aqiqah dan sebahagian yang lain pula berkongsi hanya semata-mata kerana untuk mendapatkan dagingnya sahaja. Maka bagi setiap seorang daripada mereka seperti mana yang diniatkannya.

Begitu juga dalam perkara aqiqah, di mana sebahagiannya berkongsi dengan tujuan aqiqah dan sebahagian yang lain hanya semata-mata kerana untuk mendapatkan daging sahaja, maka hukumnya juga adalah harus (dibolehkan).



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

Bilangan 272

* Sebahagiannya berniat korban atau aqiqah wajib (kerana nazar), sementara sebahagian yang lain lagi berniat korban atau aqiqah sunat.

* Sebahagian mereka bermaksud melakukan korban dan sebahagiannya lagi bermaksud al-hadyu (binatang yang disembelih di tanah haram sebagai dam haji atau umrah).

Maka dengan penjelasan ini dapat dibuat kesimpulan bahawa hukum melakukan korban adalah sunat yang sangat dituntut bahkan adalah lebih afdal daripada bersedekah. Bahkan menurut Imam Asy-Syafi'e Rahimahullah bahawa beliau tidak memberi rukhsah (kelonggaran), bahkan makruh, untuk meninggalkan ibadah korban bagi mereka yang berkemampuan untuk melaksanakan korban.

Perkongsian binatang korban sering kali tidak dapat dielakkan misalnya disebabkan ketiadaan kambing maka seseorang itu berkongsi dengan yang lainnya pada seekor lembu atau perkongsian yang dilakukan untuk mencukupkan tujuh bahagian tersebut.

Maka seekor kambing itu hanya memadai untuk satu bahagian. Seekor kambing itu menyamai satu per tujuh (1/7), iaitu satu bahagian daripada unta atau lembu. Jumlah maksima perkongsian pada seekor unta, kerbau dan lembu itu adalah tujuh bahagian, adapun kurang daripada itu tidak mengapa.

Perbezaan niat tidak menjadi halangan kepada mereka yang ingin melakukan ibadah korban. Sekalipun mereka yang berkongsi binatang korban itu dengan niat yang berbeza, hukumnya adalah dibolehkan (harus).

WALLAHU'ALAM

IBADAT korban merupakan antara amalan yang amat disukai oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di mana Baginda sentiasa menggalakkan para sahabat Baginda melakukan ibadah korban. Ini memandangkan ibadah korban itu mempunyai banyak hikmah dan kelebihan yang memberi kebaikan kepada diri kita, agama dan masyarakat. Oleh yang demikian, sebagai umat Islam yang mampu sehanusnya mengambil iktibar terhadap galakan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada para sahabat Baginda.

Korban dari segi bahasa bererti dekat dan dari segi istilah syarak pula korban bererti mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan jalan menyembelih binatang dengan niat yang tertentu dan dalam waktu yang tertentu pula. Ibadat korban dilakukan pada Hari Raya Aidiladha atau pada hari-hari Tasriq iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijah. Menurut Mazhab Al-Imam Asy-Syafi'e hukum ibadah korban ialah sunat muakkadah dan haiwan yang hendak dikorbankan itu hendaklah terdiri daripada unta, lembu, kerbau, kambing dan biri-biri dengan syarat binatang atau haiwan yang hendak dikorbankan itu hendaklah selamat daripada aib yakni kecacatan mengikut hukum syarak.

Ibadat korban terbahagi kepada dua, iaitu korban nazar dan korban sunat. Menurut hukum syarak daging korban nazar wajib disedekahkan keseluruhannya, sementara daging korban sunat dilakukan seperti berikut :

1. Kesemua daging korban tersebut disedekahkan kepada fakir miskin dan bagi orang yang berkorban bolehlah mengambil sedikit sekadar beberapa suap untuk mengambil berkat dari korban tersebut.

2. Daging korban tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu satu pertiga disedekahkan kepada fakir miskin, satu per tiga dihadiahkan kepada umat Islam dan satu per tiga lagi untuk orang yang berkorban.

Sesungguhnya amalan ibadah korban itu mengandungi banyak fadilat dan kelebihan, antaranya :

1. Supaya kita sentiasa ingat terhadap kisah Nabi Ibrahim Alaihissalam yang telah diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala supaya menyembelih anaknya Nabi Ismail Alaihissalam sebagai korban dan Allah menggantikannya dengan seekor kibasy.

Kelebihan ibadat korban

2. Memupuk semangat prihatin dan peduli terhadap masyarakat sesama Islam khususnya golongan yang tidak berkemampuan iaitu fakir dan miskin dengan memberikan daging korban tersebut kepada mereka.

3. Sebagai tanda syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala terhadap nikmat-nikmat yang diturunkan-Nya kepada kita.

4. Menanamkan nilai-nilai murni yang digalakkan oleh Islam ke dalam jiwa seperti sifat belas kasihan, sikap penyayang, bekerjasama, suka menolong, bersedekah dan sebagainya.

Terdapat banyak hadis yang menyebut keutamaan dan kelebihan amalan ibadah korban tersebut, antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tirmidzi yang bermaksud :

"Dari 'Aisyah Radiallahuanha bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Tiada sesuatu amalan yang dikerjakan oleh anak Adam pada Hari Raya Haji yang lebih disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala daripada memupukkan darah. Bahawasanya ia (korban itu) datang pada Hari kiamat dengan tanduk-tanduknya, bulu-bulunya dan kuku-kukunya dan bahawasanya darah (korban itu) mendapat tempat yang mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala

sebelum darah itu tumpah ke bumi, oleh kerana itu hendaklah kamu berkorban dengan hati yang bersih."

Sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam lagi yang diriwayatkan oleh Al-Bazzar dan Ibn Hibban yang bermaksud :

"Wahai Fatimah! Berdirilah di sisi korbanmu dan saksikan ia, sesungguhnya titisan darahnya yang pertama itu pengampunan bagimu atas dosa-dosamu yang lalu."

Begitulah besarnya ganjaran kepada orang yang melakukan korban. Allah Subhanahu Wata'ala menjanjikan kebaikan kepada orang yang melakukannya dan menjadikan haiwan sembelihan itu sebagai tunggangan untuk meniti As-Sirat pada hari akhirat kelak.

Pada zahirnya, ia cuma pengorbanan seekor haiwan sembelihan, namun jika dikaji dengan teliti, ia adalah ujian Allah dalam melatih kita agar sentiasa bersedia untuk berkorban jiwa dan tenaga demi menegakkan agama Allah di muka bumi ini.

Selain dari itu, ibadah korban adalah ujian bagi melihat sejauh mana kita bersyukur nikmat kemewahan yang telah dikurniakan Allah. Kita harus sedar untuk mencapai suatu cita-cita memerlukan pengorbanan. Betapa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ketika hayat Baginda dan para sahabat sanggup mengorbankan harta, menggadaikan nyawa se-

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

mata-mata untuk mendaulatkan agama, inikan pula suatu amalan yang cuma untuk mengorbankan secebis harta demi untuk mensyukuri nikmat yang diterima.

Ingatlah setiap pengorbanan yang dilakukan hendaklah disertakan dengan niat dan amal ikhlas semata-mata kerana Allah. Seandainya ibadah korban yang kita lakukan dicemari dengan sifat riyak, takbur, membanggakan diri dan menunjukkan akan kemampuan, maka akan tertutuplah rahmat Allah dan nescaya sia-sialah ibadah korban yang dilakukan.

Dalam pada itu juga adalah diingatkan bahawa amalan yang berkebakikan seperti ibadah korban ini janganlah dicemari dengan unsur negatif, misalnya berebut-rebut ketika menerima daging aqiqah, bersikap tamak dengan mengambil hak orang lain hingga menimbulkan ketidakpuasan di kalangan penerima dan orang yang lebih layak untuk menerima sebahagian yang ditentukan oleh syarak dan akhirnya ia boleh menimbulkan pertelingkahan.

Manakala di pihak yang ditugaskan untuk mengurus penyembelihan, hendaklah menjalankan tugasnya dengan penuh amanah. Jagalah kepercayaan yang diberikan dan jadikan apa yang diamanahkan itu sebagai satu tanggungjawab dan kewajipan yang akan diperhitungkan pada hari akhirat nanti.

Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa semoga setiap amalan kebajikan yang kita lakukan termasuk amalan korban akan diterima dan mendapat ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Mampu meneroka perkara-perkara baru

TENAGA pemikir merupakan satu kemampuan seseorang yang lumrahnya bersifat suka kepada ciptaan Tuhan. Akan tetapi cuma segelintir orang sahaja yang suka berfikir ke arah kebaikan. Ini termasuk memikirkan hal ehwal negara ataupun hal-hal yang lain. Manakala angan-angan adalah satu impian atau hanya mimpi yang tidak akan tercapai. Ia lebih cenderung kepada perkara yang kosong dan mustahil untuk dicapai. Namun ramai orang suka kepada

angan-angan sehinggalah timbul gelaran, angan-angan Mat Jenin.

Oleh itu, kita seharusnya menyingkirkan jauh-jauh perangai suka berangan-angan ini. Seperti melontar batu ke laut dalam yang tidak akan timbul lagi. Bahkan kita adalah digalakkan untuk merubah arah hala tujuan kita kepada berfikir perkara yang berfaedah untuk melahirkan lebih ramai lagi tenaga pemikir yang dapat mencetuskan pemikiran paradigma. Tenaga pemikir ini

sudah setentunya disemai sedari usia yang awal lagi, seperti dari peringkat kanak-kanak lagi. Walau bagaimanapun, masih belum terlambat lagi untuk menanamnya dalam diri belia remaja.

Ini kerana belia remaja masih segar untuk dieksploitasi, insya-Allah usaha membangkitkan tenaga pemikir yang berjiwa waja dan mantap akan dapat terlaksana dan mendatangkan hasil. Cuba tanya diri kita. Kenapa tenaga pemikir

ini sangat berguna kepada negara sehinggalah ia menjadi agenda negara yang paling utama sekali?

Tidak lain tidak bukan, tenaga pemikir ini nantilah yang akan menerajui negara ke peringkat nasional dan antarabangsa. Kita tidak seharusnya terlalu ghairah untuk menjalankan pelan bagi melahirkan tenaga pemikir ini. Cukuplah menjalankannya perlahan-lahan sesuai dengan kemampuan kita sebagai sebuah negara yang berfalsafahkan Melayu Islam Beraja (MIB).

Tenaga pemikir juga mampu meneroka perkara-perkara baru yang meliputi semua aspek, sains, teknologi, ekonomi dan sebagainya. Usaha ke arah ini adalah lebih utama bukan hanya manis di mulut. Oleh itu, semua golongan masyarakat termasuklah pihak kerajaan, guru-guru, institusi pengajian tinggi dan institusi keluarga seharusnya menyokong hasrat murni negara ini dengan kita sendiri melibatkan diri dan menjadi tenaga pemikir!

Norsaidi bin Serail,
No. 29, Jalan 11, Kampong Perpindahan Lambak Kanan, BC 2915.
No. k/p : 01-043854.

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Melancong Dalam Negara Sendiri Tingkatkan Ekonomi dan Kuasa Beli'. Tarikh tutup 26 Disember 2007.

2. 'Masalah Remaja Bedudun Di Rumah'. Tarikh tutup 2 Januari 2008.

3. 'Utamakan Perbelanjaan Persekolahan Anak-anak'. Tarikh tutup 9 Januari 2008.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam,
jaafar.ibrahim @ information.gov.bn.
e-mel: pelita@brunet.bn

MINDA Pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Tenaga Pemikir Impian Negara'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Tenaga pemikir impian negara

DI DALAM era globalisasi dan teknologi yang serba canggih ini, negara amat memerlukan sumber tenaga manusia yang berwibawa atau dengan lebih tepat lagi tenaga pemikir yang berintegriti bagi menggerakkan kemajuan dan pembangunan negara. Tanpa tenaga pemikir yang memiliki kewibawaan, kepakaran, inovatif malah yang mempunyai etika kerja yang bersih dan pengamal rukun-rukun akhlak yang telah digariskan, mustahil pelaksanaan program pembangunan di pelbagai bidang akan berjalan dengan lebih mantap.

Kemantapan pelaksanaan sesuatu program itu sudah semestinya terletak pada tenaga pemikir yang mempunyai elemen-elemen yang telah disebutkan.

Ke arah itu, di era moden ini seharusnya diperbanyakkan pengambilan tenaga kerja tempatan bagi bidang profesional untuk berkhidmat dalam pengkhususan aset dan urusan niaga negara di luar negara. Pengambilan tenaga kerja tempatan yang kurang berkemahiran juga hendaklah diberikan perhatian kerana dengan meningkatnya kuantiti tenaga kerja, maka perkhidmatan dalam pengurusan negara ini akan berjalan dengan lebih lancar dan maju lagi.

Namun, tidak sesekali dinafikan bahawa usaha kerajaan menyediakan dana khas bagi memantapkan kualiti, daya saing, kepakaran dan kemahiran tenaga kerja tempatan dalam pelbagai sektor adalah sangat dihargai. Dengan wujudnya

usaha kerajaan yang berkeprihatinan itu, dapatlah diharapkan akan terlaksana beberapa program yang diungkuhkan oleh jabatan-jabatan kerajaan. Dengan kewujudan usaha kerajaan yang berkeprihatinan itu, dapatlah diharapkan akan terlaksananya beberapa program yang diungkuhkan oleh jabatan-jabatan kerajaan. Dengan kewujudan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) misalnya, membolehkan kakitangan awam membantu gerak kerja yang lebih efisien, cepat dan tepat malahan kreativiti kerja akan dapat diperkembangkan dengan jayanya. Begitu juga di sektor swasta, organisasi-organisasi dan orang-orang perundangan yang juga telah menikmati kemahiran da-

lam kecanggihan teknologi di era ini. Dengan adanya ICT tersebut, sudah semestinya negara tidak akan kehilangan tenaga pemikir yang berwibawa, berilmu, inovatif serta berintegriti.

Jelasnya, tenaga pemikir yang berwibawa adalah aset penting dalam pembangunan dan kemajuan negara. Dalam isu-isu politik, diplomasi ekonomi malahan kerjasama di peringkat antarabangsa sahaja tenaga manusia atau tenaga pemikir adalah pemangkin utama bagi menjayakan interaksi pelbagai forum yang diungkuhkan. Tanpa tenaga pemikir yang mempunyai elemen-elemen yang telah disebutkan itu, negara pasti akan berada jauh ke belakang dan mundur di mata dunia.

Justeru itu, bagi merea-

lisasikan harapan dan kemahuan negara seharusnya semua lapisan masyarakat dan warga kerja amnya haruslah menjadi tenaga pemikir yang berintegriti dan berwibawa yang merangkumi sifat-sifat kebaktian agar pembangunan dan kemajuan negara akan berterusan tanpa kekalahan. Jadikanlah kepercayaan dan kecintaan negara kita ini sebagai pendorong semangat kita bagi melahirkan tenaga-tenaga pemikir yang lebih berkualiti di masa hadapan.

Siti Jalia binti Haji Dullah,
No. 26, Simpang 59, Jalan A, Kampong Perpindahan Mentiri, Jalan Kota Batu, BU 2129.
No. k/p : 00-263451.

Tenaga pemikir pencetus perubahan

PARA ilmuwan dan pelajar adalah sumber budaya intelektual yang menjadi impian negara dalam meneruskan kesinambungan kegemilangan dalam mencorakkan masa depan negara.

Kepakaran-kepakaran yang dimiliki oleh golongan ilmuwan itu sudah tentu akan menjadi tonggak negara dalam mencari huraian-huraian praktikal mengenai isu-isu semasa sama ada berkaitan dengan isu sosial, kemasyarakatan dan isu-isu khusus mengenai ekonomi, kewangan, perubahan dan sebagainya.

Tenaga pemikir adalah pencetus perubahan dari 'revolusi mental'. Keperluan melahirkan tenaga pemikir merupakan hasrat negara dalam mencetus idea-idea yang bernas dan bersifat dinamik. Selain itu, mampu meramal dan berfikir ke hadapan serta berkesanggupan mencari penyelesaian terhadap beberapa isu masa kini. Tambahan lagi, mereka mampu menganalisa penemuan-penemuan baru.

Di era global, negara-negara maju berlumba-lumba melahirkan generasi pemikir yang berkualiti yang berminat membina tamadun pembangunan. Bukan itu saja, generasi-generasi pemikir mereka sekali gus berada di tahap profesional dan membanggakan.

"Beta sungguh mengingini sistem yang berjaya melahirkan tenaga-tenaga pemikir, demi keyakinan, jika kita ketandusan mereka itu, maka negara akan mengalami kelemahan-kelemahan yang ketara di semua sudut," titah baginda.

Para ilmuwan dan pelajar serta guru dan pakar pemikir merupakan generasi harapan dalam menyemai wawasan negara. Usaha-usaha mereka ini patut diberi dorongan serta sokongan. Tidak kiralah yang berupa buah fikiran mahupun berbentuk kewangan atau 'material'.

"Oleh itu, sampailah masanya kita memiliki 'tapak semeian' berupa Sistem Pendidikan : Menghasilkan Generasi Terpelajar Lagi Pemikir, Selaku Wawasan Kita Mengharungi Abad Ke 21 ini."

Demi menyahut titah baginda, di peringkat permulaan elok juga setiap kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan membentuk kumpulan pemikir masing-masing bagi merencana dan membantu jentera pengurusan kerajaan supaya lebih cekap, mantap dan berinovasi selaras dengan kepentingan globalisasi yang tentunya memerlukan perubahan. Walau bagaimanapun, norma-norma yang menjadi pegangan negara tidak akan ditinggalkan begitu saja malah ianya akan sentiasa diperbaiki dan diguna pakai mengikut kesesuaiannya.

Sudah tentu ianya mencabar minda, ketahanan daya berfikir serta cara bertindak. Ketiga-tiga elemen ini penting dalam membuat susulan dalam membantu kerajaan meminda setiap sesuatu itu dengan lebih sistematik dan terperinci. Kesemuanya dihasratkan oleh negara demi memberi idea-idea yang bermutu yang dapat memperincikan segala sesuatu itu dengan mengutarakan persoalan dan praktikal.

Golongan tenaga pemikir adalah menjadi impian negara untuk mencapai kegemilangan di masa mendatang. Biar pun jerih payah diharungi pada peringkat permulaannya, namun hasilnya akan dapat dituai di masa mendatang yang juga disaksikan dan dinikmati oleh anak bangsa kita sendiri.

Mohammed Sabri bin Sulaiman,
No. 3, Simpang 70-112, Kampong Batong, BH 2923.
No. k/p : 00-308726.

Belia didedahkan aktiviti keagamaan

KUALA BELAIT, Isnin, 10 Disember. - Seramai 69 belia masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara menyertai Perkhemahan Belia Masjid di Masjid Muhammad Jamalul Alam sempena cuti persekolahan penggal akhir tahun persekolahan.

PERKHEMAHAN Belia Masjid membentuk semangat kerjasama dan kesetiakawanan di kalangan para peserta (kiri).

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

Perkhemahan tiga hari anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Muhammad Jamalul Alam merupakan salah satu program tahunan yang diadakan setiap dua tahun sekali bertujuan bagi mengimarahkan masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat serta membiasakan belia-belie berjinak dengan masjid, di sam-

ping dapat mengeratkan silaturahim di antara satu sama lain.

Para belia yang menyertai perkhemahan tersebut berumur antara sepuluh hingga 18 tahun. Pihak penganjur telah menyusun pelbagai program keagamaan, kemasyarakatan dan sukan seperti ceramah dan kuliah umum, qiamullail, meng-

halusi fardu ain dan fardu kifayah, riadah, tadarus Al-Qur'an dan Ratib Al-Attas serta kempen membersihkan kawasan dalam dan luar masjid.

Melalui program tersebut para peserta dapat menimba pengetahuan dan pengalaman yang berguna, di samping menanamkan nilai-nilai serta membentuk akhlak mulia, membina semangat kerjasama dan kesetiakawanan di kalangan mereka.



REMAJA

ANJAKAN PARADIGMA BARU

OLEH : H. A. MANAP

HANYA tinggal dua minggu sahaja lagi kita akan melangkah ke kaki ke tahun baru Masihi. Semakin terasa kepada kita semakin jauh kita melangkah, maka semakin banyak pula tuntutan perubahan dan juga pergolakan semasa yang harus kita tempuhi. Mungkin ramai yang sudah membuat penilaian prestasi dan membuat sukatan tentang pencapaian dari perancangan yang telah dibuat dari awal tahun lalu dan dilaksanakan sepanjang tahun ini. Maknanya ini adalah tempoh membuat 'assessment' tentang sejauh mana sasaran yang menjadi tumpuan tercapai atau berapa banyak keuntungan yang diraih dari prestasi diri yang sudah kita laksanakan. Tentunya kita akan dapat menilai dan mengetahui hasil dari penilaian tersebut ada gambaran dan petunjuk yang akan menjadi sukut-sukat untuk kita melaksanakan strategi baru menjelang tahun baru nanti. Begitulah, sebaik mengetahui akan kedudukan dan hasil yang diperoleh sepanjang tahun ini, banyak 'adjustment' dan penyesuaian semula akan dilakukan. Langkah ini bagi menambahkan dan menggerakkan lagi setiap kegiatan dengan lebih proaktif. Namun berbeza dengan kehidupan seseorang individu remaja belia, ia tidak akan sama berlatar belakang senario awal tadi. Ada yang proaktif dalam menentukan destinasi, namun tidak kurang juga yang acuh tak acuh dan hanya mengharapkan yang cukup biarlah cukup, sampai masanya akan jadi segantang jua.

AKTIF BERUBAH

Golongan yang aktif dan bersiap untuk membuat sebarang perubahan dan penyesuaian semula akan lebih bertenaga merancang kehendak dan keperluannya. Ia akan bertindak secara dinamik dan proaktif untuk menjadikannya lebih dinamik dan cepat bertindak.

Pencapaian setahun akan dijadikan sebagai sukut-sukat sama ada ia mampu atau tidak menjangkakan paradigma kehidupannya. Kendatipun demikian jika berlaku sebarang kegagalan ia tidak akan menjadi halangan yang menyekat kemaraan bergerak dan bertindak. Pelbagai usaha dan pemikiran yang digembleng untuk

sebarang penyesuaian dapat berlaku dengan lebih tepat pada sasaran. Sebaliknya, bagi mereka yang tidak mengambil peduli kehidupan hari ini dan esok akan sama sahaja. Lalu yang mendarat tidak pun merangsang diri mereka untuk mengangkatnya kepada yang lebih menarik dan aktif. Golongan ini memerlukan sesuatu yang dapat menjadi penggerak dan pemangkin kehidupannya agar ia akan sentiasa dapat berfikir dengan lebih aktif dan dinamik. Semua orang dapat merasakan dari pelbagai peringkat dan lapisan kehidupan, bahawa apa yang kita lalui sekarang sudah tidak sama dengan yang pernah dilalui oleh generasi lama kita. Cabaran dan perubahan drastik yang berlaku tidak pernah menunggu kita, untuk menyatakan ketibaannya. Gelombang sentiasa bergelora dan kita yang berlayar di atas samudera inilah, yang akan menjadi penentu arah dan kemudian layar yang melalui gelora tersebut. Justeru untuk mengelakkan dari kapal karam di tengah samudera, ia perlu kepada kemahiran dan kecekapan. Kemahiran dan kecekapan inilah yang dapat memandu hala tuju bahtera kita dengan lebih terarah dan bermatlamat.

JANGAN MUDAH KALAH

Begitulah juga kehidupan yang kita lalui ini, sering kali kita akan disogokkan dengan pembaharuan yang selalunya berlaku di awal tahun. Pencapaian pula akan ditanya di penghujung tahun. Namun jarang kita mendengar agar kita sentiasa membuat analisis tentang pencapaian kita pada tahap atau sukut-sukat yang mempunyai kekerapan yang dekat. Ini kerana kita sudah ditanamkan dengan sikap tunggu dan lihat, setelah itu baru kita buat kajian dan nilai semula.

Namun orang di sekeliling kita yang bergerak aktif sentiasa membuat analisis pencapaian berdasarkan kekerapan yang munasabah. Inilah yang membantu mereka dapat menyediakan strategi yang lebih bersifat sedia menghadapi sebarang kemungkinan. Kesediaan mereka me-

rancang dan menganalisis ini memberikan peluang yang sangat baik untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan. Sebarang kegagalan atau kekecewaan dapat diatasi dengan secepatnya. Perancangan seperti ini banyak dilakukan oleh orang-orang yang berjaya di dalam kehidupannya. Inilah perancangan dan cara bertindak yang sangat dituntut di dalam kehidupan kita. Belia remaja perlu belajar untuk sentiasa menilai diri, menilai perbuatan, menilai pencapaian, menilai kebolehan, menyukai kemahiran dan pelbagai lagi yang menjurus kepada pembetulan segalanya. Sebagai golongan belia remaja yang dilahirkan dalam kelompok kekuatan beragama, rasanya kita tidak akan tersisih, jika kita mempunyai jiwa yang besar untuk berjaya. Orang-orang yang berjiwa besar adalah mereka yang sentiasa menganggap dirinya masih mendaki puncak yang tinggi semakin dekat dirasakan tetapi terlalu jauh untuk dicapai. Kerana kejauhan itulah mendorongnya untuk lebih tekun dan gigih berusaha. Kemas mengatur strategi dan bijak mengatur masa yang menjadi matlamat ialah menjadi insan yang berjaya dan berguna bersendikan kekuatan diri yang tidak mengenal erti kegagalan.

BERANI MENGORAK LANGKAH

Dari sinilah kita mesti bergerak mengorak langkah untuk terus memerhati dan mempelajari sebagai ilmu yang akan dijadikan sebagai kekuatan diri. Kita mesti kuat dan gigih mencorakkan perubahan agar kita mampu melahirkan sesuatu yang baru dan mampu mengangkat keupayaan kita ke tahap yang lebih luas dan berpengaruh.

Namun elemen-elemen kekuatan itu perlu menjadikan kita sebagai generasi yang mampu mewujudkan perubahan diri, masyarakat dan negara amnya. Kita mesti membina sebuah gagasan belia remaja yang mampu berperanan lebih dari apa yang orang lain fikirkan tentang kita. Justeru bila kita mahu membuktikan yang kita memiliki keupayaan sedemikian tiada lain yang menjadi inti patinya melainkan kita punya ilmu pengetahuan tinggi. Ketinggian ilmu penge-

tahuan inilah yang akan menjadi modal atau asas kita untuk mewujudkan senario baru. Senario inilah yang akan menjadikan kita lebih tereslah dan berwibawa dalam menentukan arus dan hala tuju kehidupan. Inilah nanti yang akan menjadikan anjakan paradigma yang kita lalui lebih bermakna dan menjadi teras yang kukuh untuk masa depan yang lebih cemerlang. Pandangan ke hadapan ini adalah perlu menjadi sumber aspirasi dan inspirasi untuk terus melihat bagaimana kita berperanan menyumbang ke arah khidmat yang cemerlang. Kita perlu menyedari tanggungjawab yang terpicul kepada diri kita bukan setakat menjadi pelaksana, akan tetapi ialah mencari jalan ke arah membina masyarakat yang dinamik dan proaktif.

BERUBAH

Kita perlu mewujudkan perubahan yang akan membawa implikasi baik sama ada dalam jangka pendek ataupun untuk jangka panjang ianya dilakukan. Inilah yang mahu kita wujudkan dalam arus perubahan masa kini, kita tidak boleh lambat dan perlahan dalam menanai dan meneliti langkah kita untuk berperanan. Apa yang kita inginkan hendaklah juga mampu menjana keupayaan tinggi, dalam bersaing membina tamadun bangsa. Penajaan tamadun sedemikian ini lah yang akan menjadi lambang kekuatan dan kejayaan cemerlang kita. Justeru yang paling tepat dan mampu digembleng ke arah ini ialah generasi belia remaja yang terasah dengan kemahiran tinggi dan bidang pendidikan yang seiring dengan kemajuan di sekeliling kita.

Kita mempunyai peluang yang amat luas ditambah lagi dengan pelbagai kemudahan yang disediakan. Keadaan ini sudah pasti akan dapat membantu dalam merealisasikan impian dan juga harapan kita ke arah pembinaan kecemerlangan diri yang diinginkan. Masa tidak boleh dilalaikan lagi kerana kerancakan orang di sekeliling kita ternyata begitu pantas dalam mewujudkan perubahan baru. Perubahan demi perubahan ini lah yang mesti kita manfaatkan sebagai landasan mencapai matlamat dan cita-cita membina generasi yang maju dan berdaya saing.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar 804 keluaran 2 Disember 2007, ialah :

Kuih Jit Manis.

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 806

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 806,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR 806

1. Apakah nama kuih tempatan ini?

Pemenang bagi Soalan Alai Pintar 804 keluaran 2 Disember 2007

Dk. Siti Nurul Sajidah binti Pg.
Kaharuddin,
Sekolah Rendah Lambak Kanan.
Umur : 7 tahun

Azimatul Aniqah binti Mohd. Sopian,
Sekolah Rendah Pulaie.
Umur : 11 tahun

Mohd. Adli Aiman bin Haji Mahari,
Sekolah PDS.
Umur : 7 tahun

AKUKU TIDAK AKU GILA

N

YATA Bakri Saleh telah menjadi mangsa keserakahan dan ketamakan insan yang tidak jujur dan ikhlas dalam mengunyahkan sebuah agensi yang kononnya berjalan di atas landasan yang diredai Allah. Sudahnya mendapat padah dan akhirnya menyusahkan semua orang yang terlibat. Itulah insan yang cuma ingin mengaut keuntungan dunia tanpa memperhitungkan kerugian di akhirat kelak.

Sudah lima tahun lebih Bakri Saleh menunggu, walaupun kocak ataupun riaknya belum kelihatan namun Bakri Saleh masih menyimpan harapan dan terus berharap, meskipun apa yang diharapkan itu tidak mungkin akan menjadi kenyataan. Bakri Saleh cuma dapat bersabar dan akan terus bersabar kerana dia tidak tahu pada siapa dia hendak mengadu bagi menyelesaikan masalah yang bukan saja bagi dirinya sendiri malah juga pada orang lain yang senasib dengannya.

Waktu yang begitu lama banyak merubah gaya hidup Bakri Saleh yang berperawakan panjang besar berusia lebih 62 tahun itu. Bakri Saleh sering kali berulang-alik ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dengan berpakaian kemas seperti seorang yang baru turun dari menunaikan ibadah haji ataupun umrah. Berserban dan berjubah serta berharum-haruman.

Setiap musim haji mahupun umrah, Bakri Saleh akan masuk di tengah-tengah keriuhan saudara-mara dan sahabat handai bagi mereka yang menghantar mahupun menyambut kembalinya tetamu-tetamu Allah itu. Sebahagian orang sudah masak dan lali dengan perlakuan Bakri Saleh ini.

"Cukuplah ayah lakukan semua itu, katakan saja bila ayah hendak ke Mekah, kami akan memberikan segala keperluan untuk ayah pergi." Anak-anak Bakri Saleh mengharapkan ayah mereka akan berubah.

"Ayah tidak mahu menyusahkan kamu, ayah mahu pergi dengan wang ayah sendiri." Jelas terukir garis-garis kesedihan di wajah Bakri Saleh.

Itulah Bakri Saleh seorang ayah yang tegas dan keras hati. Begitu tabah menerima segala dugaan dan cubaan. Walaupun anak-anaknya bersedia menghulurkan bantuan, tapi Bakri Saleh masih berkeras dan mahu menggunakan wangnya sendiri yang sudah lesap oleh insan yang tidak bertanggungjawab itu.

"Wang itu adalah wang halal dari titik peluh aku sendiri, aku percaya akan kembali juga padaku nanti," sedikit keluhan dari Bakri Saleh.

"Tidak bererti wang yang masuk ke tangan seorang penipu itu tidak halal Bakri, tapi agensi itu sudah berkubur tanpa nisan," simpati Kadir Ibrahim kawan Bakri Saleh.

"\$9,000.00 bukan sedikit Kadir ..."

"Apa pun kau ubahlah sikap kau macam ini."

"Tidak salah jika aku berpakaian begini ...!"

"Aku tau ... tapi jika kau berjalan ke hulu ke hilir berpakaian macam ini, nanti orang akan kata lain pula ..."

"Orang akan kata aku gila, jalan ke sana sini pakai jubah mengalahkan orang Arab, macam itu maksudmu ...?"

"Kau jangan cepat tersinggung Bakri ..."

"Aku tidak gila Kadir. Aku mengerjakan sembahyang fardu lima waktu, puasa di bulan Ramadan, mengeluarkan zakat fitrah dan bersembahyang Hari Raya ..."

Itulah yang sering berdetik dalam benak Bakri Saleh. Apa yang dikatakan oleh Kadir Ibrahim itu barangkali ada benarnya. Jika Bakri Saleh sendiri yang melihat orang lain seperti apa yang dilakukannya sekarang ini, Bakri Saleh juga akan beranggapan orang itu walau bukan gila, tapi tidak akan lari dari kurang satu per empat.

"Apakah aku ini benar-benar sudah gila ...!" Bakri Saleh menangkupkan kedua-dua belah tangannya dan kemudian menutup mukanya sambil beristighfar.

Bakri Saleh mahupun sesiapa belum menemukan jawapan itu. Anak-anaknya sudah berusaha dan beberapa kali membawa Bakri Saleh ke doktor, tapi jawabannya semua sama, Bakri Saleh sihat walafiat dan masih waras.

"Apakah kamu mahu ayah ini benar-benar gila ...?"

Remang juga bulu roma anak-anak Bakri Saleh apabila mendengar ayah mereka berkata begitu. Anak-anak Bakri Saleh diam tidak seorang pun yang berani angkat muka. Anak lelaki Bakri Saleh yang sulung memandang adik perempuannya, adik perempuannya pula menjeling adik lelakinya dan adik lelakinya melirik adik bongsu perempuannya. Mereka pandang-memandang. Mulut mereka bagai terkunci rapat, cuma mata mereka terkebil-kebil macam mata kucing berada di dalam gelap.

Apa pun helah dan dalih anak-anak Bakri Saleh semuanya tidak mampai, mereka tidak dapat berbuat apa-apa. Mereka terpaksa membiarkan saja perlakuan Bakri Saleh itu selagi tidak membahayakan orang lain, di samping berdoa semoga Allah memberikan petunjuk kepada ayah mereka.

"Kau dari mana ni Bakri ...?" Kadir Ibrahim semacam mengatil.


"Dari mana lagi kalau bukan dari airport ...!" Bakri Saleh menjawab selamba dan sempat melihat Kadir Ibrahim tersenyum.

Seperti lazimnya kedai minum yang berlambak di tepian jalan itu yang kebanyakannya dipelopori oleh orang India, di situ lah Bakri Saleh dan kawannya yang setia Kadir Ibrahim membasahi tekak sebelum pulang ke rumah. Macam biasa juga pelayan-pelayannya wanita 'Indon' itu menghidangkan minuman yang juga biasa tanpa diminta.

Bakri Saleh dan Kadir Ibrahim memang bersahabat baik sudah sekian lama. Kalau ada jodoh anak-anak, mereka akan menjadi besan pula nanti. Sebenarnya mereka berdua ini adalah bekas askar dan sama-sama bertugas di daerah Temburong sejak 1965 hingga pencen, walaupun mereka ini berasal dari daerah yang berlainan. Setelah pencen mereka sama-sama menetap di ibu negara.

"Kenapa kau senyum ...?"

BAKRI Saleh tidak mahu masyarakat akan menganggap dirinya gara-gara kehilangan wang ringgit. Walaupun wang ringgit itu terlalu mahal harganya. Siapa tidak sayang dengan wang ringgit tapi jika sudah macam itu jadinya, jalan terakhir hanya memulangkan semua itu kepada Allah Yang Maha Mengetahuinya.



OLEH : MAYA BRUNEI

ITULAH yang sering berdetik dalam benak Bakri Saleh. Apa yang dikatakan oleh Kadir Ibrahim itu barangkali ada benarnya. Jika Bakri Saleh sendiri yang melihat orang lain seperti apa yang dilakukannya sekarang ini, Bakri Saleh juga akan beranggapan orang itu walau bukan gila, tapi tidak akan lari dari kurang satu per empat.



"Bila kau nak berubah ni Bakri ..."

"Aku tidak ganggu orang, aku cuma suka-suka dan ingin melihat orang-orang yang pergi dan datang dari Tanah Suci itu dengan wajah yang berseri-seri ...!"

"Mereka itu kan tetamu-tetamu Allah ..."

"Kau tak teringinkah nak ke sana ...?" Bakri Saleh sengaja menebak Kadir Ibrahim dengan suaranya yang parau itu.

"Mana ada orang Islam yang tidak bercita-cita hendak ke sana," selamba jawab Kadir Ibrahim.

"Kalau macam itu kita sama-sama pergi tahun depan ...!" Bakri Saleh yakin.

"Betulkah kata kau ni Bakri ...?" Kadir Ibrahim seperti was-was.

"Apakah selama ini aku bercakap yang tidak betul ..., tempelak Bakri Saleh.

"Bukan pula macam tu ..., Kadir Ibrahim mengalah dan diam.

Akhirnya Bakri Saleh menyerahkan segala-galanya kepada Allah dan Bakri Saleh juga sedar pada apa yang selama ini dinantikannya tidak mungkin akan menjadi kenyataan. Bakri Saleh tidak mahu akibat perlakuannya seperti sekarang ini akan menyebabkan anak-anaknya merasa malu dan tertekan. Apa yang diharapkan Bakri Saleh moga Allah akan menggantikan kerugiannya itu dengan ganjaran yang paling besar.

"Maafkan ayah jika selama ini ayah membuatkan kamu merasa malu."

"Yang penting ayah sudah berubah, terima kasih ayah ...!" Bakri Saleh menundukkan kepalanya sambil

mengepal-gepal nasinya yang sejak tadi belum disuapnya. Tangan kirinya menyapu matanya yang sudah mula berair itu takut nanti menitik ke dalam pinggan.

Sejak itu Bakri Saleh sudah banyak berubah. Bakri Saleh cuma berbaju Melayu, berkain tajung dan bersongkok hitam jika hendak berjalan-jalan terutamanya ke masjid. Terasa juga hiba dan terharu hati anak-anak Bakri Saleh melihat perubahan ayah mereka itu.

"Kalau ayah nak pakai gamis pun tidak ada salahnya ayah ..., anak Bakri Saleh yang sulung cuba-cuba untuk menyelamatkan keadaan dan mengambil hati ayahnya.

Bakri Saleh diam dan akan melupakan segala apa yang berlaku termasuk wangnya yang sudah hangus tanpa api dan asap itu. Apa yang dikehendakinya sekarang adalah keterampilan *original* dirinya sebagai Bakri Saleh di mata masyarakat dan juga anak-anaknya.

Bakri Saleh tidak mahu masyarakat akan menganggap dirinya gila gara-gara kehilangan wang ringgit. Walaupun wang ringgit itu terlalu mahal harganya. Siapa tidak sayang dengan wang ringgit tapi jika sudah macam itu jadinya, jalan terakhir hanya memulangkan semua itu kepada Allah Yang Maha Mengetahuinya.

Sekarang Bakri Saleh tidak mengharapkan sangat sumbangan yang dihulurkan oleh anak-anaknya. Dengan lebihan wang pencennya setiap bulan dan pencen umurnya kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang berjumlah \$250.00 itu akan dikumpulkannya untuk menunaikan hasratnya yang terkandas itu.

Sekali lagi di luar ruang tiba di lapangan terbang itu penuh sesak oleh sanak saudara dan sahabat handai serta kawan-kawan yang menyambut kepulangan jemaah haji dari Tanah Suci.

Nasrul yang bertugas di lapangan terbang waktu itu mula mencari-cari seorang lelaki yang lengkap berpakaian Arab seperti biasanya di lapangan terbang itu. Nasrul melihat di celah-celah orang ramai yang mundur-mundur itu kalau-kalau ada terselit di situ. Lama Nasrul memerhatikannya tetapi lelaki itu tidak juga kelihatan.

Sekonyong Nasrul ternampak lelaki yang dicarinya itu lengkap berpakaian haji dengan wajah yang ceria dan berseri-seri berada di dalam ruang tiba sambil menyurung sebuah troli yang berisi dua buah beg dan gelen plastik putih yang setentunya air zamzam melintasi pegawai-pegawai kastam yang bertugas di situ dan keluar yang tidak lama kemudiannya terus dipeluk oleh kedua-dua orang anak perempuannya.



Diterbitkan dengan kerjasama
Dewan Bahasa dan Pustaka

ISTILAH PERGIGIAN : OPERATIF

BAHASA INGGERIS

crown form (dental)
crown fracture
crown former
cusp to fossa contact
cusp to marginal ridge
contact
cuspal contact
cuspal height
cuspal incline

cuspal interference
cuspal plane
cuspal protection
cuspal relationship
cutting instrument (dental)
deep carious lesion
dental wedge
dentine bridging
dentine pins
dentine smear layer
dentino-cemental junction
depth limiting cutting bur

depth orientation groove

desensitizing agent
desiccation of dentine
diamond bur
diamond disc
diamond wheel bur
direct pulp capping
discoid carver
distal proximal box
divergence angle
dove-tail
dovertail retention
dowel pin
electronic caries detector
enamel abrasion
enamel defect
enamel fracture
end cutting bur
erosion
etching
eugenol free dressing
excavator (dental)
extra-coronal preparation
extrinsic staining
feather edge
film thickness
finger rest
finishing bur
flame-shaped finishing
bur

flare
flat-fissure bur
fluoride therapy
foot driven engine
friction pin-locked
functional cusp
functional cusp bevel
gain access
gingival bevel
gingival crevice
gingival embrasure
gingival margin
gingival marginal trimmer

gingival retraction
gingival seat
glass slab
gold foil
gross caries
hand driven instrument
hand instrument
heat test
heavy bite
height of contour
high bite
hoe
home bleaching technique

BAHASA MELAYU

pembentuk korona
patah korona
pembentuk korona
sentuhan kusp ke fosa
sentuhan kusp ke batas
pinggir
sentuhan kusp
ketinggian kusp
condongan kusp/
cerunan kusp
gangguan kusp
satah kusp
perlindungan kusp
hubungan kusp
alat pemotong
lesi karies dalam
baji pergigian
jambatan dentin
pin dentin
lapisan lumur dentin
temuan dentino-simentum
bur pemotongan
kedalaman berhad
alur berorientasi
kedalaman

agen ketidakpekaan
kekeringan dentin
bur intan
cakera intan
bur roda intan
pelitupan pulpa langsung
pengukir diskoid
kotak proksimal distal
capahan; kecapahan
tanggam
retensi tanggam
pin dowel
pengesan karies elektronik
lelasan enamel
kecacatan enamel
patah enamel
bur pemotong di hujung
hakisan
punaran/pengetsaan
dressing bebas eugenol
pengekskavat
penyediaan luar-korona
penstaiman ekstrinsik
bentuk rencangan tirus
ketebalan saput filem
topangan jari
bur perapian
bur perapi berbentuk api

cakahan
bur fisur rata
terapi fluorida
enjin pacuan kaki
pin terkunci geseran
kusp berfungsi
serong kusp berfungsi
capaian akses
serong gingiva
krevis gingiva
embrasur gingiva
pinggir gingiva
pemangkas pinggir
gingiva

peretrakan gingiva
dudukan gingiva
slab kaca
kiri emas
karies melampau
alat pacuan tangan
alat tangan
ujian haba
gigitan kuat
ketinggian kontur
gigitan tinggi
hoe
teknik pelunturan

Bersambung

Halaman Puisi... Halaman Puisi...

SEKADAR DIPANDANG: KUBAH MASJID

Aduhai manusia yang pelalai
dajal diri makin sedekat-dekatnya
jahat-jahat lebar sayap merebak
payung penyelamat tertutup sekian rapat.

Lupa mahupun tidak sedarkan diri,
bahkan buat-buat lupa tiada bersalah
semoga aman tatkala masih bernyawa
melangkah berat menuju ke rumah Allah
yang agung balasannya dielakkan setia.

Derhaka kaki berat melangkah
mata meliar memantau penjuru
kubah yang terang kilauannya
yang disuluh dek hari terang siang
sejuk memandang ingin ke sana
halangan nafsu dan batasan fikiran
jadi halangan manusia beramal.

RANTAIAN HIDUP BERNYAWA

Hidup bernyawa
di penghujungnya ketentuan
hidup mati di dunia
seksa
kepayahan
kedukaan
ranjau hidup selama di dunia
penyambung nyawa bait-bait tiupan
malaikatul maut
menarik nyawa pengakhiran hidup
amalan biar jadi ketentuan
seksa senang hidup kelak
bakal warga syurga mahupun neraka
di akhirat.

A. R Nazirul Azfar

IKHLAS

Jika kita rebah
yang tinggal jangan mengelabah
di akhir perjalanan hidup
ketika nyawa di bumbunan dan ...
saat nazak
di dalam masa yang suntuk untuk bernafas
tak guna sesal-sesal lagi untuk ditingat
cemas dan semua keluarga di dalam
kekapungan
badan yang terbujur kaku terpaksa dihadapi
pada yang sihat juga sebaliknya.

Bersiap-siaplah
tidak siapa yang boleh melarikan diri
peralihan yang pasti beredar itu
bergilir-gilir demi seorang akan pergi
tanpa teman yang mengiringi
tatkala nyawa sudah melayang
putuslah segala pertalian insan, yang...
bergelar keluarga
hanya amalan juga yang seiring bersama
untuk diadili.

Sesungguhnya kematian itu menakutkan
dan mengerikan
itu yang akan dihadapi
manusia rugi, bila mempersiapkan hidup
yang sering melakukan kejahatan, dan ...
meleparkan fitnah yang tidak berasas
lambat bertaubat, tunggulah ...
pembalasan yang amat dahsyat dari-Nya.

Cuba bayangkan
nyawa yang terhenti
angin dan udara tiada lagi
air di jasad tidak berfungsi
sesesuk dirasa dari kaki yang tidak bermaya
angin dan air di badan tidak ada daya
maka panas bak neraka mula menerpa,
untuk ...
pada yang tidak beriman dan banyak dosa
ketika nyawa dirantap malaikat
terlantarlah jiwa raga
hanya yang tersisa
jasad yang terbaring
tinggal segala yang disayangi.

Wahai umat Muhammad
ertikanlah kehidupan ini
ia tidak lama dan tidak akan kekal
kita semua akan pergi menghadap Ilahi
seperti tumbangnya pokok yang rapuh
dimamah usia
sebelum terlambat, pintu taubat masih terbuka
hentikanlah mengadu domba dan dengki
khianat
segera beramal bertakwa dan ...

apa pun yang akan dilakukan
jangan segan silu dan malu
berbuat baik sesama makhluk
pasang telinga buka mata dan jangan
berat tulang
tolong-menolong membuat kebajikan
suka duka orang jangan diabaikan
bantu dengan ikhlas, lihatkan muka
Tuhan melindungi tiap orang yang
berbuat baik dan penyabar.

Haji Mat Noor Matussin

JANGAN KECEWA

Ketahuilah olehmu
kita hidup untuk mengabdikan
mengabdikan kepada Allah
mengabdikan kepada ibu bapa
mengabdikan kepada anak isteri
mengabdikan kepada masyarakat
mengabdikan kepada negara.

Sedarlah engkau
hidup ini adalah ketentuan Allah
hidup dan matimu
rezeki untukmu
jodoh untukmu justeru itu jangan kecewa
bila rezeki cuma secupak
jangan engkau sombong
bila rezeki lebih segantang.

Ingatlah engkau pada diri
kebahagiaan bukan terletak pada dunia
dunia hanyalah sebuah pinjaman
mereka yang miskin belum tentu derita
mereka yang kaya harta belum tentu bahagia.

Kegigihan dan usaha yang tidak

mengenal kecewa
adalah sebuah kebahagiaan
adalah sebuah kejayaan
adalah erti kenikmatan hidup
pun jua engkau jangan alpa
setiap orang punya kelebihan
semua orang punya kelemahan
janganlah kecewa dan berjauhi hati
jangan bongkak dan besar diri

Meski Allah sudah menentukan rezekimu
Allah juga telah berjanji
"Dia tidak akan mereformasi sesuatu kaum,
melainkan kaum itulah yang membuat
reformasi
ke atas kaumnya dan negaranya."

OH! KUASA

Jauh di lubuk hatiku
dahulu dia ternama
kerana 'kuasa'
katanya dipercayai
katanya dihormati
katanya dipatuhi.

Rupanya dia manusia
sama seperti aku
sama seperti engkau
kita sama kita
lebih kurang
apa bezanya?
Oh! KUASA.

Kini dia terbuang
berjalan mundur-mundur
orang memandang sinis
duduk dalam masjid
mencari keampunan
KUASA sudah hilang
nama tercemar
malu bukan kepalang
walau harta melimpah ruah
adalah makhluk bernama 'manusia'
lain kata bibir
lain kata hati
bibir dan hati
tidak lagi sehaluan
walau dalam satu jasad.

Haji Sulaiman Haji Duraman

CORETAN BUAT AYAH

Ayah,
satu nama yang tersemat indah di sanubari
lambang kekuatanku
pembakar semangat kentalku.

Ayah,
ketabahan dan kecekalanmu

melayani kerenah kami tiada bandingannya
mengajar dan mendidik kami
susah senang hidup di alam ciptaan-Nya
walau tiada ungkapan sayang
setiap kata kau titipkan
setiap amaran kau lontarkan
setiap amarah kau pamerkan
hanya kerana kasih sayangmu
buat anak tercinta.

Ayah,
kini kami mengerti
betapa tingginya nilaimu ayah
kesyukuran kami panjatkan dengan doa
pada-Nya
agar kekal bahagia, damai bersama
hanya qadad dan qadar pemisah segala
kasihku mekar buatmu.

SEGALANYA INDAH

Penantian demi penantian
ditempuhi penuh cabaran dan dugaan
tekin dan usaha teman setia
segala rintangan dipikul bersama
sedang asyik gurau senda
sedang puas gelak tawa
sedang berlumba mengejar ilmu
terjalin kemesraan antara kita
kita rakus dengan hidup berteman
hingga lupa akan perpisahan.

Perpisahan
pengertian yang amat perit
tiada siapa ingin menelannya
tapi ketabahan dan kesabaran
benteng teguhnya kasih sayang
sini kami hidup bagi sebuah keluarga
terlalu banyak ragam dan kerenahnya.

Keindahan di sini pasti menghantui
mimpi kelak
rindunya kita amarah dan nasihat
para kakak dan abang yang penuh prihatin
leteran guru-guru tersayang
senyum tawanya
jelingan manja
pengorbanan yang tak terhingga
tunjuk ajarnya dan teman suka duka.

Kini berkumpul kita di kali terakhir
menggoncang ketenangan
menghempas jiwa penuh kepiluan
tatapan kakak abang buat yang terakhir
perpisahan tiba kini
hanya linangan air mata
peneman langkah yang tidak bermaya.

SuRra

SIAPA DIA

Di suatu petang dalam perjalanan pulang
terserempak aku seorang lelaki
bergamis putih, jalannya memunduk
kain sahal di bahu, kepala bertengkolok
tasbih di jari bergilir legat
mulut terkumat-kamit terus berwirid
lagaknya bagaikan seorang ulama.

Wataknya memang hebat
berjanggut panjang dan lebat
keharuman baunya seribu bunga aku kaget
kami bersalaman, tangan berjabat
melafazkan selawat
dia mengajakku ke masjid memunaikan
Solat Asar sebelum terlewat
kekhusyukan terasa walaupun tertibnya cepat
doa dipanjat pendek sahaja "Allahumma ...
Rabbana a-tina fiddunya hasanataw wafil aakhirati hasanataw qina 'azabaan nar."

Selesai memanjatkan doa kepada Yang
Maha Esa
bergegas ia meminta bantuan dihantarkan
ke mana?
ke sebuah perkampungan mun jauh di sana
waktu malam sudah hampir
mengorak tirainya
perjalanan kami tidak terasa kejauhan
sampai saja di pekaran rumah itu
para jemaah sudah ramai menunggu.

Aku terpaku membisu
seribu persoalan berlegar-legar di kepalaku
siapaakah gerangan lelaki itu
aku un tidak tahu di mana tempat itu
lantas aku terjaga dari mimpiku.

Manis Aini



ستيايس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RTB 5 & 8

RABU 19 DISEMBER			SABTU 22 DISEMBER			SELASA 25 DISEMBER		
PAGI			PAGI			PAGI		
6.00	LAGU KEBANGSAAN	3.47	6.00	LAGU KEBANGSAAN	12.20	7.30	AZAN ISYAK	
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN	4.00	6.02	TILAWAH AL-QUR'AN	12.26	7.35	LINGKARAN IMAN	
6.15	MOTIVASI	5.00	6.15	MOTIVASI		8.00	BERITA NASIONAL	
6.30	BERITA TERKINI	5.45	6.30	BERITA TERKINI		8.45	BULETIN SUKAN	
6.35	PEDOMAN	6.00	6.35	PEDOMAN		9.00	AMERICA'S FUNNIEST HOME VIDEO	
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	6.13	7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung			WARNA WARNI	
9.00	BERITA	6.19	9.00	BERITA			NEWS AT 10	
10.00	RANCANGAN HARI INI	6.45	10.00	RANCANGAN HARI INI			LIGA SUPER MALAYSIA 2007/2008	
10.05	SANAY WALA NG WAKAS		10.15	CLASSIC ANIMATION			INVASION	
11.00	SEMBAHYANG HARI RAYA AIDILADHA DARI MEKAH		10.45	BACKYARD SCIENCE				
12.19	AZAN ZUHUR		11.15	KORBAN				
PETANG			PETANG			MALAM		
1.00	KAPAN KITA PACARAN LAGI		2.15	WORKING ANIMALS		7.00	TAHUKAH AWDA	
2.00	FINGER TIPS		2.45	FULL FORCE NATURE		7.29	AZAN ISYAK	
2.30	TAYANGAN GAMBAR KLASIK - 'Gurindam Jiwa'		3.15	STRONG MEDICINES		8.00	BERITA NASIONAL	
3.40	AZAN ASAR		3.42	AZAN ASAR		8.45	BULETIN SUKAN	
4.20	TRANSFORMERS : BEAST MACHINES		3.48	TAKBIR MUQAIYAT		9.00	RAHSIA PELANGI	
4.45	SKY DANCERS		4.00	LEGENDS ICONS & SUPERSTAR		10.00	NEWS AT 10	
5.15	DRAMA MOU (TV12) - 'Tak Seindah Lagu'		5.00	MAX STEEL		10.45	8 SIMPLE RULES	
5.45	BERITA		5.30	ACCORDING TO JIM		11.15	THE SCHOLAR	
6.13	AZAN MAGHRIB		6.14	BERITA		ISNIN 24 DISEMBER		
6.25	FINGER TIPS		6.20	AZAN MAGHRIB		12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT	
6.45	SIRAH NABAWIYAH		6.30	TAKBIR MUQAIYAT		PAGI		
MALAM			MALAM			PETANG		
7.00	LIPUTAN SEMASA		6.45	PEDOMAN AKIDAH		6.00	LAGU KEBANGSAAN	
7.27	AZAN ISYAK		7.00	DUNIA ASIA		6.02	TILAWAH AL-QUR'AN	
7.30	TITAH SEMPENA HARI RAYA AIDILADHA		7.29	AZAN ISYAK		6.15	MOTIVASI	
8.00	BERITA NASIONAL		7.33	TAKBIR MUQAIYAT		6.30	BERITA TERKINI	
8.45	BULETIN SUKAN		7.36	BODY AND SOUL		6.35	PEDOMAN	
9.00	TAKBIR HARI RAYA AIDILADHA		8.00	BERITA NASIONAL		7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	
9.45	TEATER KLASIK P. RAMLE - 'Dr. Rusdi'		8.45	BULETIN SUKAN		9.00	BERITA	
10.00	NEWS AT 10		9.00	DARI STUDIO SATU		10.00	RANCANGAN HARI INI	
11.15	BEWITCHED		10.00	NEWS AT 10		10.05	SANAY WALA NG WAKAS	
12.05	CSI		11.45	WAYANG PILIHAN - 'Tumbleweed'		11.00	JUST KIDDING THE CLASSICS	
12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT		12.15	JUST FOR LAUGHS GAGS		11.30	LIPUTAN SEMASA	
KHAMIS 20 DISEMBER			AHAD 23 DISEMBER			MALAM		
PAGI			PAGI			MALAM		
6.00	LAGU KEBANGSAAN		6.00	LAGU KEBANGSAAN		7.00	MY WIFE AND KIDS	
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN		6.02	TILAWAH AL-QUR'AN		7.30	AZAN ISYAK	
6.15	MOTIVASI		6.15	MOTIVASI		7.35	DOKUMENTARI MOU RTB/RTM	
Pengurus Lapangan Terbang, Kompleks Bangunan
Terminal, Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas,
Negara Brunei Darussalam dengan membawa Cop
Pengesahan Syarikat.
4. Pemborong hendaklah menyertakan salinan Sijil
Pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir syarikat
berkenaan seperti nama, nombor Kad Pengenalan
atau Nombor Pasport Pemilik.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam tidak semestinya menerima
tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

syarikat berdaftar yang berpengalaman dari segi rekaan
dalaman dan pembinaan booth dalam dan luar negeri
serta yang berpengalaman atau ada hubungan dengan
syarikat dalam perkhidmatan penghantaran barang-
barang pameran (seafreight) dan tawaran-tawaran hen-
daklah dialamatkan kepada :-

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Perindustrian dan
Sumber-Sumber Utama
Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan**

Dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang bertempat
di Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Perindustrian
dan Sumber-Sumber Utama, tidak lewat daripada tarikh
dan masa yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan
di atas.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan borang-borang tawaran
serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari
Bahagian Promosi dan Perkhidmatan Kemudahan,
Tingkat 3, Kementerian Perindustrian dan Sumber-
Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri
Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
3. Pembayaran yuran sebanyak \$ 50.00 hendaklah di-buat
di Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Tingkat 4,
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
pada waktu-waktu berikut :

Isnin - Khamis : 8.30 pagi - 11.30 pagi
: 2.00 petang - 3.00 petang
Sabtu : 8.30 pagi - 10.00 pagi

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggu-
nakan Borang Tawaran asal yang telah disediakan.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang
paling rendah atau sebarang tawaran.



**JABATAN
RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

BILANGAN TAWARAN : RTB/13/07

**PENGUBAHSUAIAN BILIK TINGKAT 4
BANGUNAN RTB LAMA**

Bayaran Tawaran : \$ 50.00 (tidak dikembalikan)
Tutup Tutup : 26 Disember 2007

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa kepada semua
pemborong-pemborong yang mempunyai sijil pendaf-
taran kontraktor, berdaftar dalam kelas III ke atas kategori
(4a) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan.
2. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut
boleh diperolehi dari Pejabat Jurutera Penguasa,
Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar
Seri Begawan BS 8610, Negara Brunei Darussalam
semasa waktu-waktu bekerja biasa dengan bayaran
sebanyak \$50.00 (tidak dikembalikan).
3. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sam-
pul surat biasa yang tertutup tanpa menunjukkan identiti
pembekal/pemborong. Bagaimanapun Bilangan Nombor
Rujukan Tawaran (Tender Reference No.) dan tarikh tutup
hendaklah ditulis dengan jelas.
4. Tarikh tutup ialah pada hari **Rabu, 26 Disember 2007,**
jam 2.00 petang.
5. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan kepada :-

**Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat,
Jalan Elizabeth II,
Bandar Seri Begawan BS8610,
Negara Brunei Darussalam.**

Dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran,
Jabatan Perdana Menteri, Tingkat 1, Bangunan
Sekretariat.

6. Tawaran-tawaran yang terima lewat dari tarikh dan masa
yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
7. Kerajaan kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang
paling rendah atau sebarang tawaran.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Syarat-syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau Dokumen Tawaran).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen Tawaran boleh dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, (Bilangan Tawaran yang di mulai dengan huruf "JKR/DBSKB.....") boleh dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Simpang 20, Jalan Singa Menter, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.
5. Yuran Tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana jua kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.
6. Sebelum Dokumen-dokumen Tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar Yuran Tawaran.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran terendah atau lain-lain tawaran.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III, IV & V di bawah Kategori 5j & 7a sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari **Isnin, 31 Disember 2007**. Tarikh tutup tawaran hari **Selasa, 15 Januari 2008** hingga jam 2.00 petang. BIL: JKR/DTS/62/BPB/2007 - CADANGAN SEKOLAH MENENGAH TANJONG MAYA - AIR CONDITIONING AND VENTILATION SERVICES (NSC). No. Projek : BPB/5551.20. Jumlah Yuran Tawaran : \$250.00. (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III (II, III & IV) Kategori 1 atau 4(d) sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari **Sabtu, 5 Januari 2008**. Tarikh tutup tawaran hari **Selasa, 8 Januari 2008** hingga jam 2.00 petang.

BIL: JKR/DDS 019/2007 (CDE) - T. III - KONTRAK PENGALAN (2008 - 2010) PEMELIHARAAN TAKUNGAN AIR DI KAWASAN TAMAN SUNGAI BERIBAN, KAMPONG RIMBA, GADONG. Nombor Projek : 07/DDS(CDE)/B02970. Yuran Dokumen : \$25.00. Yuran Tawaran : \$25.00. Jumlah Yuran Tawaran : \$50.00. (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III, IV, V & VI di bawah Kategori 6f & 6g sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari **Isnin, 24 Disember 2007**. Tarikh tutup tawaran hari **Selasa, 8 Januari 2008** hingga jam 2.00 petang. BIL: JKR/DTS/59/BPB/2007 - PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN PERALATAN LAMPU BAGI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA - (DIRECT CONTRACT). Nombor Projek : BPB/5802.10. Jumlah Yuran Tawaran : \$25.00. (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas IV & V di bawah kategori 2 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari **Selasa, 8 Januari 2008**. Tarikh tutup tawaran hari **Selasa, 22 Januari 2008** jam 2.00 petang.

BIL: JKR/DBSEB 024/2007 - MEMBINA TAMBAHAN SEKOLAH RENDAH BENDAHARA SAKAM, BUNUT. No. Projek : JKR/SEB/DBS 806/4307. Yuran Tawaran : \$250.00. (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III, IV & V di bawah Kategori 4a & 5g sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari **Isnin, 7 Januari 2008**. Tarikh tutup tawaran hari **Selasa, 22 Januari 2008** hingga jam 2.00 petang. BIL: JKR/DTS/60/SAR/2007 - T/IV - 'NON DESTRUCTIVE TESTING AND STRUCTURAL STRENGTHENING CUM REPAIRING WORKS FOR BSB WATERFRONT (WHARF AT OLD CUSTOMS HOUSE), BSB, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Nombor Projek : M741. Jumlah Yuran Tawaran : \$250.00. (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas I, II & III di bawah Kategori 1 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari **Isnin, 24 Disember 2007**. Tarikh tutup tawaran hari **Selasa, 8 Januari 2008** hingga jam 2.00 petang. BIL: JKR/DTS/61/BKT/2007 - T/II - PEMBINAAN STRUKTUR PENAHANAN BANGUNAN PUSAT LOGISTIK OBBD TEMBURONG. Nombor Projek : JKR/BKT/TEM/130. Jumlah Yuran Tawaran : \$25.00. (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas I, II & III di bawah Kategori 5g sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari **Sabtu, 15 Disember 2007**. Tarikh tutup tawaran hari **Selasa, 8 Januari 2008** hingga jam 2.00 petang. BIL: JKR/DTS/58/STE/2007 - T/II - MEMBAIKI KEROSAKAN STRUKTUR BANGUNAN/LIMBUNGAN POS KASTAM PERISIKKAN DAN PENCEGAHAN SUNGAI LAMPAI @ BANGUNAN PEJABAT. Jumlah Yuran Tawaran : \$25.00. (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II dan III di bawah kategori 4a sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari **Selasa, 18 Disember 2007**. Tarikh tutup tawaran hari **Selasa, 8 Januari 2008** jam 2.00 petang.

BIL: JKR/DBSKB 034/2007 - BANGUNAN TAMBAHAN MASJID KAMPONG LABI. No. Projek : DBS/921/0500. Yuran Tawaran : \$25.00. (Tidak dikembalikan). (Berserta Lukisan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas 'V' & 'VI' Kategori 2 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari **Selasa, 11 Disember 2007**. Tarikh tutup tawaran hari **Selasa, 8 Januari 2008** hingga jam 2.00 petang. BIL: JKR/DOD/13/2007 - MEMBINA KOMPLEKS PERIKANAN LAUT, MAKMAL PENGAWALAN MUTU DAN PEMEROSSESAN INDUSTRI PERIKANAN MUARA. Nombor Projek : JKR/DOD703/2501 pt.1. Jumlah Yuran Tawaran : \$1,000.00. (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II dan III di bawah kategori 2 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari **Selasa, 11 Disember 2008**. Tarikh tutup tawaran hari **Selasa, 8 Januari 2008** jam 2.00 petang.

BIL: JKR/DBSEB 023/2007 - UBAHSUAI BAGI KELAS B BLOK B '20' ANGGEREK DESA FLAT BERAKAS UNTUK CAWANGAN JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM JKR NO. 1508 (FASA 1). No. Projek : 2007DBSEB/KAS.01. Yuran Tawaran : \$25.00. (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas I, II, III, IV & V di bawah Kategori 6f, 6g, & 7a sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari **Isnin, 10 Disember 2007**. Tarikh tutup tawaran hari **Selasa, 4 Januari 2008** hingga jam 2.00 petang. BIL: JKR/DTS/57/BPB/2007 - PEMBEKALAN DAN KERJA-KERJA PEMASANGAN ALAT PAMANAS AIR BAGI

RUMAH-RUMAH KERAJAAN - (DIRECT CONTRACT). Nombor Projek : BPB/5796.30. Jumlah Yuran Tawaran : \$25.00. (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III, IV & V di bawah Kategori 5j sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari **Isnin, 10 Disember 2007**. Tarikh tutup tawaran hari **Selasa, 8 Januari 2008** hingga jam 2.00 petang. BIL: JKR/DTS/56/BPB/2007 - PEMBEKALAN SISTEM PENYAMAN DAN PENGALIH UDARA BANGUNAN SEKOLAH MENENGAH KAMPONG RIMBA II - (NOMINATED SUB-CONTRACT). Jumlah Yuran Tawaran : \$250.00. (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III (II, III & IV) Kategori 3, 4(g), 6(a), & 7 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari **Sabtu, 29 Disember 2007**. Tarikh tutup tawaran hari **Selasa, 8 Januari 2008** hingga jam 2.00 petang. BIL: JKR/DDS 017/2008 (SEW) - T. III - MENGENDALI DAN MEMELIHARA SISTEM TELEMETRI DI BAHAGIAN P E M B E - TUNGAN, JKR. Nombor Projek : 07/DDS(SEW)/B02970. Yuran Dokumen : \$25.00. Yuran Tawaran : \$25.00. Jumlah Yuran Tawaran : \$50.00. (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III (II, III & IV) Kategori 3 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari **Isnin, 29 Disember 2007**. Tarikh tutup tawaran hari **Selasa, 8 Januari 2008** hingga jam 2.00 petang. BIL: JKR/DDS 018/2008 (SEW) - T. III - MENGENDALI DAN MEMELIHARA LOJI RAWATAN KUMBAHAN MULAUT. Nombor Projek : 07/DDS(SEW)/B02970. Yuran Dokumen : \$25.00. Yuran Tawaran : \$25.00. Jumlah Yuran Tawaran : \$50.00. (Tidak dikembalikan).



**JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

BIL.	BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN TAWARAN
1.	GD/ADM/2/2007	TAWARAN PEMBELIAN PRINTING PLATE TERBUANG DI JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN

1. TAWARAN adalah dibukakan kepada semua pemborong yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan yang mempunyai perniagaan dalam pengendalian *printing plate* terbang.

2. Dokumen dan Borang Tawaran serta keterangan lanjut boleh dilihat diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 dengan membayar Yuran Tawaran sebanyak \$25.00 (tidak dikembalikan) bagi setiap tawaran pada setiap hari bekerja :-

Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.00 pagi
: 1.30 petang - 3.00 petang
Sabtu : 8.00 pagi - 10.30 pagi sahaja

3. Semua tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan Borang Tawaran yang telah disediakan.

4. Tawaran yang lengkap hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup tanpa menunjukkan nama dan identiti syarikat dengan menanda Bilangan Tawaran dan keterangan Tawaran secara berasingan dan ditujukan kepada:-

**Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.**

dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri di Tingkat I, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam.

5. Tarikh tutup tawaran ialah hari **Selasa, 8 Januari 2008** jam 2.00 petang.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

BILANGAN TAWARAN : JPI/20/2007

**TAJUK : THE DEVELOPMENT AND OPERATION OF
SHRIMP FARMS AT TELISAI FASA II AREA**

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan dan dialamatkan kepada:-

**Pengarah,
Jabatan Perikanan,
Kementerian Perindustrian
dan Sumber-Sumber Utama,
Tingkat III,
Bangunan Kementerian Perindustrian dan
Sumber-Sumber Utama,
Jalan Menteri Besar, BB3910,
Negara Brunei Darussalam.**

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa, 26 Februari 2008. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat:-

**TAWARAN BAGI
"THE DEVELOPMENT AND OPERATION OF SHRIMP
FARMS AT TELISAI FASA II AREA"
Bilangan Tawaran : JPI/20/2007
Tarikh Tutup: 26 Februari 2008
Jam Tutup: 2.00 petang**

4. Untuk penerangan lanjut dan bagi mendapatkan dokumen tawaran, pemohon-pemohon boleh menghubungi Seksyen Program dan Projek Perindustrian, Tingkat 3, Ibu Pejabat Jabatan Perikanan, Jalan Menteri Besar, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam di talian 2383067 Sambungan 2331, atau melayari laman web Jabatan Perikanan; www.fisheries.gov.bn. dan pembayaran dokumen tawaran di Tingkat I, Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perikanan, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Berakas, Negara Brunei Darussalam pada hari bekerja:-
Isnin - Khamis dan Sabtu. 8.00 pagi - 2.00 petang
5. Yuran tawaran sebanyak B\$ 100.00 bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran tidak munasabah.
7. Salinan dokumen-dokumen seperti Pendaftaran Perniagaan, Lesen Rampaian, Kad Pengenalan/Pasport dan Daftar Pemilik syarikat hendaklah disertakan semasa mengambil dan menghantar borang tawaran.
8. Dokumen-dokumen tawaran boleh didapati mulai 11 Oktober 2007 sehingga 10 Disember 2007.



**URUS SETIA HARI KEBANGSAAN
KE-24, TAHUN 2008
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

BILANGAN TAWARAN : 09/KKBS/HK24-2008

**PEMBEKALAN CENDERAMATA SEMPENA SAMBUTAN
ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN KE-24,
TAHUN 2008**

1. TAWARAN dibukakan kepada pemborong-pemborong/pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan mempunyai Sijil Pendaftaran Akta Nama-nama Perniagaan (Section 16 dan 17) yang sah.
2. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi ('sealed') dengan menyatakan tajuk tawaran yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dengan ditujukan kepada:

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan,
Bandar Seri Begawan BA1210,
Negara Brunei Darussalam.**

dan dihantar ke alamat di para tiga menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

3. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di Tingkat 1 (Ruang Legar Depan Kaunter Keselamatan), Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa 8 Januari 2008.
4. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada hari Khamis, 3 Januari 2008, jam 3.00 petang.
5. Yuran Tawaran adalah \$25.00 bagi setiap tawaran dan tidak akan dikembalikan kepada pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah ('bona-fide tender').
6. Dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Unit Kewangan, Tingkat 7, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN PELABUHAN
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

BILANGAN TAWARAN : JP/SH32/2007

**MEMBEKAL KASUT KAKITANGAN
JABATAN PELABUHAN**

1. SEBUT Harga ini dibukakan kepada Syarikat tempatan yang memiliki Sijil Pendaftaran Section 16 & 17 dan Lesen Rampaian yang dikeluarkan oleh Jabatan Bandaran dan Pejabat Daerah.
2. Pemborong hendaklah menyertakan jenis-jenis kasut dan jenama seperti dalam sebut harga tersebut atau yang sebanding dengannya.
3. Dokumen sebut harga boleh didapati di Bahagian Kejuruteraan, Jabatan Pelabuhan Muara, dengan bayaran sebanyak \$ 30.00 (tidak dikembalikan).
4. Tarikh terakhir mengambil/membeli dokumen sebut harga pada Sabtu, 22 Disember 2007 dan tarikh tutup penghantaran dokumen sebut harga pada hari Rabu, 26 Disember 2007, jam 2.00 petang.
5. Sebut harga hendaklah disimpan di dalam sampul surat yang tidak menyatakan nama syarikat atau logo syarikat.
6. Di Bahagian atas kiri sampul surat hendaklah ditulis JP/SH32/2007 "MEMBEKAL KASUT KAKITANGAN JABATAN PELABUHAN".
7. Sebut harga hendaklah dihantar dan dialamatkan kepada:-

**Pengerusi Sebut Harga
Jabatan Pelabuhan
Tingkat 2, Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Pelabuhan
Negara Brunei Darussalam.**

8. Dokumen sebut harga hendaklah dipastikan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga. Jabatan tidak akan bertanggungjawab jika ada sebut harga yang tidak diterima.
9. Jika harga sebut harga melebihi peruntukkan Jabatan berhak memotong mana-mana skop kerja yang disenaraikan 'Bills of Quantities' di dalam keterangan kerja tanpa perlu membuat sebut harga semula (requoteation).
10. Dokumen sebut harga ini akan dijadikan sebahagian dokumen perjanjian yang akan ditandatangani kedua-dua pihak iaitu pemborong dan kerajaan.
11. Syarikat yang berjaya tidak dibenarkan untuk memberikan sebarang hadiah sama ada berbentuk wang tunai atau barang yang berharga bagi tujuan memastikan syarikat berkenaan berjaya di dalam sebut harga ini.
12. Contoh jenis kain yang akan digunakan hendaklah disertakan semasa mengambil dokumen sebut harga.



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

JUALAN LELONG

ADALAH dengan ini, diberi notis bahawa Jualan Lelong barang-barang dan peralatan perkakas bomba akan diadakan pada hari, tarikh, masa dan tempat serta syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti berikut:-

Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar wang secara tunai dan memindahkan barang-barang Peralatan Pejabat dan Peralatan Perkakas Bomba yang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh perolehan tersebut.

KETERANGAN BARANG YANG AKAN DILELONG

BIL.	KETERANGAN BARANG	TARIKH/MASA/TEMPAT
1.	Kerusi Bermeja; Kerusi SXS - Visitor Arm Chair; Meja Snap Tank (Besi); Adjctor Pump; Control Dividing; SM 100 -H; Select Automatic; SM 10 Selet Automatic; Awang Nozzle; Torch Light; Tanga Double Extension 10.5 M; Tanga Lycon 13.5M; Stand Pipe; Key and Bar; Metal Steriner; Cable Tilor; Cone; Ubat Pemadam Api W/Co2; BCF 2.5 KG; Hazard Light; Fire Extinguisher Foam (Merah); Suction 6"; Suction 4 "; HOSE 2 1/2" (63mm); Life Jacket; Dam; Jumping Set No.5; Cartridge; 3 Way Coleting Head; Fire Extinguisher Foam (Tong Biru)	Hari Isnin, 7 Januari 2008 jam 9.00 pagi di Balai Bomba dan Penyelamat Tutong Operasi 'E' Daerah Tutong.
2.	Hose 38mm, Hose 38mm (Viking); Hose 63mm; Male/Female Coupling 38mm Male/Female Coupling (64mm) Batteri Kereta; Kerusi Marine Search Light; Pembesar Suara (Loud Hiler); Kerusi Plastik (Putih); Tilam; Indian Fire Pump (Snap Tank); Kereta Surung; Katil Kayu; RT Angle Torchlight.	Hari Selasa, 8 Januari 2008 jam 9.00 pagi di Balai Bomba dan Penyelamat Lamunin Opeasi 'E' Daerah Tutong

Bilangan Rujukan : KKW/Z/493/40 bertarikh 8 November 2007



**JABATAN
PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**MAINTENANCE SERVICES FOR THE ELECTRONIC
REGISTRY SYSTEM (e-REGISTRY) FOR THE RE
GISTRY OF TRADE MARKS, REGISTRY OF BUSINESS
NAMES AND REGISTRY OF COMPANIES AND RELAT-
ED SERVICES FOR THE ATTORNEY GENERAL'S
CHAMBERS**

**Tajuk Projek : Maintenance Services for the Electronic
Registry System (e-Registry) for the
Registry of Trade Marks, Registry of
Business Names and Registry of
Companies and Related Services for the
Attorney General's Chambers.**

**Tarikh Tutup : Hari Isnin, 7 Januari 2008, jam 2.00
petang**

Harga Dokumen : Tawaran \$ 50.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir mendapatkan Dokumen :

31 Disember 2007

Dokumen Tawaran boleh diperolehi dari : Tingkat Dua (2), Pejabat Peguam Negara, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah (Bangunan Baru) Negara Brunei Darussalam.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**BILANGAN TAWARAN : MINDEF/DFP/2007/Y/3014
SUPPLY OF TEAK WOOD A1 QUALITY.**

Bayaran Tawaran : \$30.00 (Tidak dikembalikan).

Syarat-syarat Tawaran :

A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 15 Januari 2008. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan, semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada 14 Januari 2008, hari Isnin, jam 10.00 pagi.

**BILANGAN TAWARAN : MINDEF/DFP/2007/Y/3015
SUPPLY OF PERSPEX.**

Bayaran Tawaran : \$30.00 (Tidak dikembalikan).

Syarat-syarat Tawaran :

A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 8 Januari 2008. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan, semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada 7 Januari 2008, hari Isnin, jam 10.00 pagi.

**BILANGAN TAWARAN : MINDEF/DFA/2007/T/3055
JPPK/LTN/69/2007
PROPOSED SURAU AT SEKOLAH RENDAH BERAKAS,
BERAKAS GARRISON.**

Bayaran Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan).
Bayaran Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan).
Kelas : III dan Ke atas.

Kategori : 2 & 4a
Tempoh Kontrak : Nine (9) months.

**BILANGAN TAWARAN : MINDEF/DFA/2007/T/3056
JPPK/LTN/74/2007**

**BANGUNAN KEMENTERIAN PERTAHANAN SUPPLY,
DELIVERY & INSTALL IN POSITION STORAGE COM-
PACTOR UNITS FOR TOWER AND OUTER BLOCKS.**

Bayaran Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan).
Bayaran Dokumen : \$25.00 (Tidak dikembalikan).
Kelas : III dan Ke atas.

Kategori : 6d
Tempoh Kontrak : Two and half (2 1/2) months.

Syarat-syarat Tawaran :

A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 8 Januari 2008. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan, semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada 4 Januari 2008, hari Jumaat, jam 10.30 pagi.

**BILANGAN TAWARAN : MINDEF/DFA/RC/22 VOL 11
ROYAL BRUNEI NAVY AND SPECIAL FORCE REGI-
MENT (SFR) CRAFT INSURANCE (ONE YEAR CON-
TRACT).**

Bayaran Tawaran : \$20.00 (Tidak dikembalikan).

Syarat-syarat Tawaran :

A) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 8 Januari 2008. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan, semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada 4 Januari 2008, hari Jumaat, jam 10.00 pagi.

a) Bayaran Tawaran 'Tender Fee' dan 'Document Fee' hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran :

Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi dan
: 2.00 petang - 3.30 petang.
Rabu : 8.00 pagi - 11.30 pagi
Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.
: 2.00 petang - 3.30 petang.



**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

BILANGAN TAWARAN : JPE/LTK/BP/090/2007

**'SUPPLY AND DELIVERY OF BATTERY (SAFT) FOR
MARK V DC SUPPLY AT GADONG POWER STATION'**

Tarikh tutup : 8 Januari 2008, hari Selasa jam 2.00 petang. Harga Dokumen : \$25.00 (tidak dikembalikan). Harga Tawaran : B\$100.00 (tidak dikembalikan). Tempat Tutup : "TENDER BOX", Lembaga Tawaran Kecil, Bahagian Tenaga, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat 5, Blok Unit Petroleum, Bangunan Bahirah, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam. Kelayakan : Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi salah satu kategori 6(f) & 6(g) dalam kelas II, III, IV, V dan VI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Kaunter Pengeluaran Dokumen, Tingkat Empat (4), Bahagian Perbekalan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

Perhatian : Sila bawa salinan Pendaftaran di Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen dari Bahagian Perbekalan, Tingkat Empat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

- b) Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
- c) Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
- d) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (non-bona-fide tender) dan tidak akan dilayan.
- e) Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.
- f) Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.
- g) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran itu seperti mana yang diiklankan.



**JABATAN
RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

RADIO Televisyen Brunei ingin mempelawa orang ramai terutamanya para penulis tanah air untuk menulis skrip drama bagi siaran di televisyen. Penyertaan ini dibuka untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk berkarya dan mencungkil bakat di dalam bidang penulisan skrip drama TV.

Penyertaan adalah dibahagikan kepada dua kategori :

- 1) Drama Bersiri - 30 minit X 13 episod
- 2) Drama Khas - 60 minit X 1 episod

Borang penyertaan boleh didapati di kaunter Penyambut Tetamu, Radio Televisyen Brunei.

Untuk mendapatkan maklumat, sila hubungi Setiausaha di talian 2236855 (Direct Line)/ 2243111 sambungan 221 semasa waktu pejabat.



**JABATAN ALAM SEKITAR
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

BILANGAN TAWARAN : JASTRE/BPDP/T18/2006

DIBUKAKAN kepada Pemborong-pemborong Seni Landskap di Negara Brunei Darussalam, Kelas II dan III. Kategori 5f sahaja.

Tarikh tutup pada : 8 Januari 2008 (Selasa) hingga jam 2.00 petang.

(Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam).

**"PEMELIHARAAN LANDSKAP BAGI KAWASAN TAMAN
REKREASI JUBLI ANDUKI SERIA, KUALA BELAIT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN".
- (TAWARAN SEMULA)**

No. Projek : JASTRE/ BPDP/ T18 / 2006
Jumlah Yuran Tawaran : B\$ 25.00



**JABATAN PERTANIAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

JPI/TAW/20/2007-2008

**THE ENGAGEMENT OF A CONSULTANT FOR THE
ESTABLISHMENT OF PLANT AND ANIMAL QUARANTINE
SERVICES AND FACILITIES IN BRUNEI DARUSSALAM.**

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan masukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Tingkat Bawah, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang, pada hari Selasa, 8 Januari 2008.

JPI/TAW/20/2007-2008

**THE ENGAGEMENT OF A CONSULTANT FOR THE
ESTABLISHMENT OF PLANT AND
ANIMAL QUARANTINE
SERVICES AND FACILITIES IN BRUNEI DARUSSALAM.**

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Pertanian Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Yuran Tawaran sebanyak B\$200.00 wang tunai bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.



WANG CENGKERAM (TENDER DEPOSIT) YANG BELUM DITUNTUT BAGI TAHUN 1997, 1998, 1999, DAN 2000
JABATAN BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

KENYATAAN TAWARAN

1. JABATAN Bandaran Bandar Seri Begawan masih menyimpan Wang Bayaran Cengkeram (Tender Deposit) yang belum dituntut bagi tahun 1997, 1998, 1999 dan 2000 seperti senarai Perseorangan dan Syarikat-syarikat yang disenaraikan di bawah.
2. Mereka yang berhajat hendak menuntut balik Bayaran Cengkeram tersebut bolehlah berbuat sedemikian dalam jangka masa 3 (tiga) bulan dari tarikh pengiklanan ini dikeluarkan.
3. Bayaran balik hanya akan dibuat kepada mereka yang berhak menerima bayaran tersebut dengan menghadapkan Resit Asal kepada Bahagian Kewangan Tingkat 5, Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan Bumiputera, Jalan Cator Bandar seri Begawan pada waktu-waktu pejabat dibuka.
4. Mana-mana Wang Cengkeram yang masih tidak dituntut selepas tempoh yang ditetapkan di atas berakhir maka akan dipindah milik ke Hasil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

TAHUN 1997

BIL.	NAMA RESIT NO	TARIKH	JUMLAH
1.	Sykt Hj Mohd Zam Zam & Anak	-	\$100.00
2.	Restoran Seri Zamrud	2923728 17/2/97	\$100.00
3.	Restoran Halina	2923729 17/2/97	\$100.00
4.	Farhana Aqidah Enterprise	2923725 17/2/97	\$100.00
5.	Perusahaan Shafinaz	2923732 18/2/97	\$100.00
6.	Indah Trading Company	2923797 05/3/97	\$200.00
7.	Md Zain Abdullah Contractor	2931572 20/5/97	\$100.00
8.	RRA Fushlana Service Company	2931575 21/5/97	\$100.00
9.	Nusantara Development Sdn Bhd	2931701 26/5/97	\$100.00
10.	Hytrad Marketing Sdn Bhd	2931714 27/5/97	\$100.00
11.	QA Tuan Services	2931742 03/6/97	\$100.00
12.	Hj Sofri Enterprise	2931743 03/6/97	\$100.00
13.	Hytec Engineering Co Sdn Bhd	2932432 25/6/97	\$200.00
14.	Dayang Damit dan Rakan2	2932460 01/7/97	\$200.00
15.	Chuan Hong Transport Co	2932472 02/7/97	\$200.00
16.	NAD Construction	3381509 07/7/97	\$200.00
17.	JHN Farm Sdn Bhd	2932457 01/7/97	\$100.00
18.	Syarikat Hijau Budiman	2932461 01/7/97	\$100.00
19.	Tunas Hijau Enterprise	2932463 01/7/97	\$100.00
20.	Syarikat Hasdu	2932496 07/7/97	\$100.00
21.	D B Bumiku	3381502 07/7/97	\$100.00
22.	Restoran Seri Zamrud	3383734 21/8/97	\$100.00
23.	Restoran Kenanga	3383744 18/8/97	\$100.00
24.	New Islamic Restaurant	3383938 26/8/97	\$100.00
25.	As Rohana Restaurant	3383738 25/8/97	\$100.00
26.	Abdul Salam Enterprise	3388482 11/11/97	\$100.00
27.	AKI Management & Marketing Services	3388493 18/11/97	\$100.00
28.	Hasja Enterprise	3388492 17/11/97	\$100.00
29.	Norhamika Enterprise	3388495 18/11/97	\$100.00
30.	Eork Perfect Development and Services	3759305 25/11/97	\$100.00
31.	Syarikat Hidayah Company	3388498 20/11/97	\$100.00
32.	Azzymie Company	3388500 22/11/97	\$100.00
33.	Syarikat Gaya Abadi	3388494 18/11/97	\$100.00
34.	JAF Jaya Management & System	3759306 25/11/97	\$100.00

TAHUN 1998

35.	Hariza Enterprise	3767874 02/3/98	\$200.00
36.	Kayu Wang Sdn Bhd	3767865 26/2/98	\$200.00
37.	Kamar Aswanzy	3767869 26/2/98	\$200.00
38.	Borneo Tan Chong Industrial Machinery	3765916 26/3/98	\$100.00
39.	Kim Lee Hong Motors Sdn Bhd	3765923 30/3/98	\$100.00
40.	Riza Fudhlana Enterprise & Trading Company	3765911 25/3/98	\$100.00
41.	Syarikat Jati Dabang	3765919 26/3/98	\$100.00
42.	Skt Awg Hj Mahmud bin Abu Bakar	3764096 23/3/98	\$100.00
43.	Riza Fudhlana Ent & Trading Co	3765912 25/3/98	\$100.00
44.	Hayamim Integrated Media	1103269 23/5/98	\$200.00
45.	Skt Awg Mohamad bin Moktar dan Anak-Anak	1103287 02/6/98	\$200.00
46.	Haji Adinin & Sons B Sdn	1221433 13/10/98	\$200.00
47.	Perusahaan Tomshima Jaya	1221446 15/10/98	\$200.00
48.	MCJ Sendirian Bhd	1221621 31/10/98	\$200.00
49.	Virgo Advertising	1221932 15/11/98	\$200.00
50.	Pronet Sendirian Bhd	1221938 18/11/98	\$200.00
51.	H.Y.Yusof Engineering & Services	1221947 21/11/98	\$200.00
52.	Pahatyc Sendirian Berhad	1221943 18/11/98	\$200.00
53.	Sunlit Advertising Sdn Bhd	1346323 12/12/98	\$200.00
54.	Luana Enterprise	1346326 14/12/98	\$200.00
55.	Avesta Printing & Trading Sdn Bhd	1346334 16/12/98	\$200.00
56.	Zaini Haji Sabtu	1346336 17/12/98	\$200.00
57.	Edaran Positif (B) Sdn Bhd	1346338 19/12/98	\$200.00
58.	Sunlit Advertising Sdn Bhd	1403455 06/2/98	\$200.00
59.	Cityneon Displays & Const Sdn Bhd	1403456 06/2/98	\$200.00
60.	Pronet Sendirian Berhad	1403475 11/2/98	\$200.00
61.	Auto Engineering Sdn Bhd	1403480 13/2/98	\$200.00

TAHUN 1999

63.	Sykt Ak Kamarul Ariffin Pg Haji Ahmad	4386517 27/2/99	\$100.00
64.	Haska Trading	4386530 01/3/99	\$100.00
65.	Syarikat Norliha Hj Tengah	4386539 02/3/99	\$100.00
65.	Tukang Jahit dan Dobi Seri Normalawati	4386569 09/3/99	\$200.00
66.	Zulkadir & Company	4386575 10/3/99	\$200.00
67.	Amal Ummi Enterprise	4390019 25/3/99	\$100.00
68.	Kim Lee Hong Motors Sdn Bhd	4390005 23/3/99	\$100.00
69.	Kim Lee Hong Motors Sdn Bhd	4390004 23/3/99	\$100.00
70.	Kim Lee Hong Motors Sdn Bhd	4390003 23/3/99	\$100.00
71.	Goh Hock Kee Motors Sdn Bhd	4390007 23/3/99	\$100.00
72.	Econ Motors Sdn Bhd	4390014 24/3/99	\$100.00
73.	Falcon Engineering Services Sdn Bhd	4390070 08/4/99	\$200.00
74.	Riza Fudhlana Enterprise & Trading Company	4390077 10/4/99	\$200.00
75.	Sykt Angor dan Anak-Anak	4390078 10/4/99	\$200.00

76.	LNS Trading Construction Sdn Bhd	4390086 13/4/99	\$200.00
77.	AES Engineering Company	4390066 08/4/99	\$100.00
78.	Just Pean Enterprise	4399208 08/7/99	\$100.00
79.	Syarikat Noor Awan Sdn Bhd	4399211 08/7/99	\$100.00
80.	Sykt Perusahaan Aziz Hj Metussin	4399218 12/7/99	\$100.00
81.	Syarikat Noorazlidy Ali	4399219 12/7/99	\$100.00
82.	Syarikat Noorazlidy Ali	4401952 25/11/99	\$100.00
83.	Pro Access Trading Company	4401953 27/11/99	\$100.00
84.	Raja Const Company Sdn Bhd	4401954 27/11/99	\$100.00
85.	Syarikat Gaya Abadi	4401955 27/11/99	\$100.00
86.	Syarikat Mufakat Enterprise	4401959 29/11/99	\$100.00
87.	Brupac Enterprise	4401960 29/11/99	\$100.00
88.	Sykt Bapa dan Anak-Anak	4401962 30/11/99	\$100.00
89.	Ghaniyu Cleaning System Sdn Bhd	4401971 30/11/99	\$100.00
90.	Skt Kyoei Buil Maintenance Sdn Bhd	4401973 01/12/99	\$100.00
91.	Sykt Perusahaan Aziz Hj Metussin	4401981 02/12/99	\$100.00
92.	Mohd Effindi b Hassan	4401985 02/12/99	\$100.00
93.	ECS Easy Clean Service	4401995 06/12/99	\$100.00
94.	Donna Nursery	4401997 06/12/99	\$100.00
95.	Pama Engineering Sdn Bhd	4404206 06/12/99	\$100.00
96.	HBI Trading	4404208 06/12/99	\$100.00
97.	Sokleen Service	4404211 07/12/99	\$100.00
98.	ISS Thomas Cowan Sdn Bhd	4404212 07/12/99	\$100.00
99.	Nurul Aman Trading Company	4404213 07/12/99	\$100.00
100.	Abd Salam Enterprise	4399726 29/11/99	\$100.00

TAHUN 2000

101.	Syarikat Yusady	4405167 07/02/00	\$200.00
102.	Yusra Trading Company	4405188 10/02/00	\$200.00
103.	Wisa Enterprise	4405200 10/02/00	\$200.00
104.	Anirus Enterprise	4406502 15/02/00	\$200.00
105.	Econ Motors Sdn Bhd	4406568 09/03/00	\$10
106.	Goh Hock Kee Motors Sdn Bhd	4406575 11/03/00	\$100.00
107.	Petrel Jaya Sendirian Berhad	4406570 01/03/00	\$100.00
108.	Folec Communication (B) Sdn Bhd	4406581 13/03/00	\$100.00
109.	Interhouse Company	4406596 20/03/00	\$100.00
110.	Cityneon Displays and Const Sdn Berhad	4408980 06/06/00	\$200.00
111.	Sykt Ahlam dan Anak-Anak	4408976 05/06/00	\$200.00
112.	Hj Malai Mashor General Const	4408985 07/06/00	\$200.00
113.	Sykt Siti Hadizah Abdullah	4408989 07/06/00	\$200.00
114.	RE Sendirian Berhad	4408992 07/06/00	\$200.00
115.	Normila Sendirian Berhad	4408999 08/06/00	\$200.00
116.	Sykt Perusahaan Aziz Hj Metussin	4409304 08/06/00	\$200.00
117.	Sykt Hj Mohamad Ali Mohamad Arrifin	4409308 12/06/00	\$200.00



IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (a) DARIPADA PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT), AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI-PEGAWAI KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM

TARIKH IKLAN : 19 DISEMBER 2007
TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 9 JANUARI 2008
BILANGAN IKLAN : 51/12/07 (SPA/BMI)

PERATURAN 7 (a)

Syarat-syarat Am:

- PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- Cara permohonan - Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.

1. PENOLONG PENGARAH PENGANGKUTAN DARAT

JABATAN PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
B.3 (\$3,880 SEBULAN) ATAU
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) ATAU
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM BAGI B.3 :

- Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengangkutan / Pentadbiran / Kejuruteraan Mekanikal atau bidang bersesuaian; atau kelulusan sebanding dalam bidang-bidang sama. Kelulusan lebih tinggi dalam bidang-bidang yang sama adalah kelebihan. **ATAU**
- Berkhidmat dengan Jabatan Pengangkutan Darat dalam jawatan bersesuaian dalam tanggungaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan. **ATAU**
- Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggungaji B.2 EB.3 tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan. **ATAU**
- Bagi yang tidak mempunyai Ijazah seperti di a) i) hendaklah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggungaji B.2 tidak kurang 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
- Lulus peperiksaan Perkhidmatan Awam seperti berikut:
 - Peperiksaan Jabatan (jika ada)
 - Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan;
 - Peraturan-Peraturan Kewangan
- Menjadi ahli kepada Institusi Kejuruteraan Mekanik atau Pengangkutan seperti Members of Persatuan Ukurbadan, Jurutera dan Arkitek (MPUJA), Members of Institution of Mechanical Engineering (MIMEch E), Members of Chartered Institute of Transport (MCIT) adalah kelebihan.

KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI B.2 EB.3 :

- Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengangkutan / Automobil atau bidang bersesuaian; atau kelulusan sebanding dalam bidang-bidang sama. Kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang-bidang yang sama adalah kelebihan.

KELAYAKAN MINIMUM BAGI TANGGAGAJI B.2 :

- BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang bersesuaian; atau kelulusan sebanding dalam bidang bersesuaian serta telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggungaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan. Kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan. **ATAU**
- Berkhidmat di Jabatan Pengangkutan Darat sebagai Pegawai Melesen Kanan dalam tanggungaji C.4 EB.5 tidak kurang dari 5 tahun atau dalam jawatan bersesuaian dalam tanggungaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan. **ATAU**
- Berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggungaji C.3 tidak kurang dari 9 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. PENOLONG PEGAWAI BILIK GERAKAN PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM :

- BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan

(HND) dalam bidang Perhubungan Awam dan Komunikasi (Public Relations & Communication); atau kelulusan sebanding dalam bidang sama. Kelulusan yang lebih dalam bidang yang sama adalah kelebihan. **ATAU**

- Berkhidmat di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Pembantu Pegawai Bilik Gerakan dalam tanggungaji D.3 tidak kurang dari 10 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan. **ATAU**
- Berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Yang Menguasai Lalulintas Udara Tingkatan II dalam tanggungaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan. **ATAU**
- Pernah berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sebagai Penolong Pegawai Gerakan di Cawangan Gerakan atau Skuadron-Skuadron Penerbangan di Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei serta mempunyai pengalaman di dalam pentadbiran tugas-tugas gerakan penerbangan tidak kurang dari 5 tahun.

3. PENGUASA KOLAM RENANG JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)

KELAYAKAN MINIMUM:

- BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang bersesuaian; atau kelulusan sebanding dalam bidang bersesuaian. Kelulusan lebih tinggi adalah kelebihan. **ATAU**
